



LAPORAN TAHUNAN 2011

2011 ANNUAL REPORT

ARKIB NEGARA MALAYSIA NATIONAL ARCHIVES OF MALAYSIA

www.arkib.gov.my

LAPORAN TAHUNAN
ANNUAL REPORT

2011



ARKIB NEGARA MALAYSIA
NATIONAL ARCHIVES OF MALAYSIA



Hak Cipta Arkib Negara Malaysia, 2012

Hak Cipta Terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Arkib Negara Malaysia terlebih dahulu.

Copyright of the National Archives of Malaysia, 2012

Copyright reserved. No part of this publication is to be reproduced, stored in a retrieval or transmitted in any form or by any means, whether electronic, photograph and recordings, etc without prior written permission from the National Archives of Malaysia.

Diterbitkan oleh Published by
ARKIB NEGARA MALAYSIA NATIONAL ARCHIVES OF MALAYSIA
Jalan Duta, 50568 Kuala Lumpur

Rekabentuk dan dicetak oleh
Designed and printed by
OMR PRESS SDN BHD

ISSN 0128-4363



04

PERUTUSAN
MENTERI
MESSAGE FROM THE
MINISTER

06

PERUTUSAN
KETUA
PENGARAH
MESSAGE FROM THE
DIRECTOR GENERAL

08

VISI, MISI DAN
OBJEKTIF
VISION, MISSION
& OBJECTIVE

09

AHLI LEMBAGA
PENASIHAT
MEMBERS OF THE ADVISORY
BOARD

10

PENGURUSAN
TERTINGGI
TOP MANAGEMENTS

11

CARTA
ORGANISASI
ORGANISATION
CHART

13

PROFIL ANM
ANM PROFILE

25

BAHAGIAN
KHIDMAT
PENGURUSAN
MANAGEMENT SERVICE
DIVISION

33

BAHAGIAN
PERANCANGAN
DAN
PENYELARASAN
PLANNING AND
COORDINATION DIVISION

41

BAHAGIAN
PENGURUSAN
REKOD
KERAJAAN
GOVERNMENT RECORDS
MANAGEMENT DIVISION

49

BAHAGIAN
PENGURUSAN
ARKIB
ARCHIVES MANAGEMENT
DIVISION

63

BAHAGIAN
PENGEMBANGAN
ADVOCACY DIVISION

71

BAHAGIAN
PENGURUSAN
PENYELIDIKAN
DAN
DOKUMENTASI
RESEARCH AND
DOCUMENTATION
MANAGEMENT DIVISION

79

BAHAGIAN
ARKIB
NEGARAWAN
STATESMEN ARCHIVES
DIVISION

101

CAWANGAN-
CAWANGAN
NEGERI
STATE BRANCHES

107

PERTUBUHAN
IKHTISAS
ANTARABANGSA
INTERNATIONAL
PROFESSIONAL
ORGANISATIONS

113

LAPORAN
KEWANGAN
FINANCIAL REPORT

117

LAMPIRAN
APPENDICES

ISI KANDUNGAN CONTENT



PERUTUSAN MENTERI

MESSAGE FROM THE MINISTER

Tahniah diucapkan kepada Arkib Negara Malaysia atas penerbitan Laporan Tahunan 2011. Segala pencapaian sepanjang 2011 dirakam dan dipersembahkan dalam penerbitan ini sebagaimana peranan Arkib Negara Malaysia dalam menjaga khazanah warisan Negara.

Sepanjang 2011, Arkib Negara Malaysia telah banyak membantu menjayakan segala perancangan dan pelaksanaan program di peringkat Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK). Terima kasih diucapkan kepada seluruh warga Arkib Negara Malaysia yang memberikan komitmen yang tinggi dalam memastikan kejayaan program-program yang dianjurkan.

Congratulations to the National Archives of Malaysia on the publication of the Annual Report 2011. Accomplishments throughout 2011 were recorded and presented in this publication in line with the National Archives of Malaysia's role in protecting the heritage treasures of the Nation.

Throughout 2011, National Archives of Malaysia has helped ensure the success of the planning and implementation of programmes at the level of Ministry of Information, Communication and Culture. My sincere thank you to all staff at the National Archives of Malaysia, who have given a high commitment in ensuring the success of programmes organised.

Saya juga ingin merakamkan tahniah atas kejayaan Arkib Negara Malaysia apabila sekali lagi menerima Anugerah Penarafan 5 Bintang *Malaysia Government Portals and Websites Assessment* (MGPWA) bagi portal Jabatan. Semoga pengiktirafan ini menjadi pembakar semangat untuk Arkib Negara Malaysia terus mengorak langkah memantapkan lagi pengisian portal Jabatan.

Bukan setakat itu sahaja, Arkib Negara Malaysia juga perlu sentiasa peka dengan setiap perubahan teknologi supaya peranan Jabatan dapat diperbaiki dan diperkemaskan lagi dalam merealisasikan hasrat kerajaan seterusnya mampu memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat. Perkara ini perlulah disokong dengan kesungguhan dan kegigihan setiap warga Arkib Negara supaya setiap perancangan yang direncanakan berjalan dengan lancar.

Harapan saya agar Arkib Negara Malaysia terus bergerak ke hadapan membawa kecemerlangan yang telah diperoleh. Bagaimanapun, jangan cepat berasa selesa dengan pencapaian tersebut sebaliknya setiap teguran dan kelemahan perlu dijadikan panduan untuk dibaiki dalam meningkatkan imej Jabatan.

I would also like to express congratulations on the success of the National Archives of Malaysia having once again being the recipient of the 5 Star Ratings Award by the Malaysia Government Portals and Websites Assessment (MGPWA) for the Departmental portal. Hopefully this recognition serves as a morale boost for the National Archives of Malaysia to stride forward and steadily strengthen the Department's portal contents.

Furthermore, the National Archives of Malaysia should also be sensitive of any changes in technology so that the role of the Department can be improved and further fine tuned in realising the government's aspiration to provide the best service to the community. This matter should be supported by the commitment and dedication of every member of the National Archives in ensuring that each planned schedules is progressing well.

I sincerely hope that the National Archives of Malaysia continues to move forward to bring the excellence that has been achieved. However, do not be quick to feel comfortable with the achievements as each comment and weakness should serve as a guide for remedy in enhancing the image of the Department.

Harapan saya agar
Arkib Negara Malaysia
terus bergerak
ke hadapan membawa
kecemerlangan yang
telah diperoleh.

*I sincerely hope that
the National Archives of
Malaysia continues to
move forward to bring
the excellence that has
been achieved.*

DATO' SERI UTAMA DR. RAISYATIM

Menteri Penerangan Komunikasi
dan Kebudayaan
Minister of Information,
Communication and Culture



PERUTUSAN KETUA PENGARAH

MESSAGE FROM THE DIRECTOR GENERAL

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNya dapat saya memberikan sepatah dua kata dalam Laporan Tahunan Arkib Negara Malaysia bagi tahun 2011.

Dalam tahun 2011, Arkib Negara Malaysia telah banyak melaksanakan penambahbaikan serta pembaharuan dalam mengurus dan memelihara khazanah warisan negara. Arkib Negara Malaysia telah membuktikannya apabila berjaya menganjurkan Persidangan dan Perhimpunan Agung Southeast Asia-Pacific Audiovisual Archive Association (SEAPAVAA) ke-15. Arkib Negara Malaysia bukan sahaja berjaya mencipta nama dipersada antarabangsa bahkan membantu memperkenalkan bangunan Pusat Pendokumentasian dan Pemeliharaan Audiovisual Negara, Arkib Negara Malaysia sebagai pusat pengurusan bahan audiovisual di Negara ini kepada masyarakat tempatan dan antarabangsa. Di samping itu, Arkib Negara Malaysia bersama Arkib Negara Filipina selaku tuan rumah juga telah berjaya menganjurkan Mesyuarat Lembaga Eksekutif SARBICA ke-18 di Manila dan seminar antarabangsa bertajuk *Bridging The Worlds Through The Management of Electronic Records*.

Selain itu, dalam memantapkan lagi peranan Arkib Negara Malaysia dalam menyimpan dan memelihara khazanah negara, sebuah lagi bangunan Arkib Negara Malaysia cawangan negeri iaitu bangunan Arkib Negara Cawangan Pahang telah dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang pada 23 Jun 2011. Bangunan ini merupakan bangunan arkib cawangan negeri yang ketiga dibina selepas Arkib Negara Cawangan Kedah dan Sabah.

Alhamdulillah, all thanks to the Almighty for through His grace has enabled me to give a few words in the Annual Report of the National Archives of Malaysia for the year 2011.

In 2011, the National Archives of Malaysia has vastly made improvement and innovations in managing and preserving the nation's heritage treasures. National Archives of Malaysia has proven that it has successfully host Conference and General Assembly of the 15th Southeast Asia – Pacific Audiovisual Archive Association (SEAPAVAA). National Archives of Malaysia has made its name not only internationally but also help promote the National Centre for Audiovisual Documentation and Conservation building at the National Archives as a centre for audiovisual materials management centre for local and international communities. In addition, the National Archives of Malaysia and the National Archives of Philippines has successfully co-hosted organising the 18th Executive Board Meeting of SARBICA in Manila and an international seminar entitled 'Bridging The Worlds Through The Management of Electronic Records'.

Besides that, in enhancing the role of National Archives of Malaysia in storing and preserving the nation's treasures, another state branch of the National Archives of Malaysia, i.e. the Pahang Branch was officially opened by His Royal Highness the Sultan of Pahang on June 23rd, 2011. This building is the third state branch built by the National Archives after Kedah and Sabah branches.



Arkib Negara Malaysia sekali lagi mencipta nama apabila portal rasmi Jabatan menerima Anugerah Penarafan 5 Bintang *Malaysia Government Portals and Websites Assessment* (MGPWA) oleh *Multimedia Development Corporation* (MDEC). Jabatan ini juga turut diiktiraf sebagai Rakan Integriti oleh Institut Integriti Malaysia menjadikan agensi pertama di bawah Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan menerima pengiktirafan ini.

Dalam usaha memartabatkan sejarah warisan Negara pula, Arkib Negara melalui Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan telah menganjurkan Program Mengenang Tokoh Negerawan: Allahyarham Tun Haji Abdul Razak. Program tahunan itu adalah usaha Jabatan untuk mengenang jasa dan sumbangan tokoh-tokoh Negerawan kepada Negara.

Saya amat berbangga dengan pencapaian Arkib Negara sehingga kini. Di kesempatan ini, saya merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua warga Arkib Negara yang telah berusaha gigih mencari idea baru dalam usaha menzahirkan Arkib Negara sebagai sebuah Jabatan yang terbilang dalam pengurusan rekod dan peranannya sebagai pusat arkib dan penyelidikan Negara yang unggul.

Akhir kata, saya ingin menyeru warga Arkib Negara agar terus berusaha melengkapi diri dengan kemahiran, ilmu pengetahuan dan sifat peribadi yang mulia serta bekerja dalam satu pasukan untuk menunaikan amanah rakyat dan hasrat kerajaan.

National Archives of Malaysia once again made its name when the official portal of the department received 5 Star Ratings by the Malaysia Government Portals and Websites Assessment (MGPWA) of the Multimedia Development Corporation (MDEC). The department is also recognized as Partner of Integrity by the Integrity Institute of Malaysia making it the first agency under the Ministry of Information, Communication and Culture to receive this recognition.

In an effort to uphold the legacy of the nation's heritage, the National Archives, through the Ministry of Information, Communication and Culture organized the programme on Reminiscence of Statesman: the late Tun Haji Abdul Razak. This annual programme is another department's effort in remembering the services and contributions of prominent statesmen to the nation.

I am very proud of the achievements of the National Archives up to now. On this occasion, I extend my appreciation and gratitude to all staff of the National Archives who have worked relentlessly looking for new ideas in the realization of the National Archives as a department of distinction in records management and its role as the nation's centre of excellence for archives and research.

Finally, I would like to urge the National Archives staff to continue to endeavour and equip themselves with skills, knowledge and personal qualities of virtue, as well as working in a team to honour the trust of the people and the government's aspiration.

HAJAH DARESAH HAJI ISMAIL

Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia

Director General National Archives Of Malaysia

VISI/ VISION

Menjadi Pusat Arkib dan Penyelidikan Negara yang unggul.

Becoming the nation's premier Archive and Research Centre.

MISI/ MISSION

Memastikan rekod negara yang bernilai kekal dipelihara, menyediakan perkhidmatan rujukan dan kemudahan penyelidikan yang terbaik serta memasyarakatkan bahan arkib dan sejarah.

Ensuring valuable records of the nation are permanently preserved, providing reference services and excellent research facilities as well as communalising of archival and historical materials.

OBJEKTIF OBJECTIVE

- Meningkatkan kecekapan pengurusan rekod kerajaan melalui khidmat nasihat dan penguatkuasaan Akta Arkib Negara 2003.
- Meningkatkan kesedaran penjawat awam untuk memelihara rekod kerajaan yang bernilai sebagai memori institusi.
- Memperolehi koleksi bahan dari sumber tidak rasmi melalui hadiah, sumbangan, derma, pembelian dan sebagainya.
- Memelihara bahan arkib sebagai warisan negara mengikut piawaian yang telah ditetapkan.
- Menggalakkan penggunaan bahan arkib sebagai sumber rujukan dan penyelidikan melalui kemudahan capaian.
- Mempertingkatkan kesedaran dan penghayatan sejarah negara melalui penggunaan bahan arkib.
- Memperluaskan penyebaran dan penggunaan bahan arkib melalui penggunaan teknologi terkini, pameran, penerbitan dan sebagainya.
- Meningkatkan jumlah pelawat ke Arkib Negara dan Memorial melalui program dan aktiviti yang terancang.
- *To improve competent management of government records through advisory services and the enforcement of the National Archives Act 2003.*
- *To heighten awareness among civil servants on the need to preserve valuable government records as an institutional memory.*
- *To acquire a collection of archival materials from unofficial sources through gifts, contributions, donations, purchases and other means.*
- *To preserve archival materials as the nation's heritage in accordance with prescribed standards.*
- *To encourage the use of archival materials as reference and research resources through easy accessibility.*
- *To heighten awareness and appreciation of the nation's history through the use of archival materials.*
- *To expand the dissemination and use of archival materials through the use of latest technology, exhibitions, publications and other means.*
- *To increase the number of visitors to the National Archives and Memorials through planned programmes and activities.*



Pengerusi / *Chairman*
YB Puan Hajah Nancy binti Shukri



AHLI LEMBAGA PENASIHAT


MEMBERS OF THE
ADVISORY BOARD

Ahli-Ahli / *Members*

1. YBhg. Tan Sri Abdul Kadir Mohamad
2. YBhg. Dato' Sri Kamaruddin bin Siaraf
3. YBhg. Prof. Datuk Dr. Zainal bin Kling
4. YBhg. Prof. Dr. Abdullah Zakaria bin Ghazali
5. YBhg. Tan Sri Dato' Hj. Alimuddin bin Hj. Mohd Dom
6. YBhg. Prof. Madya Dr. Adnan bin Jamaludin
7. YBhg. Dr. Hajah Samsiah binti Muhamad
8. Pn. Nor'aini binti Abd Razak

Sehingga / *Until* 18 September 2011

PENGURUSAN TERTINGGI ARKIB NEGARA MALAYSIA TOP MANAGEMENT





WARGA ARKIB NEGARA MALAYSIA
NATIONAL ARCHIVES OF MALAYSIA STAFF

2011

PROFIL ARKIB NEGARA MALAYSIA

PROFILE OF THE NATIONAL
ARCHIVES OF MALAYSIA



PROFIL ARKIB NEGARA MALAYSIA

TAHUN / YEAR	PERISTIWA / EVENTS
1 Disember 1957	<i>Public Records Office ditubuhkan. Tuan Haji Mubin Sheppard dilantik sebagai Keeper of Public Records. The Public Records Office was established. Tuan Haji Mubin Sheppard was appointed as the Keeper of Public Records.</i>
1 Februari 1961	<i>Mula menduduki Bangunan Persekutuan di Petaling Jaya. Start to occupy Federal Building in Petaling Jaya.</i>
November 1962	<i>Dr. F.R.J. Verhoeven, pakar arkib dari UNESCO menggantikan Tuan Haji Mubin Sheppard. Dr. F.R.J. Verhoeven, archival expert from UNESCO replacing Tuan Haji Mubin Sheppard.</i>
1963	<i>Public Records Office ditukar nama kepada Jabatan Arkib Negara Malaysia. Public Records Office was renamed Department of National Archives of Malaysia.</i>
15 Februari 1966	<i>Encik Alwi Jantan dilantik sebagai Pengarah Arkib Negara Malaysia menggantikan Dr. F.R.J. Verhoeven. Mr. Alwi Jantan was appointed as the Director of National Archives of Malaysia replacing Dr. F.R.J. Verhoeven.</i>
31 Ogos 1966	<i>Akta Arkib Negara No. 44/1966 dikuatkuasakan. The National Archives Act No. 44/1966 was enforced.</i>
31 Ogos 1966	<i>Satu bahagian baru iaitu Perkhidmatan Perpustakaan Negara ditubuhkan. A new division known as National Library Services was established.</i>
5 Disember 1966	<i>Bangunan Pusat Urusan Rekod dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri, YAB Tun Abdul Razak. The Records Centre Management Building was officially opened by the Deputy Prime Minister, YAB Tun Abdul Razak.</i>
20 Julai 1967	<i>Lembaga Penasihat Arkib Negara yang dianggotai oleh 5 orang ahli dibentuk. National Archives Advisory Board consisting of 5 members was formed.</i>
11 Julai 1968	<i>Majlis Arkib Antarabangsa Cawangan Rantau Asia Tenggara (SARBICA) ditubuhkan. Pengarah Arkib Negara Malaysia dilantik sebagai Pengerusi. Sekretariat dan Setiausaha adalah Arkib Negara. Southeast Asia Regional Branch of the International Council on Archives (SARBICA) was established. Director of National Archives of Malaysia was appointed as Chairman. National Archives is the Secretariat and Secretary.</i>
15 Julai 1968	<i>Mesyuarat pertama Lembaga Penasihat diadakan. First meeting of the Advisory Board was held.</i>
1969	<i>Senarai Penerimaan Arkib Negara Malaysia (1957-1967) yang lengkap diterbitkan buat kali pertama dalam masa 10 tahun. A complete National Archives of Malaysia Accession List (1957-1967) was published for the first time in 10 years.</i>
1971	<i>Jawatan Pengarah ditukar kepada Ketua Pengarah dan nama jabatan ditukar kepada Jabatan Arkib Negara dan Perpustakaan Negara. The post of Director was changed to Director General and the department's name changed to the Department of National Archives and National Library.</i>
Mei 1972	<i>Pejabat cawangan pertama iaitu Pejabat Wilayah Selatan ditubuhkan di Johor Bahru. The first branch office i.e. the Southern Regional Branch Office was established in Johor Bahru.</i>
19 Februari 1973	<i>Encik Saad Marzuki dilantik sebagai Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia. Mr. Saad Marzuki was appointed as the Director General of the National Archives of Malaysia.</i>
1 Julai 1976	<i>Pejabat Cawangan Sarawak ditubuhkan. Sarawak Branch Office was established.</i>
1977	<i>Puan Zakiah Hanum dilantik memangku jawatan Ketua Pengarah Arkib Negara. Ms. Zakiah Hanum appointed as Acting Director General of the National Archives of Malaysia.</i>
Jun 1977	<i>Jabatan Perpustakaan Negara diasingkan dan nama jabatan ditukar semula sebagai Arkib Negara Malaysia. Department of National Library was separated and the department's name changed to National Archives of Malaysia.</i>
12 November 1977	<i>Peletakan batu asas Bangunan Arkib Negara Malaysia di Jalan Duta. Laying of the foundation stone for the National Archives of Malaysia Building in Jalan Duta.</i>

PROFILE OF THE NATIONAL ARCHIVES OF MALAYSIA

TAHUN / YEAR	PERISTIWA / EVENTS
15 April 1978	Pejabat Cawangan Timur ditubuhkan di Terengganu dan bertanggungjawab kepada rekod-rekod di negeri Pahang, Kelantan dan Terengganu. <i>The Eastern Branch Office was established in Terengganu and responsible for records in the states of Pahang, Kelantan and Terengganu.</i>
1979	Logo rasmi Arkib Negara Malaysia dipilih dalam satu pertandingan mencipta logo Arkib Negara. Logo ini direka oleh En. Sumali Amat. <i>The official logo of the National Archives of Malaysia has been chosen in a competition to create the logo of the National Archives. This logo was designed by Mr. Sumali Amat.</i>
	Pelancaran Projek Panduan Bahan-bahan Sejarah Asia iaitu projek pengumpulan maklumat yang komprehensif mengenai bahan-bahan sejarah di Asia – usahasama UNESCO dan ICA. <i>Launch of The Guidelines on The Sources of Asian History project, i.e. a comprehensive collection of information project about historical materials in Asia – a joint venture of UNESCO and the International Council on Archives (ICA).</i>
1 Mac 1979	Pejabat Cawangan Utara ditubuhkan di Kedah dan bertanggungjawab kepada rekod-rekod di negeri Pulau Pinang, Kedah dan Perlis. <i>The Northern Branch Office was established in Kedah and responsible for records in the states of Pulau Pinang, Kedah and Perlis.</i>
16-25 November 1979	Minggu Arkib Antarabangsa diadakan di seluruh dunia. Arkib Negara Malaysia merayakan minggu tersebut dengan tema 'Arkib – Warisan Negara'. <i>International Archives Week held around the world. National Archives of Malaysia celebrated the week with the theme 'Archives – Nation's Heritage'.</i>
1980	Puan Zakiah Hanum dilantik sebagai Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia. <i>Ms. Zakiah Hanum appointed as the Director General of the National Archives of Malaysia.</i>
6 Mei 1982	Perasmian bangunan Pustaka Tun Abdul Razak (PINTAR). <i>Official opening of the Tun Abdul Razak Memorial (PINTAR) building.</i>
22 November – 4 Disember 1982	Persidangan Meja Bulat Arkib Antarabangsa (ICA) yang ke-21 diadakan di Malaysia. <i>The 21st Round Table Conference of the International Council on Archives (ICA) was held in Malaysia.</i>
1 Disember 1982	Perasmian bangunan Arkib Negara Malaysia di Jalan Duta oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ahmad Shah. <i>Official opening of the National Archives of Malaysia in Jalan Duta by His Majesty of The Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ahmad Shah.</i>
31 Ogos 1985	Perasmian Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan di Melaka. <i>Official opening of the Proclamation of Independence Memorial in Malacca.</i>
22 Mac 1986	Perasmian Pustaka Peringatan P. Ramlee di Setapak. <i>Official opening of the P. Ramlee Memorial in Setapak.</i>
13 November 1986	Pusat Rekod Pulau Pinang ditubuhkan. <i>The Records Centre Penang was established.</i>
1 Februari 1987	Pusat Rekod Kelantan ditubuhkan. <i>The Records Centre Kelantan was established.</i>
13 Disember 1991	Rumah Kelahiran P. Ramlee dirasmikan. <i>P. Ramlee Birthplace was officially opened.</i>
30 Oktober 1992	Pustaka Perkhidmatan Awam ditubuhkan dan dibuka kepada orang ramai pada 1 Julai 1995. <i>The Public Services Memorial was established and opened to public on July 1st, 1995.</i>
20 Disember 1992	Rumah kelahiran Tun Mahathir Mohamad dirasmikan oleh YB Dato' Sabaruddin Chik, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. <i>Tun Mahathir Mohamad Birthplace was officially opened by the YB Dato' Sabaruddin Chik, Minister for Culture, Arts and Tourism.</i>
1 Januari 1993	Cawangan Perancangan, Penyelidikan dan Pembangunan diwujudkan. <i>Planning, Research and Development Branch was established.</i>

TAHUN / YEAR	PERISTIWA / EVENTS
25 Mei 1993	Memenangi Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam melalui formula baru Penyediaan Larutan Pengenyahan Asid. <i>Winning the Public Services Award for Innovation by way of new formula for the Preparation of Deacidification Solution.</i>
1 Oktober 1993	Pejabat Cawangan Perak ditubuhkan. <i>The Perak Branch Office was established.</i>
10 November 1994	Perasmian Memorial Tunku Abdul Rahman Putra. <i>Official opening of the Tunku Abdul Rahman Putra Memorial.</i>
1 November 1995	Pn. Habibah Zon dilantik sebagai Ketua Pengarah ANM. <i>Ms. Habibah Zon was appointed as the Director General of the National Archives of Malaysia.</i>
1 Mac 1996	Kerajaan meluluskan Penubuhan Pustaka Wira Negara dan beroperasi pada 1997. <i>The government approved the establishment of the National Heroes Library and started operation in 1997</i>
9 Januari 1997	Pelancaran Homepage Arkib Negara Malaysia. <i>Launching of the National Archives of Malaysia Homepage.</i>
1 Mac 1997	Kemudahan internet dan e-mel digunakan di Arkib Negara Malaysia. <i>Internet and e-mail facilities used at the National Archives of Malaysia.</i>
3 Mei 1997	Sistem maklumat Bersepadu Arkib Negara (COMPASS) dan Surat Pekeliling Am Bil. 1/97 dilancarkan oleh Ketua Setiausaha Negara. <i>Computerised Archival System and Services (COMPASS) and General Circular Letter No. 1/97 was launched by the Chief Secretary to the Government.</i>
1 Disember 1998	HIDS (Hari Ini dalam Sejarah) Online dirasmikan. <i>Today in History Online was officially launched.</i>
Mei 1999	Cawangan Dasar Rekod Elektronik diwujudkan. <i>The Electronic Records Policy Branch was established.</i>
1999	Bangunan Menara Ilmu didirikan. <i>'Menara Ilmu' was erected.</i>
April 2000	Arkib Negara Malaysia peroleh pengiktirafan MS 9002: 1994. <i>National Archives of Malaysia earned the MS 9002 : 1994 recognition.</i>
1 Oktober 2000	Penstrukturan Organisasi Arkib Negara. <i>Organisational Restructuring of the National Archives.</i>
22 Mac 2002	Perasmian pembukaan semula Pustaka Peringatan P. Ramlee. <i>Official reopening of the P. Ramlee Memorial.</i>
28 Januari 2003	Majlis Peletakan Batu Asas Bangunan Arkib Negara Malaysia Cawangan Sabah. <i>Foundation Stone Laying Ceremony for the building of the National Archives of Malaysia, Sabah Branch.</i>
18 Februari 2003	Majlis Menandatangani Kontrak Perjanjian Projek Pemeliharaan Rekod Elektronik di Sektor Awam (e-SPARK). <i>Signing Ceremony of the Contracts Agreement for The Preservation of Electronic Records in Public Sector project (e-SPARK).</i>
6 Mei 2003	Majlis Perasmian Bangunan Arkib Negara Malaysia Cawangan Kedah/ Perlis. <i>Official Opening Ceremony of the Kedah/Perlis Branch of the National Archives of Malaysia.</i>
19 Jun 2003	Pn. Hajah Rahani Jamil dilantik sebagai Ketua Pengarah ANM. <i>Ms. Hajah Rahani Jamil appointed as the Director General of the National Archives of Malaysia</i>
10 Oktober 2003	Akta Arkib Negara Malaysia 2003 (Akta 629) dikuatkuasakan. <i>National Archives of Malaysia Act 2003 (Act 629) was enforced.</i>
20 Disember 2003	Pelancaran Galeria Sri Perdana. <i>Launching of the Sri Perdana Gallery.</i>

TAHUN / YEAR	PERISTIWA / EVENTS
15 Julai 2004	Majlis Perasmian Arkib Negara Malaysia Cawangan Melaka. <i>Official Opening Ceremony of the National Archives of Malaysia Malacca Branch.</i>
9 Oktober 2004	Arkib Negara Malaysia memperoleh Sijil MS ISO 9001 : 2000 (Perolehan & Pemeliharaan Fail-fail Rasmi Kerajaan). <i>National Archives of Malaysia earned the MS 9001 : 2000 Certificate (Acquisition & Preservation of Official Government Files).</i>
11 Oktober 2004	Pelaksanaan sepenuhnya Sistem GOE-egdms (Generic Office Environment – electronic government document management system) di Arkib Negara Malaysia. <i>Full implementation of the GOE-egdms System (Generic Office Environment – electronic government document management system) at the National Archives of Malaysia.</i>
10 Februari 2006	Perasmian Memorial Tun Hussein Onn dan Pelancaran Buku Tun Hussein Onn – Bapa Perpaduan. <i>Official Opening of the Tun Hussein Onn Memorial and Book Launch – ‘Bapa Perpaduan’.</i>
13 April 2006	Perasmian Bangunan Baru Arkib Negara Malaysia Cawangan Sabah. <i>Official Opening of the new building of the Sabah Branch of the National Archives of Malaysia.</i>
15 April 2006	Pelantikan Tuan Haji Mohamed Zawawi Abdullah sebagai Ketua Pengarah Arkib Negara. <i>Tuan Haji Mohamad Zawawi Abdullah appointed as the Director General of the National Archives.</i>
2007	Arkib Negara Malaysia menyambut Sambutan Jubli Emas sempena 50 Tahun penubuhannya. <i>National Archives of Malaysia celebrated Golden Jubilee in conjunction with 50 years of its inception.</i>
30 Jun 2007	Pertukaran tampuk kepimpinan Arkib Negara daripada Tuan Haji Mohamed Zawawi Abdullah kepada Encik Sidek Jamil berikutan masalah kesihatan Tuan Haji Mohamed Zawawi. <i>Change of leadership at the National Archives from Tuan Haji Mohamed Zawawi Abdullah to Mr. Sidek Jamil due to Tuan Haji Mohamed Zawawi's health problem.</i>
1 Julai 2007	Pelantikan Encik Sidek Jamil sebagai Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia. <i>Mr. Sidek Jamil appointed as the Director General of the National Archives of Malaysia.</i>
31 Oktober 2007	Persaraan wajib Encik Sidek Jamil sebagai Ketua Pengarah Arkib Negara. <i>Mr. Sidek Jamil retirement as the Director General of the National Archives.</i>
1 November 2007	Encik Sidek Jamil dilantik menjadi Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia secara kontrak. <i>Mr. Sidek Jamil appointed as the Director General of the National Archives of Malaysia on contract.</i>
5-6 November 2007	Konvensyen Pengurusan Rekod Peringkat Kebangsaan julung kali diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya dan telah dirasmikan oleh Ketua Setiausaha Negara. <i>National Level Convention on Records Management was held for the first time at the Putrajaya International Convention Centre and was officiated by Chief Secretary to the Government.</i>
1 Disember 2007	Sambutan Hari Arkib Negara Malaysia ke-50. <i>The 50th celebration of the National Archives of Malaysia Day.</i>
31 Disember 2007	Persaraan Tuan Haji Mohamed Zawawi daripada Perkhidmatan Awam. <i>Tuan Haji Mohamed Zawawi Abdullah retirement from Civil Service.</i>
31 Mac 2008	Penyerahan Galeri Tun Ghafar Baba kepada Arkib Negara Malaysia. Majlis penyerahan telah ditandatangani oleh Ketua Pengarah Arkib Negara, En. Sidek Jamil dan YBhg. Datuk Wira Haji Hamdin Abdullah mewakili PERZIM. <i>Handing over of the Tun Ghafar Baba Gallery to the National Archives of Malaysia. The handover ceremony was signed by the Director General National Archives of Malaysia, Mr. Sidek Jamil and Datuk Wira Haji Hamdan Abdullah representing PERZIM.</i>

TAHUN / YEAR	PERISTIWA / EVENTS
21-27 Julai 2008	Kongres Majlis Arkib Antarabangsa (ICA) kali ke-16 diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur dan telah dirasmikan oleh YB Dato' Seri Haji Mohd Shafie Haji Apdal. <i>The 16th Congress of the International Council on Archives (ICA) was held at the Kuala Lumpur Convention Centre and was officiated by YB Dato' Seri Haji Mohd Shafie Haji Apdal.</i>
Januari 2009	Ketua Pengarah Arkib Negara, En. Sidek Jamil menjadi individu pertama dari Asia Tenggara dilantik sebagai Fellow Majlis Arkib Antarabangsa (ICA) sepanjang hayat pada Mesyuarat Agung Tahunan (AGM). <i>Mr. Sidek Jamil, the Director General of National Archives, became the first individual from Southeast Asia appointed as lifetime Fellow of the International Council on Archives (ICA) at the Annual General Meeting (AGM).</i>
Januari 2009	Program Mengenang Tokoh Negarawan dimulakan dan menjadi program tahunan Arkib Negara Malaysia. Program ini diadakan bagi mengenang sumbangan bekas-bekas Perdana Menteri Malaysia kepada Negara. <i>Reminiscence of the Statesman Programme was started and became an annual programme of the National Archives of Malaysia. The programme aimed at giving recognition to the contributions of the nation's past Prime Ministers.</i>
1 Februari 2009	Penstrukturan semula Jabatan Arkib Negara berdasarkan Waran Perjawatan Bil. S 25 Tahun 2009. <i>Restructuring of the National Archives Department based on the Establishment Warrant No. S 25 Year 2009.</i>
31 Julai 2009	Arkib Negara Malaysia memenangi Anugerah UNESCO 'Jikji Memory of the World Prize' dan menerima hadiah bernilai USD 30,000.00. <i>National Archives of Malaysia awarded the UNESCO 'Jikji Memory of the World Prize' and USD 30,000.00 prize.</i>
17 Disember 2009	Penyerahan bangunan Pusat Pendokumentasian dan Pemuliharaan Bahan-bahan Pandang Dengar Negara (PPPAV) yang disampaikan oleh Ketua Pengarah Kerja Raya, YBhg. Dato' Sri Ir Dr. Judin Abdul Karim kepada Ketua Pengarah Arkib Negara, YBhg. Dato' Haji Sidek Haji Jamil. <i>Handing over of the National Centre for Documentation and Conservation of Audio Visual Materials Building by the Director General Public Works Department, YBhg. Dato' Sri Ir Dr. Judin Abdul Karim to the Director General National Archives of Malaysia YBhg. Dato' Haji Sidek Haji Jamil.</i>
25 - 30 April 2010	Arkib Negara Malaysia menjadi tuan rumah Bengkel ASEAN Emergency Response and Recovery Team For Records. <i>National Archives of Malaysia played host to the Workshop on ASEAN Emergency Response and Recovery Team for Records.</i>
27 September 2010	Arkib Negara Malaysia menjadi tuan rumah Persidangan SARBICA ke-17 di Seri Pacific Hotel, Kuala Lumpur. Persidangan telah dirasmikan oleh Menteri KPPK, YB Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim. <i>National Archives of Malaysia played host to the 17th SARBICA Conference held in Seri Pacific Hotel, Kuala Lumpur. The Conference was officiated by Minister KPPK, YB Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim.</i>
5 Oktober 2010	Persaraan Ketua Pengarah Arkib Negara, YBhg. Dato' Haji Sidek Jamil daripada Perkhidmatan Awam. <i>YBhg. Dato' Haji Sidek Jamil, the Director General of the National Archives retirement from the Civil Service.</i>
6 Oktober 2010	Pelantikan YBhg. Dr. Hajah Samsiah Muhamad sebagai Ketua Pengarah Arkib Negara. <i>YBhg. Dr. Hajah Samsiah Muhamad appointed as the Director General of the National Archives.</i>
26 Oktober 2010	Penyerahan bangunan Arkib Negara Malaysia Cawangan Pahang oleh Jabatan Kerja Raya Daerah Kuantan melalui Timbalan Ketua Setiausaha (Penerangan) KPPK, YBhg. Dato' Dr. Rothiah Omar kepada Ketua Pengarah Arkib Negara, YBhg. Dr. Hajah Samsiah Muhamad. <i>Handing over of the National Archives of Malaysia building Pahang Branch by Public Works Department Kuantan District through Deputy Secretary General (Information) KPPK, YBhg. Dato' Dr. Rothiah Omar to the Director General National Archives, YBhg. Dr. Hajah Samsiah Muhamad.</i>

TAHUN / YEAR	PERISTIWA / EVENTS
11 November 2010	Portal Rasmi Arkib Negara Malaysia diberi penarafan 5 Bintang serta berada di tangga ke-5 keseluruhan melalui Malaysia Government Portals and Websites Assessment (MGPWA) 2010 oleh Multimedia Development Corporation (MDEC). <i>The National Archives of Malaysia official portal was awarded 5 Star Ratings and placed 5th overall by way of Malaysia Government Portals and Websites Assessment (MGPWA) 2010 conducted by the Multimedia Development Corporation (MDEC).</i>
3 Januari 2011	Arkib Negara Malaysia Cawangan Pahang memulakan operasi. <i>The National Archives of Malaysia Pahang Branch started operation.</i>
25 – 28 Mac 2011	Seminar Pemantapan Profesionalisme, Transformasi Budaya Kerja dan Pemikiran Pegawai Arkib diadakan di The Legend Resort, Cherating, Pahang. Seminar diadakan selaras dengan penstrukturan semula Arkib Negara pada Februari 2009. <i>Seminar on Strengthening Professionalism, Transformation of Work Culture and Thinking for Archivists was held at the Legend Resort, Cherating, Pahang. The seminar was in line with the restructuring exercise of the National Archives on February 2009.</i>
30 April 2011	Sejumlah besar rekod-rekod penting Negeri Pahang (122,518 fail) dipindahkan dari Arkib Negara Malaysia Cawangan Terengganu ke Arkib Negara Malaysia Cawangan Pahang melalui Operasi 'Sireh Pulang Ke Gagang'. Operasi diilhamkan oleh Allahyarham Tuan Haji Abu Rahman Ahmad, Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelarasan. <i>A large number of vital Pahang State records (122,518 files) were transferred from the National Archives of Malaysia Terengganu Branch to National Archives of Malaysia Pahang Branch by way of 'Sireh Pulang Ke Gagang' Operation. The operation was inspired by the late Tuan Haji Abu Rahman Ahmad, Director, Planning and Coordination Division.</i>
5 Mei 2011	Arkib Negara Malaysia dipilih sebagai Rakan Integriti oleh Institut Integriti Malaysia (IIM) menjadikan Arkib Negara sebagai agensi pertama di bawah KPKK yang menerima penghormatan ini. <i>The National Archives was chosen as Friend of Integrity by the Malaysian Institute of Integrity (IIM) making National Archives the first agency under KPKK to receive the honour.</i>
6 – 10 Jun 2011	Arkib Negara Malaysia menjadi tuan rumah kepada 15th SEAPAVAA Conference and General Assembly. <i>The National Archives of Malaysia played host to the 15th SEAPAVAA Conference and General Assembly.</i>
23 Jun 2011	KDYMM Sultan Pahang, Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam merasmikan bangunan Arkib Negara Malaysia Cawangan Pahang. <i>His Majesty the Sultan of Pahang, Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam officially opened the Pahang Branch building of the National Archives of Malaysia.</i>
19 September 2011	Persaraan Ketua Pengarah Arkib Negara, YBhg. Dr. Hajah Samsiah Muhamad daripada perkhidmatan awam. <i>YBhg. Dr. Hajah Samsiah Muhamad, Director General of the National Archives, retirement from civil service.</i>
27 September 2011	Arkib Negara Malaysia menerima Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti Jabatan Audit Negara bagi Tahun 2010 sempena Hari Audit Se-Malaysia 2011. <i>The National Archives of Malaysia was conferred the Financial Management Excellence Award by way of Accountability Index of the National Audit Department for the year 2010 in conjunction with Malaysia Audit Day 2011.</i>
	Sambutan Hari Arkib Negara Malaysia ke-54. <i>The 54th celebration of the National Archives Day.</i>
1 Disember 2011	Portal Rasmi Arkib Negara Malaysia sekali lagi diberi penarafan 5 Bintang yang diterima daripada Malaysia Government Portals and Websites Assessment (MGPWA) 2011. <i>The National Archives of Malaysia official portal was once again awarded 5 Star Ratings received from the Malaysia Government Portals and Websites Assessment (MGPWA) 2011.</i>

LAPORAN RINGKAS PROGRAM / AKTIVITI *BRIEF SUMMARY ON PROGRAMMES / ACTIVITIES*

Sepanjang tahun 2011, Arkib Negara Malaysia telah melaksanakan pelbagai aktiviti dan program dalam usaha untuk memperluaskan lagi peranannya sebagai Pusat Arkib dan Penyelidikan Negara yang unggul. Pada tahun ini Arkib Negara telah menjadi tuan rumah kepada Persidangan dan Perhimpunan Agung *Southeast Asia-Pacific Audiovisual Archive Association (SEAPAVAA)* ke-15 pada 6 hingga 10 Jun 2011. Penganjuran ini merupakan satu penghormatan kepada Arkib Negara di samping dapat memperkenalkan bangunan Pusat Pendokumentasian dan Pemeliharaan Audiovisual Negara ANM sebagai pusat pengurusan bahan audiovisual di Negara ini kepada masyarakat tempatan dan antarabangsa.

Tahun ini juga amat penting dalam sejarah Arkib Negara kerana bangunan Arkib Negara Cawangan Pahang telah siap dibina dan dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang pada 23 Jun 2011. Bangunan ini merupakan bangunan arkib cawangan negeri yang ketiga dibina selepas Arkib Negara Cawangan Kedah dan Sabah.

Salah satu program tahunan Arkib Negara yang diadakan untuk mengenang jasa dan sumbangan tokoh-tokoh Negerawan telah diangkat menjadi salah satu acara Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan iaitu Program Mengenang Tokoh Negerawan : Allahyarham Tun Haji Abdul Razak yang diadakan pada 7 hingga 9 Julai 2011 di UiTM Cawangan Pahang, Bandar Jengka, Pahang. Program ini telah dirasmikan oleh Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak.

Pada tahun ini juga, Arkib Negara telah menempa kejayaan dalam bidang teknologi maklumat apabila portal rasmi Jabatan menerima Anugerah Penarafan 5 Bintang oleh *Multimedia Development Corporation (MDEC)*.

Peningkatan Penyampaian Sistem Perkhidmatan

Dalam membantu agensi kerajaan melupuskan rekod, Arkib Negara telah melupuskan sejumlah 106 meter panjang (mp) fail, 4,737 mp rekod bukan fail dan 8,011 mp rekod kewangan. Selain itu, Arkib Negara juga telah mengadakan Program Pengurusan Rekod di Pejabat Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Singapura pada 9 hingga 15 Oktober 2011.

Throughout 2011, the National Archives of Malaysia has been implementing various activities and programmes in an effort to broaden its role as the nation's premier Archives and Research Centre. In this year, the National Archives has played host to Conference and General Assembly of the 15th Southeast Asia-Pacific Audiovisual Archive Association (SEAPAVAA) from June 6th to 10th, 2011. Organising this event was an honour to the National Archives as well as to promote the building of the National Centre for Documentation and Audiovisual Conservation NAM as an audiovisual materials management centre for this country to local and international communities.

This year was also important in the history of the National Archives as the National Archives Pahang Branch building was completed and inaugurated by His Royal Highness the Sultan of Pahang on June 23rd, 2011. This building was the third archive state branch building built after the National Archives of Kedah and Sabah branches.

One of the annual programmes conducted by the National Archives to reminisce the services and contributions of prominent statesmen was taken to become one of the event of the Ministry of Information, Communication and Culture. The Reminiscence of Statesman Programme : the late Tun Haji Abdul Razak was held on July 7th to 9th, 2011 at UiTM Pahang Branch, Bandar Jengka, Pahang. The programme was officiated by the Prime Minister of Malaysia, YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak.

In this year too, the National Archives has been extremely successful in the field of information technology when the Department's official portal received 5 Star Ratings Award by the Multimedia Development Corporation (MDEC).

Enhancing the Service System Delivery

In assisting the government agency for disposals of records, the National Archives has disposed a total of 106 meter length (ml) files, 4,737 ml non-file records and 8,011 ml financial records. In addition, the National Archives has also conducted Record Management Programme at the Office of the High Commissioners of Malaysia in Singapore on October 9th to 15th, 2011.

Sebanyak 9,507 unit bahan daripada orang perseorangan, tokoh, pertubuhan, organisasi bukan kerajaan (NGO), institusi luar negara dan syarikat perusahaan selain 2,422 unit bahan Koleksi Surat Persendirian daripada tokoh yang terkemuka atau kenamaan telah diperolehi dan diproses.

Di samping itu pertubuhan seperti Persatuan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO), Persatuan Gimnastik Malaysia, Persatuan Perubatan Malaysia, *Malaysia Chinese Association* (MCA) dan lain-lain telah menyerahkan sejumlah 4,474 unit bahan Koleksi Arkib Pertubuhan. Arkib Negara juga telah memperolehi sebanyak 2,611 unit bahan Koleksi Persendirian dan Rekod-rekod Malaysia dari luar Negara.

Bagi bahan audiovisual pula, sebanyak 18,624 bahan telah diterima yang terdiri daripada 12 bahan filem, 1,155 bahan audio, video dan multimedia serta 17,457 bahan gambar.

Sepanjang tahun ini Arkib Negara telah menguruskan penerimaan fail sepanjang 281.55 meter panjang, 2,902 unit terbitan rasmi, 424 unit rekod kartografi dan seni bina, 2,499 rekod dalam bentuk mikrofilem, 5,231 unit bahan Arkib Persendirian serta 1,275 naskah surat khabar dan majalah untuk simpanan kekal di Arkib Negara.

Pemuliharaan dan Pemeliharaan Bahan Arkib

Arkib Negara turut memainkan peranan penting dalam memastikan khazanah warisan negara terus dipelihara. Sehubungan ini, sebanyak 22,165 helai bahan telah dibaikpulih dan diawet manakala 259 naskah bahan telah dijilid. Bahan-bahan arkib yang telah dipulihara antaranya terdiri daripada fail, dokumen, manuskrip, surat khabar, terbitan, peta dan poster.

Bagi tujuan keselamatan, penyalinan mikrofilem telah dijalankan ke atas bahan-bahan asal seperti fail. Sehubungan itu, sebanyak 405 torak mikrofilem telah dihasilkan. Jabatan juga membuat sebanyak 623 penyalinan gambar bagi peristiwa-peristiwa jabatan dan kementerian, aktiviti-aktiviti, tempat dan bangunan-bangunan bersejarah di samping membuat salinan pesanan untuk penyidik.

A total of 9,507 units of materials from individuals, statesmen, organisation, non-governmental organisation (NGO), foreign nation institutions and industrial companies as well as from 2,422 units of Private Papers Collection from statesmen or prominent figures were acquired and processed.

At the same time, organisation such as the United Malays National Organisation (UMNO), Malaysian Gymnastic Association, Malaysian Medical Association, Malaysia Chinese Association (MCA) and others have submitted a total of 4,474 units of Organisation Archives Collection materials. The National Archives has also acquired 2,611 units of Private Collection, as well as records on Malaysian from outside the country.

For audiovisual materials, 18,624 materials has been received comprising of 12 film materials, 1,155 audio, video and multimedia as well as 17,457 photographs.

Throughout this year, the National Archives managed the acquisition of 281.55 meter length files, 2,902 units official publications, 424 units cartography and architectural records, 2,499 records in the form of microfilm, 5,231 units Private Papers materials as well as 1,275 newspaper editions and magazines for permanent storage in the National Archives.

Preservation and Conservation of Archival Materials

The National Archives played an important role in ensuring the heritage treasures of the nation continue to be preserved. Hence, a total of 22,165 sheets of materials has been restored and conserved whereas 259 volumes of materials have been bound. The archival materials that have been conserved among others are files, documents, manuscripts, newspaper, publications, maps and posters.

For safety reason, microfilm copies have been done to original materials such as files. Hence, a total of 405 reels of microfilm have been produced. The Department had also made a total of 623 copies of photographs of departmental and ministry events, activities, places and historical buildings besides making copies for researchers.

Pendokumentasian Sejarah

Pendokumentasian sejarah bertujuan untuk memperbanyakkan dan mempelbagaikan sumber rujukan dan bahan sejarah di samping memperkuat dan mengesahkan sesuatu fakta sejarah. Sepanjang tahun 2011, sebanyak tiga program Bicara Tokoh dan Pengkisahan Sejarah telah diadakan di Ibu Pejabat Arkib Negara Malaysia dan di UiTM Cawangan Pahang, Bandar Jengka, Pahang. Selain itu, sebanyak 26 jam rakaman Sejarah Lisan melibatkan 11 tokoh telah dijalankan dan 31 artikel telah disiarkan di dalam akhbar dan majalah. Pada masa yang sama sebanyak 171 artikel dan tajuk telah dipaparkan di Web Portal Arkib Negara. Di samping itu sebanyak 365 skrip Hari Ini Dalam Sejarah (HIDS) juga telah dihasilkan.

Perkhidmatan Penyelidikan

Arkib Negara juga menyediakan kemudahan rujukan dan penyelidikan terhadap bahan-bahan arkib. Sepanjang tahun 2011 seramai 3,948 orang penyelidik baru telah didaftarkan, manakala seramai 8,592 orang penyelidik telah direkodkan datang membuat penyelidikan dan sebanyak 53,697 pesanan bahan telah diuruskan untuk tujuan penyelidikan.

Penyelidikan Khas

Penyelidikan dan kajian yang membabitkan hal-hal persempadanan, hak dan kedaulatan serta isu-isu semasa telah dijalankan di tiga buah negara iaitu United Kingdom, Australia dan India. Penyelidikan dalam negeri telah dijalankan di Sabah dan Johor.

Kajian juga dibuat mengenai beberapa isu semasa dan peristiwa bersejarah negara seperti 'Keganasan Komunis' dan 'Mat Indera'. Sebahagian artikel pendek ini dimuatkan di web portal jabatan untuk kemudahan orang ramai membuat rujukan.

Konsultasi dan latihan

Sepanjang tahun 2011, Arkib Negara telah mengadakan 52 sesi lawatan konsultasi dan sesi klinik konsultasi, 12 sesi temu janji konsultasi, 86 sesi E-Komunikasi serta dua siri Majlis *Hi-Tea* untuk Pegawai Rekod Jabatan juga telah dilaksanakan. Selain itu, sebanyak tujuh sesi Kursus Pengurusan Rekod Peringkat Asas bagi PRJ, tujuh sesi Kursus Pengurusan Rekod Peringkat Lanjutan bagi PRJ, tujuh sesi Kursus Pengurusan Rekod bagi PTRJ dan tujuh sesi Kursus Pemuliharaan Rekod telah dilaksanakan.

Historical Documentation

Historical documentation aims at enriching and diversifying reference sources besides strengthening and authenticating any historical facts. Throughout 2011, a total of three Personality Discourse programmes and Historical Narration were held at the Head Office of the National Archives of Malaysia and UiTM Pahang Branch, Bandar Jengka, Pahang. A total of 26 hours of Oral History recordings involving 11 statesmen were conducted and 31 articles published in newspapers and magazines. At the same time, a total of 171 articles and topics were displayed in Web Portal of the National Archives. A total of 365 scripts for Today in History (HIDS) were also produced.

Research Services

The National Archives also provides research and reference facilities for archival materials. Throughout 2011 a total of 3,948 new researchers have been registered, a total of 8,592 researchers recorded attendance performed researchs and 53,697 materials requested for research purposes have been handled.

Special Research

Researches and studies involving boundary issues, rights and sovereignty as well as current issues were conducted in three nations namely United Kingdom, Australia and India. Local research were conducted in Sabah dan Johore.

Studies have also been done on a few current issues and national historical events such as 'Communists Ferocities' and 'Mat Indera'. A number of these short articles were uploaded in the department's web portal for the general public convenience to conduct references.

Consultancy and Training

In the year 2011, National Archives have performed 52 session of consultancy visits and on consultancy clinic sessions, 12 consultation appointment sessions, 86 E-Communication sessions as well as two Hi-Tea Ceremony series for Archivists of the Department have also been performed. Apart from that, a total of seven Records Management Course Basic Level for PRJ, seven Records Management Course Advance Level for PRJ, seven Records Management Course for PTRJ and seven Record Conservation Course have been carried out.

Aktiviti Pameran

Program pameran telah dilaksanakan sebanyak 25 kali yang meliputi 9 pameran menggunakan bahan baru dan 16 pameran menggunakan poster sedia ada. Sebanyak 32 agensi luar yang berminat telah meminjam poster pameran Arkib Negara. Bagi Program Arkib Pendidikan pula sebanyak 14 program telah dilangsungkan yang melibatkan sebanyak 14 sekolah, dua buah institut perguruan dan sebuah institusi pengajian tinggi di seluruh negara.

Pembangunan Kerjaya

Arkib Negara turut memberi perhatian dan penekanan terhadap kecekapan dan kompetensi dalam aspek sumber manusia. Sebanyak 29 kursus dalaman telah diadakan untuk meningkatkan kemahiran pegawai dan kakitangan Arkib Negara dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat. Sementara itu seramai 45 orang pegawai telah dihantar menghadiri latihan, seminar, pengesanan bahan, mesyuarat, persidangan dan pakar rujuk dalam pengurusan rekod dan pemeliharaan di luar negara.

Penerbitan

Sebanyak 11 penerbitan dengan pelbagai tajuk berdasarkan kepada bahan-bahan arkib yang terdapat dalam simpanan di gedung simpanan Arkib Negara telah diterbitkan untuk jualan atau diberikan secara percuma sebagai tanda penghargaan.

Pelawat

Sepanjang tahun 2011, Arkib Negara menerusi Memorial dan Pustaka telah menerima seramai 945,525 orang pelawat yang terdiri daripada pelawat dalam dan luar negara meliputi pelbagai agensi seperti jabatan kerajaan, agensi swasta, institusi pengajian tinggi, sekolah dan orang awam. Pelawat-pelawat ini telah diberi taklimat mengenai Arkib Negara dan lawatan berpandu.

Arkib Negarawan

Sepanjang tahun 2011, sebanyak 16 program melibatkan Arkib Negarawan telah diadakan meliputi empat Program Mengenang Tokoh Negarawan, satu Pameran Tokoh Negarawan, tiga Pameran Koleksi Khas Tunku Abdul Rahman Putra dan lapan program Kembara Memorial 1Malaysia.

Exhibition Activities

Exhibition programmes have been implemented 25 times which included 9 exhibits using new materials and 16 exhibits using the available posters. A total of 32 interested external agencies have borrowed the National Archives exhibition posters. Meanwhile for the Educational Archives Programme a total of 14 programmes were held involving a total of 14 schools, two teachers' institutes and an institution of higher learning across the country.

Career Development

The National Archives also put keen interest and emphasis towards efficiency and competency in human resources. A total of 29 in-house courses have been conducted to raise the skills of officers and staff of the National Archives such that they can provide the best services to the community. Meanwhile a total of 45 archivists have attended overseas trainings, seminars, material trackings, meetings, conferences and consultants in records management and preservation.

Publications

A total of 11 publications in various topics related to archival materials kept in the repository of the National Archives have been published for sale or given away for free distribution as gestures of appreciation.

Visitors

Throughout 2011, National Archives by way of the Memorials and Libraries received a total of 945,525 visitors from within and outside the country as well as from various agencies such as government departments, private agencies, institutions of higher learning, schools and the general public. Visitors were given briefing related to the National Archives and guided visits.

Statesmen Archives

Throughout 2011, a total of 16 programmes on Statesmen Archives were held inclusive of four Reminiscence of Statesman Programmes, one Eminent Statesmen Exhibition, three Tunku Abdul Rahman Putra's Special Collection Exhibitions and eight 1Malaysia Memorial Expedition Programmes.



BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

MANAGEMENT SERVICES
DIVISION



BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN *MANAGEMENT SERVICES DIVISION*

PROFIL

Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) bertanggungjawab merancang, merangka, mengemaskini dasar /peraturan berkaitan urusan pentadbiran, kewangan, pembangunan sumber manusia, program latihan, projek-projek pembangunan, pengurusan maklumat (ICT) dan HRMIS. BKP diterajui oleh Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) Gred M54. Terdapat lima Seksyen yang dipertanggungjawabkan melaksanakan program-program bahagian iaitu Seksyen Pentadbiran dan Kewangan, Seksyen Sumber Manusia, Seksyen Pembangunan dan Pengurusan Aset serta Seksyen Teknologi Maklumat.

Seksyen Pembangunan dan Pengurusan Aset bertanggungjawab merancang dan memantau segala projek pembangunan fizikal serta menjalankan kerja-kerja penyelidikan berkaitan dengan pembangunan dan pengembangan jabatan. Seksyen ini juga bertanggungjawab dalam merancang, mengenalpasti dan menguruskan pemerolehan tanah, bangunan dan peralatan serta penggunaan peruntukan pembangunan jabatan dengan cekap dan efisien. Daripada aspek pengurusan aset, seksyen ini bertanggungjawab dalam menguruskan keselamatan fizikal harta, bangunan dan aset dan pengurusan pelupusan aset jabatan.

Seksyen Pentadbiran dan Kewangan bertanggungjawab melaksanakan aktiviti-aktiviti sokongan merangkumi semua aspek berkaitan pentadbiran seperti keselamatan, penyelenggaraan keseluruhan premis jabatan, pengurusan registri dan kewangan. Seksyen ini turut melaksanakan tugas-tugas Urus Setia seperti Jawatankuasa Keutuhan/Birokrasi, Mesyuarat Pengurusan, Mesyuarat Lembaga Penasihat, Manual Prosedur Kerja dan mengurus hal-hal kebajikan kakitangan – perumahan kerajaan dan rawatan perubatan.

Seksyen Sumber Manusia telah dipertanggungjawabkan mengendalikan urusan berkaitan aktiviti-aktiviti pembangunan sumber manusia merangkumi kajian pemantapan organisasi (perjawatan), perancangan kerjaya dan latihan, peperiksaan jabatan, hal-hal perkhidmatan pegawai dan kakitangan Arkib Negara Malaysia.

PROFILE

The Management Services Division (BKP) is responsible for planning, designing, updating policies and procedures related to matters of administration, finance, human resource development, training programmes, development projects, management of information and communication technology (ICT) and HRMIS. BKP is led by the Administrative and Diplomatic Officer (PTD) Grade M54. There are five sections given the responsibility to implement the division's programmes viz Administration and Finance Section, Human Resource Section, Asset Management and Development Section and Information Technology Section.

The Asset Management and Development Section is responsible for planning and monitoring all physical development projects as well as carrying out research work related to the development and expansion of the department. This section is also responsible for planning, identifying and managing the acquisition of land, buildings and equipment as well as the efficient and competent use of the development allocations of the department. From the asset management aspect, this section is responsible for managing the physical security of property, building and asset as well as managing the disposal of assets of the department.

The Administration and Finance Section is responsible for carrying out support activities covering all aspects of administration such as security, maintenance of the entire premise of the department, registry and financial management. This section also perform the duties of the Secretariat such as the Integrity / Bureaucracy Committee, Management Meetings, Advisory Board Meetings, Work Procedures Manual and managing the welfare of the staff such as government quarters and medical care.

The Human Resource Section is responsible for conducting all activities relating to human resource development including the study on strengthening the organisation (establishments), career development, departmental examinations, matters pertaining to services for officers and staff of the National Archives of Malaysia.

Seksyen Teknologi Maklumat bertanggungjawab melaksanakan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan Teknologi Maklumat dan komunikasi bagi Arkib Negara Malaysia berdasarkan polisi dan dasar yang telah dibangunkan. Aktiviti-aktiviti ini termasuklah pembangunan aplikasi baru berdasarkan Pelan Strategik Teknologi Maklumat dan keperluan pengguna, penyelenggaraan aplikasi COMPASS, penyelenggaraan aplikasi dalaman Arkib Negara Malaysia iaitu Helpdesk, Sistem Aduan Bangunan, Blog KP, laman web Komuniti Rekod dan laman web SARBICA, penyediaan infrastruktur ICT, khidmat sokongan ICT, melaksanakan tugas perantaraan antara Arkib Negara Malaysia dengan kementerian dan agensi pusat yang bertanggungjawab bagi sistem aplikasi kerajaan elektronik dan memastikan penggunaan aplikasi HRMIS berada di tahap minimum.

PENCAPAIAN AKTIVITI TAHUNAN

Sepanjang tahun 2011, Bahagian Khidmat Pengurusan telah berjaya melaksanakan tugas dan aktiviti yang dipertanggungjawabkan selaras dengan keperluan dan prosedur MS ISO 9001:2000 terutamanya berkaitan dengan peningkatan sistem maklumat, sumber manusia, projek pembangunan dan pengurusan kewangan.

Projek Pembangunan

Sebanyak RM 4,444,500.00 telah diperuntukkan untuk enam projek pembangunan dan telah membelanjakan sebanyak RM 4,102,346.59 (92.3%). Peruntukan ini digunakan bagi membiayai projek naiktaraf bangunan Arkib Negara Malaysia, bangunan Arkib Negara Malaysia Cawangan Pahang, Pusat Pendokumentasian dan Pemuliharaan Bahan Pandang Dengar Negara, Kerja Awalan Arkib Negarawan, Perolehan Bahan Arkib dan Kajian Penyelidikan dan Kedaulatan dan Persempadanan Negara.

Perjawatan

Mengikut Senarai Perjawatan Arkib Negara Tahun 2011, sejumlah 601 perjawatan telah diwujudkan. Perjawatan berkenaan termasuk Arkib Cawangan negeri Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Walau bagaimanapun sebanyak 13 jawatan Kumpulan Pengurusan dan Sokongan telah dimansuhkan berkuatkuasa sehingga Disember 2011. Kedudukan perjawatan Arkib Negara Malaysia terkini adalah sebanyak 588 perjawatan. Kedudukan perjawatan mengikut pecahan perjawatan sehingga 31 Disember 2011 adalah seperti berikut:

The Information Technology Section is responsible for implementing the activities related to Information Technology and Communications of the National Archives of Malaysia based on the policies and fundamentals that have been developed. These activities include the development of new applications based on Information Technology Strategic Planning and users needs, the COMPASS application maintenance, the National Archives of Malaysia internal application maintenance such as the Helpdesk, Building Complaint System, DG Blog, Community Records website and SARBICA website, provision of ICT infrastructures, ICT support services, carry out mediation functions between National Archives of Malaysia with ministry and central agencies responsible for electronic government application and ensuring the use of HRMIS application.

ANNUAL ACTIVITIES ACHIEVEMENTS

During the year 2011, the Management Services Division had successfully performed the duties and its obligations in accordance with the requirements of MS ISO 9001:2000 procedures, especially related to enhancing information systems, human resources, development projects and financial management.

Development Projects

A total of RM 4,444,500.00 has been allocated for six development projects and has spent a total of RM 4,102,346.59 (92.3%). This allocation was used to finance the upgrading projects of the National Archives of Malaysia buildings, the National Archives of Malaysia Pahang Branch, the National Centre for Documentation and Conservation of Audio Visual Materials, preliminary works on Statesmen Archives project, Acquisition of Archival Materials and Studies on Research of National Sovereignty and Boundaries.

Establishment

According to the Establishment List of National Archives for the year 2011, a total of 601 posts have been created. The posts included Branch Archives in the States of the Peninsular, Sabah and Sarawak. However a total of 13 posts for the Management and Support Groups were abolished effective December 2011. Latest establishments situation at the National Archives of Malaysia was 588 posts. The establishments based on service groups up to December 31st, 2011 as follows:

Kumpulan Perkhidmatan/ <i>Service Group</i>	Bilangan Perjawatan/ <i>Number of establishments</i>
Pengurusan Tertinggi/ <i>Top Management</i>	3
Pengurusan dan Profesional/ <i>Management and Professional</i>	110
Kumpulan Sokongan/ <i>Support Group</i> :	
Sokongan I / <i>Support I</i>	301
Sokongan II/ <i>Support II</i>	174
Jumlah/ <i>Total</i>	588



KDYMM Sultan Haji Ahmad Al-Musta'in Billah menandatangani plak Perasmian Bangunan Arkib Negara Malaysia Cawangan Pahang pada 23 Jun 2011.

HRH Sultan Haji Ahmad Al-Musta'in Billah signing the plaque at the Opening Ceremony of the National Archives of Malaysia Building Pahang Branch on June 23rd, 2011.



Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia, Dr. Hajah Samsiah Muhamad memberi penerangan mengenai rekod kerajaan negeri Pahang kepada KDYMM Sultan Haji Ahmad Al-Musta'in Billah dan DYMM Sultanah Hajjah Kalsom di Majlis Perasmian Bangunan Arkib Negara Malaysia Cawangan Pahang pada 23 Jun 2011.

Director General National Archives of Malaysia, Dr. Hajah Samsiah Muhamad providing information on government records of the Pahang State to HRH Sultan Haji Ahmad Al-Musta'in Billah and HRH Sultanah Hajjah Kalsom at the Opening Ceremony of National Archives of Malaysia Building Pahang Branch on June 23rd, 2011.



Acara memotong kek oleh para pesara yang diraikan di Majlis Anugerah Khidmat Cemerlang 2010 dan Majlis Persaraan 2011 pada 1 Julai 2011.

Cutting the cake by retirees who are being feted during the Excellence Services Awards 2010 Ceremony and Retirement Ceremony 2011 on July 1st, 2011.

Portal Arkib Negara Malaysia

Tahun 2011 mencatatkan sekali lagi detik bersejarah buat warga Arkib Negara Malaysia atas kejayaan memperoleh penarafan 5 BINTANG bagi Portal Rasmi Arkib Negara Malaysia. Kali pertama Portal Arkib Negara Malaysia menerima penarafan LIMA BINTANG adalah pada tahun 2010. Penarafan ini telah diterima daripada Multimedia Development Corporation (MDEC) melalui Malaysia Government Portals and Websites Assessment (MGPWA) 2011.

Penganugerahan telah disampaikan secara rasmi oleh YBhg. Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd. Sidek b. Haji Hassan di Putrajaya International Convention Centre (PICC) pada 1 Disember 2011. YBrs. Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Pengembangan) Arkib Negara Malaysia, Hajah Daresah bt. Haji Ismail dengan berbesar hati menerima anugerah tersebut.

Penilaian yang dibuat melalui MGPWA 2011 terhadap 1,155 portal dan laman web rasmi kerajaan adalah bertujuan untuk menyokong penyampaian perkhidmatan awam di Malaysia. Dengan peningkatan markah daripada 87 pada tahun 2010, kepada 96 pada tahun 2011, Arkib Negara Malaysia berharap agar segala usaha dan pemantauan yang telah dibuat akan menjadikan Portal Arkib Negara Malaysia sentiasa mencapai tahap kepuasan dan sasaran yang telah ditetapkan oleh jabatan.

Portal of the National Archives of Malaysia

The year 2011 recorded a historic moment once again for citizens of National Archives of Malaysia on the success of garnering the FIVE (5) STAR rating for the Official Portal of the National Archives of Malaysia. The first time Portal of the National Archives of Malaysia received FIVE STAR rating was in 2010. The rating was from the Multimedia Development Corporation (MDEC) by way of the Malaysian Government Portals and Websites Assessment (MGPWA) 2011.

The award was officially presented by the Chief Secretary to the Government, YBhg. Tan Sri Mohd. Sidek b. Haji Hassan at Putrajaya International Convention Centre (PICC) on December 1st, 2011. The Deputy Director General (Research and Advocacy) the National Archives of Malaysia, Hajah Daresah bt. Haji Ismail accepted the award on behalf of the department.

The assessment made through the MGPWA 2011 on 1,155 portals and official government websites was intended to support the delivery of public services in Malaysia. With the increase in scores from 87 in 2010, to 96 in 2011, the National Archives of Malaysia hoped that all efforts and monitoring that have been made will make the Portal of the National Archives of Malaysia always achieve the level of satisfaction and target set out by the department.



Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Sidek Haji Hassan menyerahkan Anugerah Penarafan Lima Bintang bagi Portal Arkib Negara Malaysia kepada Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Pengembangan), Puan Hajah Daresah Haji Ismail di Putrajaya International Convention Centre (PICC) pada 1 Disember 2011. Chief Secretary to the Government, Tan Sri Mohd Sidek Haji Hassan presenting the Five Star Ratings Award for Portal of the National Archives of Malaysia to Deputy Director General (Research and Advocacy), Puan Hajah Daresah Haji Ismail at Putrajaya International Convention Centre (PICC) on December 1st, 2011.



Timbalan Menteri II, KPKK YB Senator Datuk Maglin Dennis D'Cruz, melihat Pertandingan Melukis dan Mewarna oleh kanak-kanak masyarakat Orang Asli selepas merasmikan Majlis Sambutan Hari Ulang Tahun Arkib Negara Malaysia ke-54 pada 1 Disember 2011. Turut sama Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan dan Pengurusan), Encik Azemi Abdul Aziz.

Deputy Minister II, KPKK YB Senator Datuk Maglin Dennis D'Cruz, looking on during the drawing and colouring competition together with children of the Orang Asli community after officially opening the Ceremony of the Celebration of the 54th Anniversary of the National Archives of Malaysia on December 1st, 2011. Also seen is Deputy Director General (Planning and Management), Encik Azemi Abdul Aziz.

Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia, Dr. Hajah Samsiah Muhamad mengetip kad perakam waktu yang terakhir sebagai penjawat awam.

Director General National Archives of Malaysia, Dr. Hajah Samsiah Muhamad clocking out on the time recorder card for the last time as a civil servant.





BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELARASAN

PLANNING AND
COORDINATION
DIVISION



BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELARASAN

PLANNING AND COORDINATION DIVISION

PROFIL

Sejak diwujudkan pada 1 Februari 2009 berikutan penstrukturan semula jabatan Arkib Negara Malaysia, Bahagian Perancangan dan Penyelarasan (BPP) merupakan bahagian teras yang menyokong pelaksanaan fungsi dan tanggungjawab Arkib Negara Malaysia dalam menyediakan produk dan penyampaian perkhidmatan yang cekap dan efektif kepada pelanggan. Bagi mencapai hasrat tersebut, bahagian ini adalah bertanggungjawab memastikan dasar, hala tuju dan strategi Arkib Negara adalah mantap dan berkesan; pelaksanaan sistem penyampaian perkhidmatan kearkiban dan pengurusan rekod berjalan dengan lancar serta mematuhi undang-undang, peraturan dan piawaian yang ditetapkan oleh Arkib Negara; dan pegawai dan kakitangan Arkib mempunyai tahap kompetensi dalam bidang pentadbiran arkib dan pengurusan rekod mengikut kesesuaian tempoh perkhidmatan. Pelaksanaan tanggungjawab tersebut direalisasikan melalui kerjasama erat semua seksyen di bawah Bahagian Perancangan dan Pengurusan iaitu Seksyen Dasar, Standard dan Pengurusan Kualiti, Seksyen Konsultasi dan Latihan, Seksyen Inspektorat dan Seksyen Hubungan Antarabangsa.

Seksyen Konsultasi dan Latihan bertanggungjawab memberi khidmat nasihat Pengurusan Rekod dan Pentadbiran Arkib melalui perundingan, perbincangan dan taklimat kepada Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan. Khidmat Perundingan Pengurusan Rekod adalah satu usaha yang dibuat bagi meningkatkan kecekapan pengurusan rekod awam ke arah urus tadbir perkhidmatan awam yang lebih baik dan juga memastikan pejabat awam dapat menguruskan rekod kerajaan dengan lebih efisien dan sistematik.

Bagi memastikan Pegawai Rekod Jabatan (PRJ) dan Pembantu Tadbir Rekod Jabatan (PTRJ) yang dilantik di setiap kementerian, jabatan/agensi sentiasa menguruskan rekod dengan baik, sistematik serta mematuhi standard dan piawaian yang telah ditetapkan oleh Arkib Negara, seksyen ini juga telah melaksanakan beberapa siri kursus Pengurusan Rekod peringkat asas dan lanjutan bagi Pegawai Rekod Jabatan dan Pembantu Tadbir Rekod Jabatan. Selain daripada itu, bagi memastikan pegawai dan kakitangan di pejabat awam mempunyai kesedaran dan pengetahuan dalam bidang pengurusan rekod, pelaksanaan kursus kepada pegawai dan kakitangan kerajaan yang mengendalikan bidang Pengurusan

PROFILE

Since its inception on February 1st, 2009 following restructuring of the department in the National Archives of Malaysia, the Planning and Coordination Division (BPP) has been the core division that supports the implementation of functions and responsibilities of the National Archives of Malaysia in providing efficient and effective product and service delivery to customers. In order to achieve the desired aspiration, this division is responsible for ensuring that policies, direction and strategy of the National Archives is sound and effective; implementation of the system for archive delivery services and records management are progressing well and in compliance with the laws, regulations and standards set by the National Archives; and officers and archival staff have the level of competency in areas of archives administration and records management appropriate to the length of service. The implementation of the functions and responsibilities were realised through close collaboration of all sections under the Planning and Management Division namely the Policy Section, Standards and Quality Management, Consultancy and Training Section, Inspectorate Section and International Relations Section.

The Consultancy and Training Section is responsible for providing advisory services on Records Management and Archive Administration through consultation, discussions and talks to the Ministries, Departments and Government Agencies. The Records Management Consultation service is an effort to improve the efficiency of public records management towards a better public service governance and also ensuring that public offices can manage government records more efficient and systematic.

In order to ensure the Departmental Records Officer (PRJ) and the Departmental Records Administrative Assistant (PTRJ) who were appointed in every ministries, departments / agencies always manage records properly, systematically and in compliance with standards set by the National Archives, this section also implemented a series of record management courses at both basic and advanced level to the Departmental Records Office and the Departmental Records Administrative Assistant. In addition, to ensure officers and staff in public office have the awareness and knowledge in records management, training courses were continuously conducted to officers and staff who were responsible for Records Management in the ministries, departments and government agencies.

Rekod di Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan telah diteruskan.

Selaras dengan hasrat kerajaan yang menitikberatkan modal insan, seksyen ini meneruskan usaha mempertingkatkan kompetensi pegawai dan kakitangan Arkib Negara Malaysia dengan menyediakan jadual dan modul kursus latihan ikhtisas kearkiban.

Seksyen Dasar, Standard dan Pengurusan Kualiti merupakan seksyen yang bertanggungjawab merancang, mengenalpasti keperluan dan menyelaras dasar, hala tuju, strategi, standard dan pengurusan kualiti jabatan. Dasar, hala tuju dan strategi jabatan telah diperkemas mengikut keperluan semasa. Bagi melonjakkan impak dan bidang keberhasilan jabatan dalam era yang serba mencabar, seksyen ini berusaha memantapkan profesion kearkiban dan transformasi yang diperlukan oleh warga jabatan.

Seksyen Inspektorat adalah seksyen yang bertanggungjawab dalam melaksanakan audit pengurusan rekod di kementerian, jabatan dan agensi kerajaan. Audit pengurusan rekod merupakan usaha yang dibuat bagi memastikan rekod kerajaan yang merupakan dokumen bukti dan sumber maklumat dapat diurus dengan lebih sistematik dan teratur.

Pengurusan rekod awam di Jabatan dan agensi kerajaan dimantapkan lagi dengan memasukkan kriteria Pengurusan Rekod dalam Penilaian Penarafan Bintang (Sistem *Star Rating* – SSR) di Jabatan dan agensi lain. Penilaian ini mula dilaksanakan pada tahun 2011 melalui kerjasama Arkib Negara Malaysia dengan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).

Di samping itu, seksyen ini turut melaksanakan pemeriksaan inspektorat ke atas syarikat ataupun pembekal perkhidmatan pengurusan rekod swasta yang memohon mendapatkan kelulusan pendaftaran kod bidang iaitu 221716 (Pengurusan Rekod, Menyelenggara dan Penyimpanan) dan 221717 (Membaikpulih Bahan Terbitan dan Manuskrip). Pelaksanaan pemeriksaan inspektorat bagi tahun ini ditambah baik dengan menggunakan pendekatan dan kaedah baru yang lebih tegas dan strategik iaitu berdasarkan aduan dan permintaan.

Seksyen Hubungan Antarabangsa bertanggungjawab untuk mengenalpasti keperluan dan menyelaras program/aktiviti ikhtisas antarabangsa serta menyediakan kertas-kertas cadangan projek kerjasama di bawah Program ASEAN COCI, UNESCO, ICA-PCOM dan sebagainya. Seksyen ini juga bertanggungjawab untuk menyelaras, menyedia dan

In line with the aspiration of the government to provide emphasis on human resources, this section will continue efforts to enhance the competency of officers and staff of the National Archives of Malaysia by providing course modules and training programmes on archival profession.

Policy, Standard and Quality Management Section is responsible for planning, identifying needs and coordinating policies, directions, strategies, standard and quality management of the department. Departmental policies, directions and strategies have been refined according to current needs. In order to boost the impact and outcomes of the department in this challenging era, this section strive to strengthen and transform the archival profession required by the department's staff.

The Inspectorate Section is responsible for implementing records management audit in ministries, departments and agencies. Records management audit is an effort made to ensure that government records which are sources of evidence and information, can be managed in a more systematic and orderly manner.

Public records management in departments and government agencies was further enhanced to include Records Management criteria in Star Ratings Assessment (Sistem Star Rating – SSR) in the department and other agencies. This assessment was first implemented in 2011 through collaboration between the National Archives of Malaysia and the Malaysian Administrative Modernisation and Management Planning Unit (MAMPU).

In addition, this section also conduct inspectorate on companies or private records service providers requesting approval for registration of subject code 221716 (Records Management, Maintenance and Storage) and 221717 (Restoration of Published Materials and Manuscript). The implementation of inspectorate for the year was better achieved by using new methods and approaches which were strategic and stern, based on demands and complaints.

The International Relations Section is responsible for identifying the needs and coordinating international professional programmes and activities by providing proposal papers on cooperation projects under the ASEAN COCI, UNESCO, ICA-PCOM Programmes and the like. This section is also responsible for coordinating, providing and managing the signing of Agreement and Memorandum of Cooperation between the National Archives of Malaysia and other related archive institutions at the international level. This section also coordinates and manages ASEAN Sub Committee on Culture, UNESCO Participation Programme – SKUM and others which are related. This section is responsible for planning,

menguruskan urusan menandatangani Perjanjian/Memorandum Kerjasama antara Arkib Negara Malaysia dengan institusi-institusi Arkib atau yang berkaitan diperingkat antarabangsa. Seksyen ini juga menyelaras dan mengurus ASEAN *Sub Committee on Culture*, UNESCO *Participation Programme* – SKUM dan lain-lain yang berkaitan. Seksyen ini bertanggungjawab merancang, mengurus dan melaksanakan kerja-kerja keurusetiaan hal ehwal hubungan antarabangsa dengan badan dan pertubuhan ikhtisas kearkiban antarabangsa khususnya Majlis Arkib Antarabangsa (ICA), Majlis Arkib Antarabangsa Cawangan Asia Tenggara (SARBICA), *Southeast Asia-Pacific Audio Visual Archives Association* (SEAPAVAA), ACARM dan sebagainya.

Seksyen ini juga bertanggungjawab menyelaras dan menyalurkan maklumat mengenai hubungan antarabangsa/dua hala antara Arkib Negara Malaysia dengan negara-negara luar ke Bahagian Pertubuhan Antarabangsa (Kebudayaan), Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan; menyelaras dan mengurus lawatan/penempatan serta menghantar pegawai/kakitangan Arkib Negara Malaysia ke luar negara serta menerima kunjungan delegasi dari luar Negara ke Arkib Negara Malaysia; juga bertanggungjawab menyediakan maklumat dan menyelaras pembayaran yuran keahlian tahunan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa yang dianggotai oleh Arkib Negara Malaysia.

PENCAPAIAN AKTIVITI TAHUNAN

Konsultasi dan Latihan

Sepanjang tahun 2011, sejumlah 52 sesi lawatan konsultasi dan sesi klinik konsultasi telah diadakan. Selain daripada itu, sebanyak 12 sesi temujanji konsultasi dan 86 sesi E-Komunikasi serta 2 siri Majlis *Hi-Tea* untuk Pegawai Rekod Jabatan. Seksyen juga telah memperakukan sebanyak 442 perlantikan Pegawai Rekod Jabatan (PRJ) dan Pembantu Tadbir Rekod Jabatan (PTRJ).

Untuk mencapai hasrat meningkatkan kompetensi PRJ dan PTRJ yang dilantik dalam menguruskan rekod, sebanyak 7 sesi Kursus Pengurusan Rekod Peringkat Asas bagi PRJ, 7 sesi Kursus Pengurusan Rekod Peringkat Lanjutan bagi PRJ, 4 sesi Kursus Pengurusan Rekod bagi PTRJ dan 4 sesi Kursus Pemuliharaan Rekod telah dilaksanakan. Sejumlah 47 sesi kursus yang diadakan secara dalaman (*in-house*) di beberapa agensi/jabatan kerajaan juga telah dilaksanakan.

Sepanjang tahun 2011 juga, sebanyak 15 modul kursus dan 4 sesi Kursus Pemuliharaan Rekod telah disediakan dan dilaksanakan dengan kerjasama Seksyen Sumber Manusia.

managing and implementing the work of international relations affairs secretariat with professional archival bodies and organisations particularly the International Council of Archives (ICA), Southeast Asia Regional Branch of the International Council on Archives (SARBICA), Southeast Asia - Pacific Audio Visual Archives Association (SEAPAVAA), ACARM and others.

This section is responsible for coordinating and disseminating information about international/bilateral relations between the National Archives of Malaysia and other nations to the International Organisations Division (Culture), Ministry of Information Communications and Culture. This section is also responsible for coordinating and managing visits / placement and sending officers / staff of the National Archives of Malaysia overseas as well as receiving delegates from abroad to the National Archives of Malaysia. This section also responsible for providing information and coordinates payments for the annual membership fees of international organisations of which the National Archives of Malaysia is a member

ANNUAL ACTIVITIES ACHIEVEMENTS

Consultancy and Training

Throughout 2011, a total of 52 sessions on consultancy visits and consultancy clinic sessions were held. In addition, a total of 12 sessions consultancy appointments and 86 sessions of E-communication as well as 2 Hi-Tea Ceremony for Departmental Archivists. This Section has also recommended the appointment of 442 Departmental Records Officer (PRJ) and Administrative Assistant Records Officer (PTRJ).

In the quest to achieve the aspiration of enhancing the competency of PRJ and PTRJ appointed to manage records, a total of 7 sessions of Basic Level Records Management Course for PRJ and 7 sessions of Advanced Records Management Course for PRJ, 4 sessions of Records Management Course for PTRJ and 4 sessions of Records Conservation Course have been conducted. A total of 47 sessions of courses have been held in-house in the various agencies/government departments.

Throughout the year 2011, a total of 15 course modules and 4 sessions of Records Conservation Course were prepared and implemented in collaboration with the Human Resource Section.



Peserta Kursus Pegawai Rekod Jabatan (PRJ) Bil. 1/2011 bergambar bersama fasilitator kursus, Puan Roseline Mapong (duduk, tengah). Kursus ini telah diadakan di Memorial Tun Hussein Onn pada 22 hingga 24 Februari 2011.

Participants of Departmental Records Officers (PRJ) No. 1/2011 pictured with course facilitator, Puan Roseline Mapong (seated, centre). The course was held at the Tun Hussein Onn Memorial (MTHO) on February 22nd to 24th, 2011.

Dasar, Standard Dan Pengurusan Kualiti

Seksyen Dasar, Standard dan Pengurusan Kualiti telah berjaya menganjurkan Seminar Pemantapan Profesionalisme, Transformasi Budaya Kerja dan Pemikiran Pegawai Arkib pada 25 hingga 28 Mac 2011 di The Legend Resort, Cherating, Pahang. Seminar diadakan bagi membolehkan semua pegawai berbincang dan memberi pendapat bagi memantapkan profesion kearkiban. Seramai 84 orang Pegawai Arkib dan 2 orang Pegawai Teknologi Maklumat telah mengikrarkan Kod Etika Pegawai Arkib. *Blueprint* Pelan Tindakan Strategik Pemantapan Profesionalisme Pegawai Arkib dihasilkan bagi meningkatkan lagi keberhasilan serta menjana pemikiran yang lebih kreatif dan inovatif.

Selaku urus setia MS ISO jabatan, Seksyen Dasar, Standard dan Pengurusan Kualiti juga telah berjaya menguruskan Audit Kualiti Dalaman Bil. 1/2011 pada 24 hingga 27 Januari 2011 dan Audit Kualiti Dalaman Bil. 2/2011 pada 25 hingga 28 Julai 2011. Bengkel Semakan dan Pindaan Dokumen Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008 Arkib Negara Malaysia pula telah diadakan pada 4 hingga 7 Julai 2011 yang

Policies, Standards and Quality Management

The Policy, Standard and Quality Management Section has successfully organised Seminar on Strengthening Professionalism, Transformation of Work Culture and Thinking for Archivists on March 25th to 28th, 2011 at the Legend Resort, Cherating, Pahang. The Seminar was held for archivists to discuss and expressed their opinions on strengthening the archival profession. A total of 84 archivists and 2 Information Technology Officers had pledged their Archivists Code of Ethics oath. A Blueprint on Strategic Action Plan for Strengthening the Professionalism of Archivists was adopted to enhance productivity as well as generate increased creative and innovative thinking.

As secretariat for the department's MS ISO, The Policy, Standard and Quality Management Section has also been successful in managing Internal Quality Audit No. 1/2011 on January 24th to 27th, 2011 and Internal Quality Audit No. 2/2011 on July 25th to 28th, 2011. A Workshop on Review and Document Amendments on Quality Management System MS ISO 9001:2008 the National Archive of Malaysia was held on on July 4th to 7th, 2011 officiated by the Deputy Director General (Research and

dirasmikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Pengembangan) selaku Wakil Pengurusan dan dihadiri oleh 16 orang pemilik proses. Seramai 21 orang Juruaudit Dalam telah menghadiri Kursus Juruaudit Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008 pada 8 hingga 10 Disember 2011 di Hotel De Palma, Kuala Selangor.

Seksyen Dasar, Standard dan Pengurusan Kualiti selaku Urus Setia kepada Lembaga Penasihat Arkib Negara telah menguruskan tiga mesyuarat Lembaga Penasihat Arkib Negara iaitu Mesyuarat Lembaga Penasihat ke-39 pada 27 Januari 2011, Mesyuarat Lembaga Penasihat ke-40 pada 13 September 2011 dan Mesyuarat Lembaga Penasihat ke-41 pada 27 Disember 2011. Mesyuarat telah dihadiri oleh YB Hjh Nancy Shukri (Ahli Parlimen Batang Sadong, Sarawak), YBhg. Tan Sri Ab Kadir Mohamad (Fellow Kehormat ISIS), YBhg. Dato' Sri Kamaruddin Siaraf, YBhg. Prof. Datuk Dr. Abdullah Zakaria Ghazali, YBhg. Datuk Prof. Zainal Kling (UPSI) YBhg. Tan Sri Dato' Hj. Alimuddin b. Hj. Mohd Dom, YBhg. Prof. Dr. Adnan bin Jamaludin, Puan Nor'aini Abdul Razak (Timbalan Pengarah Projek, Unit e-Perolehan, Kementerian Kewangan Malaysia) dan YBhg. Puan Hjh Daresah Hj Ismail.

Advocacy) representing the Management and was attended by 16 process holders. A total of 21 Internal Auditors have attended the Auditors Course on Quality Management System MS ISO 9001:2008 held on December 8th to 10th, 2011 at De Palma Hotel, Kuala Selangor.

The Policy, Standard and Quality Management Section as Secretariat for the Board of Advisors National Archives have handled three Board Meetings viz the 39th Board of Advisors Meeting on January 27th, 2011, the 40th Board of Advisors Meeting on September 13th, 2011 and the 41st Board of Advisors Meeting on December 27th, 2011. The Meeting was attended by YB Hjh Nancy Shukri (Member of Parliament Batang Sadong, Sarawak), YBhg. Tan Sri Ab Kadir Mohamad (Hon. Fellow ISIS), YBhg. Dato' Sri Kamaruddin Siaraf, YBhg. Prof. Datuk Dr. Abdullah Zakaria Ghazali, YBhg. Datuk Prof. Zainal Kling (UPSI) YBhg. Tan Sri Dato' Hj. Alimuddin b. Hj. Mohd Dom, YBhg. Prof. Dr. Adnan bin Jamaludin, Puan Nor'aini Abdul Razak (Deputy Director for Project, e-Perolehan Unit, Ministry of Finance Malaysia) and YBhg. Puan Hjh Daresah Hj Ismail.



Peserta Seminar Pemantapan Profesionalisme, Transformasi Budaya Kerja dan Pemikiran Pegawai Arkib bergambar bersama Ketua Pengarah Arkib Negara, YBhg. Dr. Hajah Samsiah Muhamad (duduk, lima dari kanan), Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Pengembangan), Puan Hajah Daresah Haji Ismail (duduk, lima dari kiri) dan Tuan Haji Azizul Rahman Kallahan (penceramah) (duduk, empat dari kanan). Seminar telah diadakan dari 25 hingga 28 Mac 2011 di The Legend Resort, Cherating Pahang.

Participants to the Seminar on Strengthening Professionalism, Transformation of Work Culture and Thinking for Archivists pictured with Director General National Archives, YBhg. Dr. Hajah Samsiah Muhamad (seated, fifth from right), Deputy Director General (Research and Advocacy), Puan Hajah Daresah Haji Ismail (seated, fifth from left) and Tuan Haji Azizul Rahman Kallahan (speaker) (seated, fourth from right). The seminar was held on March 25th to 28th, 2011 at The Legend Resort, Cherating, Pahang.

Inspektorat

Selaku urus setia pelaksanaan penilaian Kriteria Pengurusan Rekod dalam Penilaian Penarafan Bintang (Sistem Star Rating – SSR), Seksyen Inspektorat telah menubuhkan pasukan inspektorat Arkib Negara Malaysia (Pegawai Penilai) yang terdiri daripada 22 orang pegawai di peringkat negeri, pegawai kader dan pegawai Seksyen Konsultasi dan Latihan, Seksyen Pelupusan serta Seksyen Inspektorat. Sebanyak lapan Agensi Barisan Hadapan (ABH) dan 13 Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (PSUK) terlibat dalam penilaian tersebut bermula pada 19 September hingga 4 November 2011. Selain daripada itu, sejumlah dua kertas cadangan dan garis panduan telah dihasilkan untuk memantapkan dan melancarkan lagi penilaian *star rating* tersebut. Bengkel Familiarisasi Penilaian Penarafan Bintang (*Star Rating*) Senarai Semak Kriteria A6: Pengurusan Rekod bagi pasukan penilai Arkib Negara Malaysia juga telah diadakan pada 13 hingga 14 September 2011 di bangunan Pusat Pendokumentasian dan Pemeliharaan Bahan Audio Visual (PPPAV), Jalan Duta. Pelaksanaan bengkel ini adalah untuk memastikan penilaian inspektorat dilaksanakan dengan betul dan berkesan.

Seksyen Inspektorat juga telah melaksanakan tujuh sesi lawatan dan pemeriksaan inspektorat ke atas syarikat ataupun pembekal perkhidmatan pengurusan rekod swasta yang memohon kelulusan pendaftaran kod bidang.

Inspectorate

As the secretariat for implementing evaluation of the Record Management Criteria in Star Ratings Assessment (Sistem Star Rating – SSR), the Inspectorate Section have formed the National Archives of Malaysia inspectorate team (Assessment Officers) made up of 22 person comprising state level officers, cadre officers and officers from the Consultancy and Training Section, Disposal Section and Inspectorate Section. A total of eight Front Line Agencies (ABH) and 13 State Secretariat Office (PSUK) were involved in the evaluation starting from September 19th to November 4th, 2011. In addition, a total of two proposals and guidelines have been developed to enhance and facilitate the star ratings evaluation. Workshop on Familiarisation of Star Rating Evaluation (Star Rating) Check List Criterion A6: Records Management for the National Archives of Malaysia evaluation team was held on September 13th to 14th, 2011 at the National Centre for Documentaion and Conservation of Audio Visual Materials (PPPAV), Jalan Duta. This workshop was implemented to ensure that the inspectorate evaluation was done correctly and effectively.

The Inspectorate Section has performed seven visits and inspectorate on companies or private records management service providers requesting approval for registration of subject codes.



Ketua Seksyen Konsultasi dan Latihan, En. Shaidin Shafie bersama para peserta Bengkel Familiarisasi Penilaian Penarafan Bintang (*Star Rating*) Kriteria A6: Pengurusan Rekod pada 13 hingga 14 September 2011.

Head of Consultancy and Training Section, En. Shaidin Shafie together with participants of the Workshop on Familiarisation of Star Ratings Assessment Criteria A6: Records Management on September 13th to 14th, 2011.



Pemeriksaan dan semakan sedang dilaksanakan oleh panel penilai penilaian *star rating* ke atas sistem aplikasi komputer yang digunakan di Jabatan Pendaftaran Negara pada 22 September 2011.

Inspection and review was being done by the assessment panelists of Star Rating Assessment to the computer application system used at the National Registration Department on September 22nd, 2011.

Seksyen Hubungan Antarabangsa

Sepanjang tahun 2011, Seksyen ini telah menyelaras dan menguruskan sebanyak 20 seminar/persidangan/latihan/penempatan di beberapa buah negara seperti Australia, Amerika Syarikat, United Kingdom, Korea, Iran, Russia, Netherland, Belgium, Luxembourg, Perancis, Sepanyol, Panama, Vietnam, Taiwan, India, Singapura, Filipina dan Indonesia.

Selain daripada itu, Arkib Negara Malaysia juga telah menerima sebanyak 7 lawatan dari luar negara seperti Jepun, Oman, Thailand, Vietnam dan Indonesia.

International Relations Section

During the year 2011, this Section has coordinated and managed a total of 25 seminars/conferences/ training/ placement in a number of countries such as Australia, The United States of America, United Kingdom, Korea, Iran, Russia, The Netherlands, Belgium, Luxembourg, France, Spain, Panama, Vietnam, Taiwan, India, Singapore, Philippines and Indonesia.

In addition, National Archives of Malaysia has also received a total of 7 visits from countries like Japan, Oman, Thailand, Vietnam and Indonesia.



Pegawai Arkib Seksyen Pemeliharaan dan Reprografi, Cik Siti Sapinah Rahman Oh sedang menyampaikan penerangan tentang pemuliharaan bahan kepada delegasi dari Universitas Indonesia sempena lawatan ke Arkib Negara Malaysia pada 14 Disember 2011.

Preservation and Reprography Section Archivist, Cik Siti Sapinah Rahman Oh providing information related to conservation of materials to delegates from Universitas Indonesia in conjunction with their visit to National Archives of Malaysia on December 14th, 2011.

BAHAGIAN PENGURUSAN REKOD KERAJAAN

GOVERNMENT RECORDS
MANAGEMENT DIVISION



BAHAGIAN PENGURUSAN REKOD KERAJAAN

GOVERNMENT RECORDS MANAGEMENT DIVISION

PROFIL

Fungsi Bahagian Pengurusan Rekod Kerajaan adalah untuk melaksanakan aktiviti pengurusan rekod secara menyeluruh iaitu bermula daripada pewujudan, penggunaan, pemuliharaan dan pelupusan rekod seperti yang termaktub di dalam Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629). Bahagian ini terdiri daripada empat seksyen iaitu Seksyen Perkhidmatan Pusat Rekod, Seksyen Pelupusan Rekod, Seksyen Rekod Penting dan Pemulihan Bencana serta Seksyen Pengurusan Rekod Elektronik. Misi Bahagian ini adalah untuk menjadikan pengurusan dan pemeliharaan rekod kerajaan sebagai fungsi utama dalam pentadbiran kerajaan dan rekod sebagai sumber maklumat dan bahan bukti yang menjadi asas kepada penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan.

Seksyen Perkhidmatan Pusat Rekod memainkan peranan dalam menerima dan memproses semua jenis rekod awam kecuali bahan audio visual. Seksyen ini juga menyimpan bahan yang diterima sehingga mencapai taraf arkib dan dipindahkan ke Seksyen Repositori. Selain itu, seksyen ini juga memberi khidmat nasihat kepakaran mengenai penubuhan dan penyelenggaraan bilik rekod, registri dan pusat rekod agensi.

Seksyen Pelupusan Rekod bertanggungjawab untuk melaksanakan objektif kualiti iaitu melaksanakan Bengkel Pelupusan Rekod Awam dan Bengkel Jadual Pelupusan Rekod (JPR) di pejabat awam dalam tempoh 30 hari dari tarikh permohonan lengkap diterima, memberi kebenaran pelupusan rekod awam dalam masa 6 bulan dari permohonan lengkap diterima bagi rekod yang tidak dinyatakan dalam JPR, memberi kebenaran pelupusan rekod awam dalam masa 14 hari bekerja dari tarikh permohonan lengkap diterima bagi rekod yang dinyatakan dalam JPR dan menghasilkan Jadual Pelupusan Rekod Fungsian jabatan dalam tempoh 6 bulan dari tarikh Bengkel JPR.

Seksyen Pengurusan Rekod Elektronik bertanggungjawab menyediakan prosedur, piawaian dan panduan berkaitan Pengurusan Rekod Elektronik di pejabat awam, merancang dan melaksanakan program dan aktiviti Pengurusan Rekod Elektronik di sepanjang kitaran hayat rekod, melaksanakan khidmat nasihat/demo pelaksanaan pengurusan rekod elektronik di Arkib Negara Malaysia, menjalankan program

PROFILE

The functions of the Government Records Management Division is to implement a comprehensive records management activities starting from the creation, usage, preservation and disposal of records as stipulated in the National Archives Act 2003 (Act 629). This division consists of four sections namely, Records Services Centre Section, Records Disposal Section, Vital Records Section and Disaster Recovery, as well as Electronic Records Management Section. The mission of this Division is to ensure that management and preservation of government records become the main functions of government administration, and records serve as a source of information and evidence that form the basis for improvement of government service delivery system.

The Records Services Centre Section plays a role in receiving and processing all types of public records except for audio-visual materials. This section also received records and stores them till these become archive and then moved to the Repository Section. Apart from that, this section also provides expert advice services on the establishment and maintenance of records room, registry and agency records centre..

The Records Disposal Section is responsible for implementing quality objective, which is to implement Workshop on Public Records Disposal and Workshop on Records Disposal Schedules (JPR) in public office within 30 days from the date of receiving complete application, authorize disposal of public records within 6 months from the date of receiving the complete application for records that are not specified in the JPR, authorize the disposal of public records within 14 working days from the date of receiving the complete application for records that are specified in the JPR and to produce Functional Records Disposal Schedule of the department within 6 months from the date of the JPR Workshop.

Electronic Records Management Section is responsible for providing procedures, standard and guidance related to Electronic Records Management in public office, plan and implement Electronic Records Management activities throughout the life cycle of the records, implementing advice services / demo implementation of electronic records management in the National Archives of Malaysia, executing programmes in collaboration with MAMPU for Government Electronic Projects and coordinate work in File Classification at Ministry / Government Departments as prerequisite in the Application

kerjasama dengan MAMPU bagi Projek-projek Kerajaan Elektronik dan menyelaraskan kerja-kerja penyediaan Klasifikasi Fail di Kementerian/Jabatan kerajaan sebagai prasyarat menjelang pelaksanaan Aplikasi Pengurusan Rekod Elektronik (ERMS). Seksyen Pengurusan Rekod Elektronik juga menyelaraskan dan memantau penggunaan HP-TRIM (ERMS) di Arkib Negara Malaysia di samping menjalankan usaha-usaha meningkatkan kecekapan penggunaan HP-TRIM melalui latihan dan khidmat bantuan teknikal (*helpdesk*).

Seksyen Rekod Penting dan Pemulihan Bencana bertanggungjawab atas keselamatan dan pemeliharaan Rekod Penting Negara sama ada yang aktif atau tidak. Rekod penting tersebut amat diperlukan untuk meneruskan operasinya ketika dan selepas berlakunya bencana. Seksyen ini juga berperanan dalam memberi khidmat nasihat dan membantu Pejabat Awam membangunkan Pelan Tindakan Bencana di Pejabat Awam atau GLC bagi persediaan menghadapi bencana yang mungkin berlaku dan menyebabkan kerosakan pada rekod-rekod awam yang bernilai untuk rujukan dan penyelidikan. Seksyen ini juga bertanggungjawab dalam menyediakan Pelan Tindakan Bencana (PTB) bagi Arkib Negara Malaysia.

PENCAPAIAN AKTIVITI TAHUNAN

Pengurusan Rekod

Arkib Negara Malaysia telah mengadakan Program Pengurusan Rekod di Pejabat Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Singapura pada 9 hingga 15 Oktober 2011. Program ini bertujuan untuk memberikan khidmat kepakaran dalam pengurusan rekod, membantu pejabat Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Singapura mengamalkan pengurusan rekod yang baik, melaksanakan pelupusan rekod secara sistematik mengikut prosedur yang ditetapkan berdasarkan Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629), melegakan ruang simpanan dan menjimatkan kos penyelenggaraan rekod di pejabat tersebut.

Pelupusan Rekod

Arkib Negara Malaysia sedang menyediakan satu Jadual Pelupusan Rekod khusus untuk Rekod-rekod Am (*Housekeeping*) iaitu satu rekod yang memberi sokongan kepada perjalanan jentera sesebuah pejabat awam. Jadual Pelupusan Rekod Am ini meliputi Siri Rekod-rekod Pentadbiran, Siri Rekod-rekod Bangunan dan Tanah, Siri Rekod-rekod Bekalan dan Kelengkapan serta Siri Rekod-rekod Sumber Manusia.

of Electronic Records Management System (ERMS). Electronic Records Management Section also coordinates and monitors the use of HP-TRIM (ERMS) in the National Archives of Malaysia as well as carrying out concerted efforts to improve the efficiency of using HP-TRIM through training and technical support services (helpdesk).

The Vital Records and Disaster Recovery Section is responsible on the security and preservation of National Vital Records which is active or otherwise. The Vital Records are most needed to proceed with its operation during and after the disaster. This section also has a role in providing advisory services and assisting the Public Office developing a Disaster Action Plan for the Public Office or GLC as a disaster preparedness and which may cause destructions to the invaluable public records. This section is also responsible for providing Disaster Action Plan (PTB) for the National Archives of Malaysia.

ANNUAL ACTIVITIES ACHIEVEMENTS

Records Management

The National Archives of Malaysia has conducted Records Management Programmes at the Malaysian High Commissioners Office in Singapore on October 9th to 15th, 2011. This programme aimed at providing expert services in records management, assisting the Malaysian High Commissioners Office in Singapore in implementing good record management practice, systematic records disposal in line with specified procedures based on the National Archives Act 2003 (Act 629), relieving storage space, and minimising records maintenance costs at the said office.

Records Disposal

The National Archives of Malaysia is now preparing a Records Disposal Schedule specifically for Housekeeping which supports the operational machinery of any public office. The Housekeeping Disposal Schedule includes Administration Records Series, Land and Building Records Series, Logistics and Supply Records Series as well as Human Resource Records Series.

Pada 25 hingga 27 Julai 2011, Bengkel Pemantapan Jadual Pelupusan Rekod Urusan Am (JPR Am) telah diadakan di Hotel Royale Bintang, Seremban, Negeri Sembilan. Seramai 17 orang peserta terlibat terdiri daripada Pengarah Bahagian Rekod Kerajaan (1 orang), Ketua Seksyen (7 orang), Pegawai Arkib (7 orang) dan Penolong Pegawai Arkib (2 orang). Bengkel pemantapan ini adalah sebagai satu kaedah untuk mempercepatkan kerja-kerja menyemak, menambahbaik, mengemaskini dan memantapkan Jadual Pelupusan Rekod Urusan Am sedia ada yang telah dihasilkan pada tahun 1997 dan 2008.

Pada 12 hingga 15 Disember 2011, Bengkel Pengharmonian Jadual Pelupusan Rekod Urusan Am (JPR Am) telah diadakan di tempat yang sama iaitu di Hotel Royale Bintang, Seremban, Negeri Sembilan. Bengkel Pengharmonian JPR Am ini diadakan bertujuan untuk mengemaskini dan memuktamadkan draf Jadual Pelupusan Rekod Urusan Am yang telah disediakan melalui bengkel yang diadakan pada 25 hingga 27 Julai 2011. Peserta yang terlibat dalam bengkel ini seramai 18 orang terdiri daripada Pengarah Bahagian Rekod Kerajaan (1 orang), Ketua Seksyen (7 orang), Pegawai Arkib (8 orang) dan Penolong Pegawai Arkib (2 orang).

On July 25th to 27th, 2011, a Workshop on Strengthening the General Purpose Records Disposal Schedule (JPR Am) was held at the Royal Bintang Hotel, Seremban, Negeri Sembilan. A total of 17 participants made up of the Director of Government Records Division (1), Head of Sections (7), Archivists (7) and Assistant Archivists (2). The strengthening workshop was one method to expedite the checking, improving, updating and strengthening the current General Records Disposal Schedule which was produced in 1997 and 2008.

On December 12th to 15th, 2011, a Workshop on Harmonising the Housekeeping Records Disposal Schedule (JPR Am) was held at the same place which was the Royal Bintang Hotel, Seremban, Negeri Sembilan. The workshop was aimed at reviewing and finalising the Housekeeping Records Disposal Schedule draft which was prepared during the workshop held on July 25th to 27th, 2011.



Peserta Bengkel Jadual Pelupusan Rekod Urusan Am berbincang mengikut siri kumpulan rekod Jadual Pelupusan Rekod Urusan Am semasa pemantapan draf dijalankan. Bengkel tersebut telah diadakan dari 12 hingga 15 Disember 2011 di Hotel Royale Bintang, Seremban.

Participants to the Workshop on Scheduled Disposal of General Affairs Records having discussion according to their records group series during the work on improving the draft. The workshop was held from February 12th to 15th, 2011 at the Royale Bintang Hotel, Seremban.

JPR Am ini akan diterbitkan dan diedarkan pada awal tahun 2012 untuk digunapakai sebagai *working tools* oleh semua pejabat awam dalam melaksanakan pelupusan rekod Urusan Am. Melalui Jadual ini juga akan membantu pejabat awam mendapatkan kelulusan pemusnahan rekod awam dengan cepat iaitu dalam tempoh 14 hari bekerja berbanding piagam pelanggan yang boleh mencecah hingga 6 bulan.

Khidmat Nasihat Pengurusan Rekod Elektronik

Seksyen Pengurusan Rekod Elektronik telah memberikan khidmat nasihat pengurusan rekod elektronik, demo pelaksanaan aplikasi pengurusan rekod elektronik di ANM dan khidmat nasihat pelupusan rekod/media elektronik kepada 14 Kementerian/Jabatan/Agensi di sepanjang tahun 2011.

Penyediaan Klasifikasi Fail Sektor Awam

Sebanyak 41 sesi khidmat nasihat, bengkel klasifikasi fail dan sesi pengharmonian klasifikasi fail telah dilaksanakan pada tahun 2011.

Projek myERMS

Arkib Negara Malaysia telah meneruskan kerjasama dengan MAMPU dalam Projek myERMS. Arkib Negara Malaysia berperanan sebagai *Subject Matter Expert* dalam bidang Pengurusan Rekod dan Pasukan Teknikal bagi projek tersebut. Sebanyak 13 mesyuarat/perbincangan termasuk Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal dan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Projek MyERMS Sektor Awam telah diadakan.

Kajian Pemeliharaan Rekod Elektronik

Seksyen Pengurusan Rekod Elektronik telah menjalankan kajian pengarkiban laman sesawang dan pemeliharaan e-mel di samping terlibat dalam aktiviti menaik taraf dan menambah baik fungsi-fungsi dalam *Archival Management System*.

Bengkel Penyediaan Pelan Tindakan Bencana

Pada tahun 2011, Seksyen Rekod Penting dan Pemulihan Bencana (RPPB) dengan kerjasama Seksyen Sumber Manusia telah menganjurkan bengkel Penyediaan Pelan Tindakan Bencana (PTB) bermula pada 5 hingga 7 Disember 2011. Bengkel tersebut diadakan di Dewan Tun Rahah, Memorial Tun Abdul Razak. Ia dikhususkan untuk penyediaan pelan tindakan bencana rekod bagi Cawangan Negeri, Memorial

The Housekeeping Records Disposal Schedule (JPR Am) will be published and distribute in the early 2012 to be utilised as a working tools by all public offices when implementing the disposal of Housekeeping Records. This Schedule will also assist the public offices in giving faster approval for destruction of public records which is in the duration of 14 working days in comparison to the client's charter which can be as long as 6 months.

Advisory Service for Electronic Records Management

The Electronic Records Management Section has provided advisory services for electronic records management, gave demonstration on implementing the application of electronic records management at the NAM and advice on disposal of electronic records/media to 14 Ministries/Departments/Agencies throughout 2011.

Preparation of Public Sector Files Classification

A total of 41 advisory services sessions, files classification workshop and harmonising of files classification has been implemented in the year 2011.

myERMS Project

The National Archives of Malaysia has been continuing the cooperation with MAMPU in the myERMS Project. The National Archives of Malaysia played the role as Subject Matter Expert in the field of Records Management and the Technical Team for the project. A total of 13 meetings/discussions were held including The Technical Committee Meeting and MyERMS Public Sector Project Steering Committee Meeting.

Electronic Records Preservation Studies

Electronic Records Management Section has performed archival studies on web sites and preservation of e-mails besides engaging in activities for upgrading and improving the various functions on Archival Management System.

Preparation of Disaster Action Plan Workshop

In 2011, the Vital Records and Disaster Recovery (RPPB) Section with the cooperation of the Human Resource had organised workshop on Preparation for Disaster Action Plan (PTB) beginning December 5th to 7th, 2011. The workshop was held at the Tun Rahah Hall, Tun Abdul Razak Memorial. The workshop was specifically for the preparation of records disaster action plan for State Branches, Memorials and Record Services Centres. A total



En. Zamzurizaid Yazid sedang menunjukkan kaedah mengeringkan rekod yang basah dengan menggunakan kertas *Blotting Paper* kepada peserta Bengkel Penyediaan Pelan Tindakan Bencana di Memorial Tunku Abdul Rahman Putra. Bengkel tersebut telah diadakan dari 5 hingga 7 Disember 2011.

Mr. Zamzurizaid Yazid showing method of drying wet record using blotting paper to participants of Workshop on Preparation of Disaster Action Plan at the Tunku Abdul Rahman Putra Memorial. The workshop was held from December 5th to 7th, 2011.

dan Pusat Perkhidmatan Rekod. Seramai 19 orang peserta telah menghadiri bengkel ini. Ceramah, latihan amali serta penyediaan PTBR ANM Cawangan Negeri telah dikendalikan oleh Ketua Seksyen dan Pegawai dari seksyen ini. Dua orang penceramah jemputan iaitu Leftenan Kolonel Haji Sakri bin Hussin dari Majlis Keselamatan Negara dan Tuan Zahari bin Mohamad, Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Sentul turut memberi ceramah berkaitan Pengurusan Bencana serta Keselamatan Kebakaran dan Tatacara Pengungsian Bangunan. PTB yang diwujudkan akan menjadi satu garis panduan untuk menghadapi kemungkinan berlaku bencana.

of 19 participants attended the workshop. Lectures, practical training as well as preparation of PTBRANM State Branches were conducted by Head of Sections and officers from this section. Two invited speakers, Leftenan Kolonel Haji Sakri bin Hussin from the National Security Council and Mr Zahari Bin Mohamad, Head of Station Fire and Rescue Department Sentul also delivered talks related to Disaster Management as well as Fire Safety and Building Evacuation Procedures. The Disaster Action Plan created will form the guidelines upon facing impending disaster.

2nd ASEAN Workshop on Emergency Response and Recovery Team for Records

Bagi memantapkan lagi pengetahuan dalam pengurusan pemulihan bencana, Jabatan Arkib Negara Malaysia telah menghantar dua orang peserta iaitu Puan Hajah Saenah Bahari dan Encik Mohd Zakaria Razali dari Seksyen Rekod Penting dan Pemulihan Bencana bagi menghadiri 2nd ASEAN Workshop on Emergency Response and Recovery Team for Records: Assessment & Preservation Planning yang diadakan pada 28 hingga 30 November 2011 di Hotel Grand Palace, Yogyakarta, Indonesia. Program anjuran Perpustakaan Negara Republik Indonesia (PNRI) ini merupakan lanjutan kepada bengkel siri pertama yang telah diadakan di Arkib Negara Malaysia pada 25 hingga 30 April 2010. Bengkel ini telah disertai oleh lebih daripada 80 orang peserta yang merangkumi Pustakawan dan Pegawai Arkib dari pelbagai institusi arkib, perpustakaan dan universiti seluruh Indonesia dan negara ASEAN.

2nd ASEAN Workshop on Emergency Response and Recovery Team for Records

In order to strengthen the knowledge in disaster recovery, the Department of the National Archives of Malaysia has sponsored two participants, Puan Hajah Saenah Bahari and Mr Mohd Zakaria Razali from the Vital Records and Disaster Recovery Section to attend the 2nd ASEAN Workshop on Emergency Response and Recovery Team for Records: Assessment & Preservation Planning held on November 28th to 30th, 2011 at the Grand Palace Hotel, Yogyakarta, Indonesia. The programme was organised by The Republic of Indonesia National Library (PNRI) is an extension of the first serial workshop which was held at the National Archives of Malaysia on April 25th to 30th, 2010. This workshop has been attended by more than 80 participants comprising of Librarians and Archivists from various archives institutions, libraries and universities throughout Indonesia and the ASEAN nations.



Peserta 2nd ASEAN Workshop on Emergency Response and Recovery Team for Records: Assessment & Preservation Planning bergambar bersama urus setia dan penceramah. Bengkel tersebut telah diadakan dari 28 hingga 30 November 2011 di Hotel Grand Palace, Yogyakarta Indonesia. *Participants of the 2nd ASEAN Workshop on Emergency Response and Recovery Team for Records: Assessment & Preservation Planning having their photograph taken with the secretariat and speakers. The workshop was held from November 28th to 30th, 2011 at Grand Palace Hotel, Yogyakarta, Indonesia.*



BAHAGIAN PENGURUSAN ARKIB

ARCHIVES MANAGEMENT
DIVISION



BAHAGIAN PENGURUSAN ARKIB

ARCHIVES MANAGEMENT DIVISION

PROFIL

Bahagian Pengurusan Arkib (BPA) bertanggungjawab dalam pengendalian urusan-urusan berkaitan aktiviti teras Jabatan Arkib Negara Malaysia. Aktiviti utama Bahagian ini adalah mengesan, mengenal pasti, mengumpul dan memperoleh bahan arkib dari pelbagai sumber serta memelihara dan memulihara bahan arkib sebagai bahan bukti sejarah kebangsaan melalui kaedah pengawetan, penjilidan dan reprografi. Selain itu, bahagian ini juga memainkan peranan dalam memperoleh bahan-bahan arkib pandang dengar (audio visual), menjalankan kerja-kerja pendigitan bahan di samping menyediakan panducari untuk tujuan pengesanan bahan-bahan arkib bagi kemudahan penyelidikan.

Lima Seksyen bernaung di bawah BPA iaitu Seksyen Perolehan, Seksyen Pemuliharaan dan Reprografi, Seksyen Arkib Pandang Dengar, Seksyen Panducari dan Seksyen Arkib Digital mempunyai tanggungjawab tersendiri dalam melaksanakan aktiviti utama BPA termasuklah perolehan bahan arkib, pemuliharaan bahan arkib dan menyediakan panducari untuk memudahkan pengesanan bahan arkib, di samping memikul tanggungjawab untuk terus memperkasakan arkib pandang dengar dan arkib digital. Bagi memastikan KPI Bahagian dapat disempurnakan, kerjasama erat telah diwujudkan antara kelima-lima seksyen di bawah BPA bagi sama-sama merealisasikan penyediaan produk dan penyampaian perkhidmatan yang cekap dan efisien kepada pelanggan.

Aktiviti utama Seksyen Perolehan ialah memperoleh dan mengumpul bahan Surat Persendirian (SP) dan Koleksi Persendirian yang bernilai sejarah untuk disimpan kekal supaya dapat dirujuk oleh generasi masa kini dan masa akan datang. Bahan Surat Persendirian diperoleh daripada orang perseorangan yang banyak berjasa dan memberi sumbangan kepada negara dan masyarakat. Ketokohan mereka dapat dilihat daripada segi pentadbiran, politik, pendidikan, sukan, agama, sastera, kemasyarakatan, kebudayaan, sains, teknologi, hubungan antarabangsa, perniagaan, perdagangan dan lain-lain. Seksyen ini juga bertanggungjawab mengendalikan kerja-kerja pengesanan dan perolehan bahan-bahan daripada sumber rasmi dan persendirian dari dalam dan luar negara.

PROFILE

The Archives Management Division (AMD) is responsible for the management of core business of the National Archives of Malaysia. The principal activities of this division are tracing, identifying, collecting and acquiring archival materials from various sources as well as preserving and restoring them as evidential materials of the nation's history through various methods of conservation, binding and reprographic. In addition, the Division also plays a role in acquiring audio visual archival materials, carrying out digitization and in the preparation of finding-aids for easy retrieval.

There are five sections under the AMD namely the Acquisition Section, Conservation and Reprography Section, Audio Visual Archives Section, Finding-Aids Section and Digital Archives Section with their own responsibilities in implementing the principal activities of AMD including acquisition and conservation of archival materials and providing finding-aids to facilitate tracking, whilst shouldering the responsibility of augmenting the digital and audio visual archives. For the Division's KPI to be achieved, all five sections in AMD established close collaboration between them towards the realization of products preparation and efficient service delivery to the clients.

The Acquisition Section main activity is the acquisition and gathering of Private Papers (SP) and Private Collections which have historical values to be stored permanently so these can be referred to, by the present and future generations. The Private Papers were acquired from individuals who has vastly contributed to the nation and community. This section is also responsible for tracking and acquisitions of materials from official and private sources from within and outside the country.

Seksyen Perolehan beroperasi di Petaling Jaya iaitu di Tingkat 8 Menara MBPJ dan juga Bangunan Pusat Rekod yang dibina khas sebagai gedung rekod. Pada bulan Mac 2010, Seksyen ini telah berpindah ke Blok B, Kompleks Bukit Perdana, Jalan Dato' Onn. Terdapat tiga unit utama di Seksyen ini iaitu Unit Koleksi Arkib, Unit Surat Persendirian dan Unit Khidmat Sokongan.

Seksyen Arkib Pandang Dengar bertanggungjawab dalam menyediakan dasar, standard, prosedur dan garis panduan perolehan, pemeliharaan dan pemuliharaan bahan audiovisual; serta memproses bahan audiovisual. Selain itu, seksyen ini juga menyediakan kemudahan repositori untuk rekod-rekod berbentuk filem, audio, video dan multimedia serta bahan-bahan dalam bentuk kertas di samping melaksanakan kerja-kerja pendokumentasian serta program pemeliharaan dan pemuliharaan bahan-bahan audiovisual. Selain itu, Seksyen ini juga menyediakan perkhidmatan penyalinan bahan-bahan audiovisual kepada penyelidik. Seksyen ini terbahagi kepada empat (4) unit, iaitu Unit Filem, Unit Audio Video dan Multimedia, Unit Gambar serta Unit Khidmat Sokongan.

Bagi memantapkan lagi fungsi Seksyen ini, Pusat Pendokumentasian dan Pemeliharaan Audiovisual Negara (PPPAV) ditubuhkan. Bangunan PPPAV yang dibina di tapak bersebelahan dengan bangunan tambahan Arkib Negara Malaysia (Menara Ilmu), Jalan Duta, Kuala Lumpur ini telah diluluskan di bawah RMK 7 oleh Jemaah Menteri melalui Kertas Jemaah Menteri No. 410/2179/99 pada 14 Julai 1999. Bangunan yang menelan belanja sebanyak RM 27 juta ini mula dibina pada awal tahun 2008 dan diserahkan kepada Arkib Negara Malaysia oleh Jabatan Kerja Raya pada 17 Disember 2009. Penubuhan PPPAV membolehkan rekod-rekod audiovisual terpelihara sama seperti rekod-rekod dalam bentuk kertas. Peranan Arkib Negara Malaysia juga dapat diperluaskan lagi dalam bidang perolehan, pemprosesan, penyimpanan, pemeliharaan, pemuliharaan, penyalinan dan penyediaan kemudahan penyelidikan ke atas bahan audiovisual negara.

Pemuliharaan rekod dan arkib merupakan salah satu tugas utama yang dilaksanakan oleh Arkib Negara Malaysia bagi memastikan bahan tersebut tidak mengalami kerosakan yang berterusan dan dapat disimpan kekal sebagai warisan Negara yang bernilai untuk rujukan. Kerja-kerja pemuliharaan rekod dan arkib ini dipertanggungjawabkan kepada Seksyen Pemeliharaan dan Reprografi. Seksyen ini terbahagi kepada 4 unit iaitu Restorasi, Jilid, Reprografi, dan Makmal.

The Acquisition Section operated from Level 8 MBPJ Tower, Petaling Jaya as well as at the Records Centre Building which was specially built as storage for records. In March 2010, this Section moved to Block B, Bukit Perdana Complex, Jalan Dato' Onn. This Section comprised of three main units which are the Archives Collection Unit, Private Papers Unit and the Support Services Unit.

The Audio Visual Archives Section is responsible for the preparation of policies, standards, procedures and acquisition guidelines, preservation and conservation, as well as processing of audiovisual materials. In addition, this section also provides repository facilities for records in the form of films, audio, video and multimedia as well as materials in paper forms including performing documentation work and the preservation and conservation programmes of audiovisual materials. Additionally, this section also provides audiovisual materials copying service to researchers. This section consists of four (4) units, namely the Film Unit, the Audio Video and Multimedia Unit, Photography Unit and the Support Services Unit.

In further strengthening the functions of this Section, the National Centre for Audio Visual Documentation and Preservation (PPPAV) was established. The PPPAV Building which was built at a site adjacent 'Menara Ilmu' Building was approved under the 7th Malaysia Plan (RMK 7) by the Cabinet via Cabinet Paper No. 410/2179/99 on July 14th, 1999. The building which cost RM27 million was built in early 2008, was handed over to the National Archives of Malaysia by the Public Works Department on December 17th, 2009. The establishment of PPPAV has enabled audiovisual records to be preserved in the same manner as paper records. The National Archives of Malaysia has also expanded its role in the field of acquisition, processing, storage, preservation, conservation, copying and providing research facilities on audiovisual materials of the nation.

Preservation of records and archiving are the main tasks performed by the National Archives of Malaysia to ensure that materials do not suffer permanent damage and stored intact as valuable reference to the nation's heritage. The records conservation works and archiving is the responsibility of the Preservation and Reprographic Section. This section consists of 4 units namely the Restoration, Binding, Reprography and Laboratory.

Unit Restorasi bertanggungjawab menjalankan aktiviti penyemakan bahan, pengenyahan asid dan pembaikan. Kaedah pembaikan yang dilakukan di unit ini terdiri daripada kaedah pembaikan salut mati, pengkapsulan dan tradisional. Pembaikan tradisional pula terbahagi kepada 2 kaedah iaitu manual dan menggunakan mesin *leafcasting*. Unit Jilidan pula bertanggungjawab menjalankan kerja-kerja menjilid bahan arkib agar dapat disimpan kekal sebagai warisan Negara yang bernilai dan dapat dirujuk. Unit ini menjalankan aktiviti jilidan perpustakaan, jilidan pemuliharaan, jilidan bahan awet dan jilidan halus. Unit ini juga menjalankan kerja-kerja meminta tajuk bagi bahan selesai dijilid pada kulit buku mengikut kesesuaian bahan dan saiz huruf. Unit Reprografi bertanggungjawab dalam menjalankan perkhidmatan penyalinan mikrofilem dan gambar. Perkhidmatan mikrofilem yang dijalankan seperti master negatif, Generasi Kedua (Gen-2) dan Positif. Unit Makmal dan Kajian bertanggungjawab untuk menyediakan larutan pengenyahan asid dan menjalankan ujian pH untuk larutan pengenyahan asid dan ujian dokumen. Selain itu, unit ini bertanggungjawab untuk memastikan kelembapan dan suhu bilik mikrofilem dan gedung berada dalam keadaan yang stabil.

Seksyen Panducari bertanggungjawab untuk merancang, mengkaji, mengemaskini dan menyediakan panducari yang komprehensif secara *manual* dan *online* untuk memberi kemudahan rujukan dan capaian bahan arkib tanpa batasan kepada penyelidik. Fungsi dan objektif seksyen ini disokong dan dilaksanakan oleh Unit Arkib Rasmi, Unit Arkib Persendirian dan Unit Operasi Khidmat Sokongan.

Seksyen Arkib Digital telah diberi tanggungjawab menjalankan tugas-tugas pendigitan bahan arkib dan pemeliharaan bahan arkib dalam bentuk digital secara berterusan (*active preservation*). Seksyen ini mempunyai dua unit iaitu Unit Peralihan Data yang bertanggungjawab dalam melaksanakan kerja-kerja peralihan data (bahan arkib) daripada bentuk konvensional (analog) kepada bentuk digital dan Unit Pemeliharaan Digital yang menjalankan pemeliharaan bahan arkib digital supaya sentiasa dapat diakses.

The Restoration Unit is responsible to perform materials review, deacidification and restoration activities. The restoration performed at this unit comprised of the lamination restoration, encapsulation and traditional methods. Traditional repair is divided into 2 methods namely manual and the use of leafcasting machine. The binding unit is responsible for carrying out binding work of the archival materials so the materials can be stored intact as a valuable heritage of the Nation and can be referred. This unit also carry out library binding activities, conservation binding and fine binding. This unit also performs tooling work for the bound materials on the book cover appropriate to the materials and lettering size. The Reprographic Unit is responsible for carrying out microfilm and photograph copying services. The Research and Laboratory Unit is responsible for the preparation and performing pH tests for the deacidification solution and test on documents. In addition, the unit is responsible in ensuring the humidity and temperature of the microfilm room and the repository is in stable condition.

The Finding-Aids Section is responsible for planning, reviewing, updating and providing comprehensive finding-aids manually and online to provide easy reference facilities as well as unrestricted access of archive materials to researchers. The functions and objectives of this section are supported and implemented by the Official Archives Unit, Private Archives Unit and Operational Support Services Unit.

The Digital Archives Section has been given the responsibility of carrying out digitisation and preservation of archive materials in digital form as active preservation. This section has two units namely the Data Migration Unit which is responsible for data migration work (archive materials) from conventional (analog) to digital form as well as Digital Preservation Unit that performs preservation of digital archive materials for easy access.

PENCAPAIAN AKTIVITI TAHUNAN

Sepanjang tahun 2011, Bahagian Pengurusan Arkib telah berjaya melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan melalui kelima-lima seksyenya iaitu dengan memastikan aktiviti perolehan, pemeliharaan dan penggunaan bahan arkib yang optimum dilaksanakan. Selain itu, Bahagian ini turut bergiat aktif dalam melaksanakan kerja-kerja mempromosi bahan pembelian untuk tujuan penyelidikan.

Penyediaan Panducari

Sehingga penghujung tahun 2011, tiga buah panducari manual telah dihasilkan dengan jayanya iaitu Buku Panduan Sumber Bahan-Bahan Sejarah Negeri Pahang, Panduan Sumber-Sumber Bahan Mengenai Negeri Pahang dan Inventori Surat Persendirian Tan Sri Dr. Fatimah Hashim. Penghasilan Buku Panduan Sumber Bahan-Bahan Sejarah Negeri Pahang adalah bersempena Majlis Perasmian Bangunan Arkib Negara Malaysia Cawangan Pahang yang telah diadakan pada 23 Jun 2011. Manakala, penghasilan Panduan Sumber-Sumber Bahan Mengenai Negeri Pahang dilaksanakan khas untuk koleksi bahan arkib negeri Pahang yang berada di Ibu Pejabat Arkib Negara Malaysia. Di samping itu, penyediaan Inventori Surat Persendirian Tan Sri Dr. Fatimah Hashim dilaksanakan kerana beliau adalah antara tokoh wanita yang menjadi carian popular dikalangan penyelidik. Penghasilan ketiga-tiga buku panduan ini menjadi kayu ukur kepada pencapaian dan kecekapan Seksyen Panducari sepanjang tahun 2011.

Perolehan Bahan

Sepanjang tahun 2011, Seksyen Perolehan telah memperolehi dan memproses 9,507 unit bahan yang diterima daripada orang perseorangan, tokoh, pertubuhan, organisasi bukan kerajaan (NGO), institusi luar negara dan syarikat perusahaan. Bahan-bahan yang diperolehi terdiri daripada surat-menyurat, terbitan, surat khabar, gambar, poster, poskad, filem, mikrofilem, cakera padat dan sebagainya. Sebanyak 2,422 unit bahan Koleksi Surat Persendirian telah diterima daripada tokoh terkemuka, antaranya Tan Sri Dato' Dr. Abdul Hamid, Tan Sri Lee Lam Thye, Tan Sri Datin Paduka Mother Manglam dan Allahyarham Tun Omar Ong Yoke Lin.

Di samping itu, sejumlah 4,474 unit bahan Koleksi Arkib Pertubuhan telah diperolehi daripada pertubuhan seperti Persatuan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO), Persatuan Gimnastik Malaysia, Persatuan Perubatan Malaysia dan Malaysia Chinese Association (MCA). Seksyen ini juga menjalankan kerja-kerja pengesanan dan pemerolehan rekod-rekod Malaysia dari dalam dan luar negara seperti di Yayasan Pembangunan Buku Negara, NHF Production Sdn. Bhd, The National Archives

ANNUAL ACTIVITIES ACHIEVEMENTS

Throughout 2011, the Archives Management Division has successfully implemented the responsibilities entrusted through the five sections and ensuring the activities of acquisition, preservation and use of archival materials were optimised. In addition, the Division was actively involved in implementing promotional work for the purchase of materials for research purposes.

Preparation of Finding-Aids

Up to the end of 2011, three finding-aids manuals have been successfully produced viz Guide on Sources for Historical Materials of Pahang, Guide on the Sources of Materials Pertaining to Pahang and Inventory of Private Papers of Tan Sri Dr. Fatimah Hashim. The production of Guide on Sources for Historical Materials of Pahang was in conjunction with the Official Opening Ceremony of the National Archives of Malaysia Pahang Branch Building which was held on June 23rd, 2011, while the Guide on Sources of Materials Pertaining to Pahang is an archive material of Pahang kept at the Headquarters of the National Archives of Malaysia. In addition, the preparation for Inventory of Private Papers of Tan Sri Dr. Fatimah Hashim was implemented as she was among the female notables who became popular searches among the researchers. The production of these three guide books became the benchmark for performance and competency of Finding-Aids Section throughout 2011.

Acquisition of Materials

Throughout 2011, the Acquisition Section has acquired and processed 9,507 units of materials received from individuals, personalities, organisations, non-governmental organisations (NGO), overseas institutions and enterprises. Materials acquired were made up of letters, publications, newspapers, photographs, posters, postcards, films, microfilms, compact discs and others. A total of 2,422 units of Private Papers Collection materials have been received from prominent figures, including Tan Sri Dato' Dr. Abdul Hamid, Tan Sri Lee Lam Thye, Tan Sri Datin Paduka Mother Manglam dan Allahyarham Tun Omar Ong Yoke Lin.

In addition, a total of 4,474 units of Archives Collection of Organisations have been acquired from organisations such as the United Malay Nationalist Organisation (UMNO), the Gymnastic Association of Malaysia, Malaysian Medical Association and Malaysia Chinese Association (MCA). This section also performs work on tracking and acquisition of Malaysian records from within and outside the country such as those at the National Books Development Foundation, NHF Production Sdn. Bhd, The National Archives United Kingdom, National Archives of Australia, The National Archives of Scotland and the Royal Geographical

United Kingdom, *National Archives of Australia*, *The National Archives of Scotland* dan *Royal Geographical Society*. Sebanyak 2,611 unit bahan Koleksi Persendirian dan Rekod-rekod Malaysia dari luar negara telah diperoleh bagi tahun 2011.

Bagi bahan Audiovisual pula, Seksyen Arkib Pandang Dengar telah menerima sebanyak 18624 bahan, iaitu sebanyak 12 bahan filem, 1155 bahan audio, video dan multimedia serta 17457 bahan gambar.

PROGRAM-PROGRAM LAIN

Pelancaran Buku Panduan Sumber Bahan Sejarah Negeri Pahang

Pelancaran buku panduan ini telah disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah sempena Majlis Perasmian Bangunan Arkib Negara Malaysia Cawangan Pahang yang telah diadakan pada 23 Jun 2011. Buku panduan ini meliputi maklumat lengkap berkaitan kumpulan bahan Rekod-rekod Jabatan Persekutuan, Rekod-rekod Jabatan Negeri, Rekod-rekod Badan Berkanun Persekutuan dan Rekod-rekod Badan Berkanun Negeri yang terdapat di Arkib Negara Malaysia Cawangan Pahang. Maklumat yang dimuatkan meliputi sejarah pentadbiran bagi setiap jabatan, tahun rekod diliputi, jumlah dan ukuran bahan, jenis dan deskripsi bahan. Buku ini juga turut memuatkan deskripsi secara umum bagi rekod dan bahan-bahan arkib negeri Pahang yang terdapat di Ibu Pejabat Arkib Negara Malaysia.

Program Pendeskripsian fail

Sepanjang tahun 2011, dua Program Pendeskripsian fail oleh pelajar Jabatan Sejarah dan Tamadun, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) telah dianjurkan pada 2 hingga 13 Januari 2011 dan pada 28 hingga 29 September 2011. Tujuan program ini adalah untuk mendidik pelajar kaedah pendeskripsian yang betul dan tepat berdasarkan standard kearkiban. Kedua-dua program ini melibatkan 70 orang pelajar dari UIAM. Para pelajar telah diberi fail dari kumpulan Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang dan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor untuk latihan pendeskripsian. Setiap deskripsi yang dihasilkan pelajar telah disemak oleh Pegawai Arkib Seksyen Panducari dan pemberian markah berdasarkan struktur pendeskripsian yang tepat. Umumnya pencapaian dan kualiti pendeskripsian fail yang dibuat oleh pelajar UIAM adalah baik dan memuaskan.

Society. A total of 2,611 units of Private Collection materials and Malaysian Records overseas have been acquired in the year 2011.

As for Audiovisual materials, the Audiovisual Archives Section has received a total of 18,624 materials, namely 12 film materials, audio materials, video and multimedia 1,155 as well as 17,457 photograph materials.

OTHER PROGRAMMES

Launching of Guide on Sources of Historical Materials of Pahang

The launching of this guide book has been officiated by HRH Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah in conjunction with the Official Opening Ceremony of the National Archives of Malaysia Building Pahang Branch held on June 23rd, 2011. This guide book includes detailed information on Federal Department Records, State Department Records, Federal Statutory Bodies Records and State Statutory Bodies Records found at the National Archives of Malaysia, Pahang Branch. The information covers the administrative history of each department, duration covered by the records, the number and size of the materials, types and descriptions of the materials. This book also contains a general description of the records and archive materials of Pahang which are available at the Headquarters of the National Archives of Malaysia.

Files Descriptive Programme

During the year 2011, two File Descriptive Programmes by student of the History and Civilisation Department, the International Islamic University of Malaysia (IIUM) was organised on January 2nd to 13th, 2011 and on September 28th and 29th, 2011. The aim of the programme is to educate students on the proper and accurate method of description based on archival standards. Both programmes involved 70 students from IIUM. The students were given files from the State Secretariat of Pahang and the State Secretariat of Selangor for description exercises. Each description produced by the students was reviewed by Finding-Aids Section's Archivists and the allocation of marks was based on accurate description structures. Generally the achievements and quality of files description by the IIUM students were good and satisfactory.

Bengkel Penyediaan Metadata

Bengkel Penyediaan Metadata telah diadakan pada 14 hingga 16 Ogos 2011 bertempat di Quality Hotel, Kuala Lumpur. Bengkel ini diadakan sempena projek MyCreative Content (MyCC) yang dilancarkan di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP), satu sistem khusus yang dinamakan Digital Asset Management and Distribution System (DAMNDS) akan dibangunkan bagi membolehkan semua kandungan digital setiap agensi di bawah Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan diuruskan secara sistematik. Oleh itu Seksyen Panducari telah dipertanggungjawab untuk menganjurkan Bengkel Penyediaan Metadata untuk memenuhi keperluan DAMNDS. Bengkel ini bertujuan untuk menyediakan satu skema metadata yang seragam dan boleh digunakan. Bengkel ini berjaya menghasilkan draf pertama standard metadata bagi bahan audiovisual dokumen, artifak untuk diserahkan kepada Jawatankuasa Kerja (Teknikal) NKEA:CCI My Creative Content untuk digunakan pada sistem DAMNDS.

Metadata Preparation Workshop

The Metadata Preparation Workshop was held on August 14th to 16th, 2011 at the Quality Hotel, Kuala Lumpur. The workshop was held in conjunction with MyCreative Content (MyCC) project launched under the Government Transformation Programme (GTP), a specific system known as Digital Asset Management and Distribution System (DAMNDS) will be developed to enable all digital contents of each agency under the Ministry of Information, Communication and Culture will be systematically administered. Hence the Finding-Aids Section was made responsible for organising the Metadata Preparation Workshop to fulfill the DAMNDS needs. This workshop was intended to prepare one uniform metadata schema and can be applied. The workshop was successful in producing the first draft of metadata standard for audiovisual document materials, artifacts for submission to the Working Committee (Technical) NKEA:CCI My Creative Content for application in the DAMNDS system.

Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan dan Pengurusan) ANM, Encik Azemi Abdul Aziz menyerahkan dokumen setuju terima kepada Encik Wan Hilmi Wan Mohamed Zin, Pengurus Besar Integrasi Naluri Sdn. Bhd. selaku kontraktor projek MyCreative Content. Majlis diadakan pada 16 Disember 2011. *The Deputy Director General (Planning and Management) ANM, Encik Azemi Abdul Aziz presenting the acceptance document to Encik Wan Hilmi Wan Mohamed Zin, General Manager Integrasi Naluri Sdn. Bhd. as the contractor to MyCreative Content project. The ceremony was held on December 16th, 2011.*



Pertandingan Fotografi sempena Hari Audiovisual Sedunia

Sempena sambutan Hari Audiovisual Sedunia, Seksyen Panducari dipertanggungjawab untuk mengendalikan Pertandingan Fotografi yang terbuka kepada pelajar sekolah menengah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Lembah Kelang. Pertandingan bertujuan untuk merakamkan dan mendokumentasikan peristiwa/mercu tanda dan kegiatan harian dalam bentuk foto (gambar) di samping memberi kesedaran tentang kepentingan rekod audiovisual sebagai perakam sejarah negara, bangsa dan sosiobudaya. Program berlangsung dari bulan September hingga Oktober 2011. Sebanyak 62 penyertaan telah diterima dan pemenang telah diumumkan pada hari sambutan Hari Audiovisual Sedunia pada 31 Oktober 2011. Secara keseluruhannya pertandingan ini mendapat sambutan yang menggalakkan dan telah berjaya menarik golongan pelajar untuk turut sama menyumbang bahan kepada Arkib Negara Malaysia.

Photography Competition in conjunction with World Audiovisual Day

In conjunction with the celebration of the World Audiovisual Day, the Finding-Aids Section was assigned to organise Photography Contest open to secondary school students Federal Territory of Kuala Lumpur and Klang Valley. The contest was aimed at recording and documenting events/landmarks and the daily activities in the form of photographs (pictures) besides providing awareness on the importance of audiovisual records as a recorder for the history of the nation, race and socio-culture. The programme was run from September to October 2011. A total of 62 entries were received and winners were announced on the day of the World Audiovisual Day celebration on October 31st, 2011. Overall, the competition received encouraging response and has successfully attract the students to voluntarily contribute materials to the National Archives of Malaysia.



Para pemenang Pertandingan Fotografi sempena Hari Audiovisual Sedunia begambar di samping hadiah dan sijil penyertaan.

Winners of the Photography Contest in conjunction with World Audiovisual Day had their photographs taken with their prizes and certificates of participation.

Majlis Sambutan Hari Warisan Audiovisual Sedunia 2011

Majlis ini telah dianjurkan pada 31 Oktober hingga 2 November 2011 dengan tema “lihat, dengar dan pelajari” bertujuan untuk melahirkan dan meningkatkan kesedaran akan kepentingan bahan audiovisual di samping menekankan kepentingan pemeliharaan bahan tersebut. Selain itu, sambutan ini juga dapat memberi kesedaran tentang keunikan dan kepentingan nilai bahan audiovisual sebagai perakam sejarah. Kesedaran yang diharapkan bukan sekadar menyimpan dan memelihara tetapi memastikan bahan tersebut boleh digunakan dan dirujuk untuk jangka masa yang panjang.

Majlis Pelancaran Sambutan Hari Warisan Audiovisual Sedunia 2011 telah diadakan pada 31 Oktober 2011 di Auditorium Bangunan PPPAV, Arkib Negara Malaysia. Majlis ini dirasmikan oleh Timbalan Menteri II, KPKK, YB Senator Datuk Maglin Dennis D'Cruz. Ceramah Khas: Akta Hakcipta 1987 diadakan sebagai salah satu pengisian Sambutan Hari Warisan Audiovisual Sedunia 2011. Sesi ceramah ini diadakan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran hak harta intelek di kalangan rakyat Malaysia khususnya penggiat seni dan pelajar IPTA/IPTS.

Turut diadakan sesi tayangan filem bersejarah kepada pelajar sekolah menengah bagi mendedahkan kepada pelajar-pelajar tentang pentingnya menjaga khazanah Negara yang antaranya tersimpan dalam bentuk audiovisual dan juga untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman tentang sejarah tanah air. Sebanyak 11 buah filem dan filem dokumentari daripada koleksi filem Arkib Negara Malaysia telah ditayangkan. Filem yang mendapat tempat di hati pelajar dan guru merupakan Filem “1957: Hati Malaya”.

Bengkel Jilidan Halus

Sebanyak dua Bengkel Jilidan Halus telah dilaksanakan sepanjang tahun 2011 dengan menumpukan kepada pembelajaran secara amali mengenai teknik-teknik jilidan halus dari awal (menyediakan Kertas Hujung) sehingga akhir (meninta/kemasan akhir). Bengkel Jilidan Halus Siri 1/2011 diadakan pada 7 hingga 18 Februari 2011 di Arkib Negara dengan penyertaan seramai 11 orang Pembantu Pemuliharaan dari Arkib Cawangan Negeri dan Seksyen Pemeliharaan dan Reprografi. Peserta dapat mempelajari teknik-teknik jilidan halus dari awal (menyediakan Kertas Hujung) sehingga akhir (meninta/kemasan akhir). Sebanyak 11 buah buku asal berjaya disiapkan dengan menggunakan Jilidan Halus.

World Audiovisual Heritage Day Celebration Ceremony 2011

The ceremony was organised on October 31st to November 2nd, 2011 with the theme of “look, listen and learn” intended to produce and also increase awareness on the importance of audiovisual materials besides emphasising the importance of preserving those materials. In addition, this celebration was also able to create awareness regarding the uniqueness and importance of the audiovisual materials as the recorder of history. The awareness expected was not only in storing and preserving but also to ensure that those materials can be used and referred to for the long term.

The Launching Ceremony of the World Audiovisual Heritage Day 2011 was held on October 31st, 2011 at the Auditorium PPPAV Building, the National Archives of Malaysia. The ceremony was officiated by the Deputy Minister II, Ministry of Information, Communication and Culture, YB Senator Datuk Maglin Dennis D'Cruz. A special lecture : Copyright Act 1987 was held as one of the contents of the World Audiovisual Heritage Day Celebration 2011. This lecture aimed to raise awareness of intellectual property rights among the Malaysian public especially to the artistes and students of the public institutions of higher learning (IPTA) / private institutions of higher learning (IPTS).

Also held was historical filmshow sessions to the secondary school students to expose to the students about the importance of protecting our National treasures which among others were stored in audiovisual form and also to increase awareness and understanding of the history of the country. A total of 11 feature and documentary films from the collection of the National Archives of Malaysia were shown. The film which won a place in the hearts of students and teachers was “1957 : Hati Malaya”.

Fine Binding Workshop

A total of two Workshop on Fine Binding was implemented throughout 2011 with emphasis on practical learning related to fine binding techniques from the beginning (preparing End Paper) until the end (tooling/final finishes). The Workshop on Fine Binding Series 1/2011 was held from February 7th to 18th, 2011 at the National Archives with 11 Conservation Assistants participants from State Branches Archives and the Preservation and Reprography Section. Participants learnt the fine binding techniques from the beginning (preparing End Paper) until the end (tooling/final finishes). A total of 11 original books were successfully completed using Fine Binding.

Bengkel Jilidan Halus Siri 2/2011 berjaya dilaksanakan pada 16 hingga 30 Mac 2011 dengan penyertaan seramai 9 orang Pembantu Pemuliharaan dari ibu pejabat dan Kader-kader Pembantu Pemuliharaan Jabatan serta badan berkanun yang lain.

Bengkel ini telah dijalankan dengan kerjasama Seksyen Sumber Manusia dan Seksyen Konsultasi dan Latihan, Jabatan Arkib Negara.

The Workshop on Fine Binding Series 2/2011 was successfully implemented from March 16th to 30th, 2011 with 9 Conservation Assistants participants from the headquarters and the departmental Conservation Assistants Cadres as well as from statutory bodies.

These workshops were conducted with the cooperation of the Human Resource Section and Consultancy and Training Section, the National Archives of Malaysia.



Gambar menunjukkan En. Hamdan b. Syed Hassan menunjuk ajar cara yang betul bagi meminta tajuk secara manual kepada En. Roslan b. Zakaria dari Dewan Bahasa dan Pustaka ketika Bengkel Jilidan Halus Siri 2/2011 yang diadakan dari 16 hingga 30 Mac 2011. En. Hamdan b. Syed Hassan providing instructions on the proper method of manually tooling book titles to En. Roslan b. Zakaria from Dewan Bahasa dan Pustaka during the Fine Binding Workshop 2/2011 Series held from March 16th to 30th, 2011.

Taklimat Keselamatan Chemical Help Research Assessment (CHRA)

Taklimat Keselamatan CHRA telah dilaksanakan pada 31 Mac 2011 dengan penyertaan semua pegawai dan kakitangan Seksyen Pemeliharaan dan Reprografi. Taklimat dengan kerjasama Seksyen Sumber Manusia, Arkib Negara Malaysia ini dikendalikan oleh Pegawai dari Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia (JKKP).

Dalam sesi taklimat ini, para peserta diberi penerangan mengenai pematuhan kepada Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (AKKP 1994). Ia bertujuan untuk memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerja terjamin serta melindungi orang di tempat kerja (selain daripada orang yang sedang bekerja) daripada bahaya. Selain itu, ia menggalakkan persekitaran ruang kerja yang sesuai dengan keperluan fisiologi dan psikologi orang yang sedang bekerja.

Safety Briefing on Chemical Help Research Assessment (CHRA)

Safety briefing CHRA was held on March 31st, 2011 with the participation of all officers and staff of the Preservation and Reprographic Section. The briefing which was held in collaboration of the Human Resource Section, the National Archives of Malaysia was conducted by Officers from the Department of Occupational Safety and Health Malaysia (JKKP).

In the briefing session, participants were given briefing on compliance to the Occupational Safety and Health Act (OSHA 1994). This aims at ensuring the safety, health and welfare of workers are assured as well as protecting other people at workplace (other than the workers) from dangers. In addition, this promotes working environment appropriate to physiological and psychological needs of people at work.

Peserta juga dimaklumkan dengan peraturan-peraturan keselamatan dan kesihatan iaitu kakitangan yang terdedah kepada bahan kimia perlu menggunakan PPE (*Personel Protective Equipment*) sebagai langkah berjaga-jaga dalam menjalankan kerja. Walau bagaimanapun taklimat kali ini lebih kepada taklimat keselamatan dalam pengendalian bahan kimia serta kelengkapan yang perlu ada semasa menjalankan kerja berkaitan dengan bahan kimia.

Kursus Book Binding

Kursus *Book Binding* ini telah diadakan pada 16 hingga 30 Mei 2011 di kampus utama American Academy, Telluride USA. Kursus ini telah dihadiri oleh En. Zamzurizaid Yazed (Pembantu Pemuliharaan dan dikelolakan oleh Mr. Don Glaister, Pengarah *Academic Book Binding* Telluride. Seramai 12 peserta dari seluruh dunia mengikuti kursus ini.

Kursus ini tertumpu kepada proses penyediaan jilidan halus yang lebih baik, halus, komersial dan cepat dari penyediaan kertas hujung kepada meminta tajuk sesebuah buku yang mempunyai nilai tersendiri.

Secara keseluruhan kursus ini menekankan penggunaan bahan mentah dari Jepun yang lebih berkualiti seperti, *paring knife*, benang, wax, kulit, kertas dan sebagainya.

Antara perkara yang ditekankan dalam kursus ini ialah teknik memasang kertas hujung (*end paper*), teknik membina *head band* yang lebih cantik dan kemas, teknik menipiskan kulit dengan menggunakan *paring knife*, teknik menggunakan "cord" untuk menjahit buku, kehalusan dan ketelitian dalam menghasilkan buku jilidan halus, membuat *Wristband* dan kulit buku.

Demonstrasi Pemuliharaan

Seksyen Pemeliharaan dan Reprografi telah mengendalikan dua aktiviti demonstrasi pemuliharaan iaitu sempena Program Mengenang Tokoh Negerawan Allahyarham Tun Abdul Razak di perkarangan UiTM Jengka, Pahang pada 7 hingga 9 Julai 2011 dan sempena Program Merakyatkan Seni KPKK di Kampung Batu Gajah, Perak pada 28 hingga 29 September 2011.

Dalam program ini pengunjung diberi penerangan ringkas mengenai kaedah pembaikan dan teknik penjilidan. Selain itu, pengunjung juga diberi peluang untuk menjilid buku dengan bimbingan petugas Seksyen Pemeliharaan dan Reprografi.

Participants were also informed of the safety and health regulations where employees exposed to chemicals must wear PPE (Personel Protective Equipment) as a precautionary measure while working. However, the briefing was more about safety briefing in the handling of chemicals and equipments which are needed when carrying out work related to chemicals.

Book Binding Course

The Book Binding Course was held on May 16th to 30th, 2011 at the main campus of the American Academy, Telluride, USA. The course was attended by Mr. Zamzurizaid Yazed (Conservation Assistant) and was conducted by Mr. Don Glaister, The Director of Academic Book Binding, Telluride. A total of 12 participants from all over the world attended this course.

This course focused on the process of preparing a better fine binding, refined, commercial and prompt from preparation of end paper to tooling title of a book which has its own value. On the whole this course emphasised the use of better quality raw materials from Japan such as paring knife, thread, wax, leather, paper and others.

Among other things that were emphasised in this course were the technique of fixing the end paper, the technique to make a more appealing and tidy head band, technique of thinning leather by using paring knife, technique on using cords for sewing books, the refinement and thoroughness in producing fine binding books, making wristband and book covers.

Demonstration on Conservation

The Preservation and Reprography Section has organised two activities on conservation demonstrations namely in conjunction with the Remembering the Statesman Programme the late Tun Abdul Razak at the foyer of UiTM Jengka, Pahang on July 7th to 9th, 2011 and in conjunction with Communalizing the Arts MICC at Kampung Batu Gajah, Perak on September 28th to 29th, 2011.

In this programme the visitors was given a brief information on restoration methods and binding techniques. In addition, visitors were given the opportunity to bind a book with guidance from the staff of Preservation and Reprography Section.

Kursus Penyediaan Folder

Kursus Penyediaan Folder Bil 1/2011 telah dilaksanakan pada 6 Disember 2011 dengan penyertaan seramai 10 orang Pembantu Pemuliharaan dari Seksyen Pemeliharaan dan Reprografi. Tenaga pengajar adalah En. Musa b. Hanafiah. Kursus ini telah dijalankan dengan kerjasama Seksyen Sumber Manusia dan Seksyen Pemeliharaan dan Reprografi. Kursus ini menumpukan kepada pembelajaran secara amali mengenai teknik-teknik penyediaan *folder* dari awal sehingga akhir.

Pendigitalan Fail SUK Pahang

Pendigitalan kumpulan rekod fail-fail Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang dibuat bersempena dengan perasmian Bangunan Arkib Negara Malaysia Cawangan Negeri Pahang. Bahan arkib SUK Pahang yang didigitalkan meliputi dari tahun 1949 hingga tahun 1972. Sejumlah 48,341 helai bahan arkib telah didigitalkan dan mengambil masa dari Januari sehingga Jun 2011.

Kerja-kerja pendigitalan meliputi proses seperti berikut:

- Pengimbasan (*scanning*)
- Penyuntingan
- Kawalan imej digital yang telah dihasilkan
- Menghasil semula imej digital TIFF ke dalam format JPEG dan PDF bagi tujuan akses.
- Muat naik ke Sistem COMPASS.

Sesi Technology Updates

Sebanyak lima sesi *technology updates* telah diadakan khusus kepada pegawai-pegawai arkib yang menjalankan kerja-kerja yang berkaitan dengan kandungan digital di Arkib Negara Malaysia. Sesi *technology updates* pada kali ini membentangkan pengetahuan teori dan praktis terkini berkaitan dengan pendigitalan dan pemeliharaan bahan arkib digital. Berikut adalah syarikat dan institusi yang dijemput atau dilawati bagi sesi *technology updates*.

Folder Preparation Course

The Folder Preparation Course No. 1/2011 was organised on December 6th, 2011 with participation of 10 Conservation Assistants from the Preservation and Reprography Section. The teaching staff was Mr. Musa b. Hanafiah. This course was jointly organised by the Human Resource Section and the Preservation and Reprography Section. The course focused on practical learning on techniques of folder preparation from the beginning to the end.

Digitising the Pahang State Secretariat Files

Digitising the group of records of the Pahang State Secretariat files was done in conjunction with the official opening of the National Archives of Malaysia Building, Pahang Branch. The Pahang State Secretariat archive materials that were digitised cover from 1949 to 1972. A total of 48,341 sheets of archive materials were digitised from January to June 2011.

The digitisation works included the following process:

- Scanning
- Editing
- Control of digital images that have been produced
- Reproduction of the TIFF digital images to JPEG and PDF formats for access purposes.
- Upload to COMPASS System.

Technology Updates Session

A total of five sessions on technology updates were held specially for archivists doing the works related to digital contents at the National Archives of Malaysia. The technology updates sessions presented the latest theoretical and practical knowledge related to digitisation and preservation of digital archival materials. The following were the companies and institutions that were invited or visited for the technology updates sessions.

Bil	Syarikat / Institusi / <i>Company / Institution</i>	Tarikh / <i>Date</i>
1	Sarang Mas Sdn Bhd dan Biz Objek Sdn Bhd	18 Februari 2011
2	Astro Broadcasting (Lawatan)	24 Februari 2011
3	ZPMC Sdn Bhd	8 Mac 2011
4	Nuinfra Sdn Bhd dan Imedia Broadcasting Sdn Bhd	9 Mac 2011
5	PNMB Sdn Bhd dan Dgcom Sdn Bhd	10 Mac 2011

Projek My Creative Content (MyCC)

Sebagai urus setia Projek My Creative Content ANM menyelaraskan pelaksanaan projek dengan beberapa seksyen lain. Antara aktiviti projek pada tahun ini adalah:

- Menyediakan Request for Proposal (RFP)
- Menguruskan mesyuarat Jawatankuasa Pemandu, Jawatankuasa Teknikal dan lain-lain
- Menyedia dan menguruskan tender. Skop projek MyCC adalah:-
 - Pendigitalan Bahan Audio Visual
 - Pendigitalan Bahan Dokumen
 - Naiktaraf Pusat Data
 - Pembangunan Online Finding Aids
- Menyedia dan menguruskan sebut harga untuk kerja-kerja:
 - Pendigitalan dokumen arkib berjilid berjumlah 400,000 helaian
 - Menguruskan pembinaan makmal pendigitalan dan studio akustik di bangunan PPPAV
- Menaiktaraf aplikasi Archival Management System (AMS).

Taklimat dan Khidmat Nasihat

Sepanjang 2011 taklimat dan khidmat nasihat telah diadakan kepada warga Perpustakaan Muzium Kesenian Islam Malaysia pada 7 Disember 2011, Universitas Indonesia pada 13 Disember 2011 dan pelajar-pelajar Sarjana dari Universiti Teknologi MARA (UiTM).

My Creative Content (MyCC) Project

As the Secretariat for My Creative Content Project the National Archives of Malaysia coordinated the implementation of the project together with few other sections. Among the project activities for the year were:

- *Preparing Request for Proposal (RFP)*
- *Managing the meetings of the Steering Committee, the Technical Committee and others*
- *Prepare and manage tenders. The project scope of MyCC are:-*
 - *Digitisation of Audio Visual Materials*
 - *Digitisation of Document Materials*
 - *Upgrading of Data Centre*
 - *Developing Online Finding-Aids*
- *Prepare and manage quotations for jobs:*
 - *Digitisation of bound archive documents totaling 400,000 sheets*
 - *Manage construction of the digitisation laboratory and acoustic studio in PPPAV building*
- *Upgrading of the Archival Management System (AMS) application.*

Briefing and Advisory Service

Throughout 2011 briefing and advisory services were held for staff of the Islamic Museum of Arts Library Malaysia on December 7th, 2011, Universitas Indonesia on December 13th, 2011 and Masters undergraduates of the Universiti Teknologi MARA (UiTM).



BAHAGIAN PENGEMBANGAN

ADVOCACY DIVISION



BAHAGIAN PENGEMBANGAN ADVOCACY DIVISION

PROFIL

Fungsi utama Bahagian Pengembangan adalah untuk memastikan penyimpanan dan pemeliharaan bahan arkib yang sistematik dan dilaksanakan mengikut piawaian Arkib Antarabangsa, menyediakan kemudahan penyelidikan yang terbaik kepada penyelidik, menggalakkan penggunaan bahan arkib dalam penyelidikan, memastikan capaian bahan arkib dan pengaksesan kepada bahan berjalan lancar dan teratur, bertanggungjawab untuk meningkatkan lagi kesedaran masyarakat akan kepentingan maklumat daripada sumber primer melalui aktiviti pameran, dan pendekatan kepada para pelajar sekolah dengan program arkib pendidikan. Bahagian ini juga memastikan peningkatan jumlah pelawat yang hadir ke Arkib Negara dengan menyebarkan aktiviti dan program yang dirancang sepanjang tahun.

Empat seksyen yang menjadi penggerak utama kepada Bahagian Pengembangan ialah Seksyen Perkhidmatan Repositori, Seksyen Rujukan dan Akses, Seksyen Pameran dan Arkib Pendidikan serta Seksyen Perhubungan Awam. Setiap seksyen memainkan peranan yang penting dalam menjalankan tanggungjawab serta fungsi masing-masing.

Seksyen Perkhidmatan Repositori bertanggungjawab dalam pemeliharaan bahan arkib secara efisien dan penyediaan ruang simpanan yang kondusif. Semua bahan arkib yang dipindahkan ke gedung repositori disimpan secara sistematik bagi tujuan pengawalan, pemeliharaan dan pengeluaran untuk rujukan.

Seksyen ini juga bertanggungjawab atas keselamatan rekod-rekod di dalam pemeliharaannya. Kawalan keselamatan persekitaran seperti penggunaan sistem kad akses, pintu rintangan api, alat penggera keselamatan, alat pemadam api yang berfungsi, mahupun alat-alat kawalan lain seperti pengesan asap dan penyembur air mestilah lengkap dan tersedia di setiap tingkat gedung simpanan bahan arkib. Gedung simpanan ini juga perlu dikawal selia dari semasa ke semasa oleh pegawai dan kakitangan yang bertanggungjawab. Kawalan keselamatan ini bukan sahaja meliputi keselamatan persekitaran gedung simpanan, malah mengambil kira faktor keselamatan fizikal bahan itu sendiri. Kawalan suhu dan kelembapan udara serta pencahayaan yang betul amat penting bagi mengelakkan bahan arkib mengalami kerosakan semula jadi.

Hasil daripada penyimpanan dan pemeliharaan rekod yang sistematik dan mengikut standard Arkib Antarabangsa inilah yang menjadi menyumbang kepada pencapaian visi Arkib

PROFILE

The main functions of The Advocacy Division are ensuring a systematic storage and preservation of archival materials and carried out according to International Archives standards, providing the best research facilities to researchers, promoting the use of archival materials in research, ensuring access to archival materials and also the access to the materials running smoothly and manageable, responsibility to enhance public awareness of the importance of information from primary sources through exhibition activities, and approaches to school students with educational archival programme. This division also ensures that an increasing number of visitors come to the National Archives through dissemination of programmes and activities that are planned throughout the year.

The four section that serves as the prime mover to the Advocacy Division are the Repository Service Section, the Access and Reference Section, the Educational Archives and Exhibition Section and Public Relations Section. Each section plays an important role in carrying out their functions and responsibilities.

The Repository Service Section is responsible for the preservation of archival materials efficiently and provides conducive storage spaces. All archival materials that are transferred to the repository building are systematically kept for controlling purposes, custody and issuance for reference.

This section is also responsible for the security of the records in their custody. Security control of the environment such as the use of access card system, fire resistance doors, security alarm devices, fire extinguishers that work, or other control devices such as smoke detectors and water sprinklers must be equipped and available on every floor of the building for the storage of archival materials. The repository needs also to be monitored from time to time by the officers and staff responsible. The security control will not only covers the environments of the repository, but also taking into account the physical safety factors of the materials itself. Temperature control and air humidity as well as proper lightings are very important to prevent the archival materials from undergoing natural damage.

As a result of systematic storage and preservation of records in line with International Archives Standard have contributed to the achievement of the National Archives of Malaysia's vision namely to be the nation's premier archive and research centre.

Negara Malaysia iaitu menjadi pusat arkib dan penyelidikan negara yang unggul. Kemudahan dan perkhidmatan penyelidikan yang disediakan oleh Jabatan ini diamanahkan kepada Seksyen Rujukan dan Akses.

Seksyen Rujukan dan Akses bertindak mengikut dasar dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Arkib Negara Malaysia dalam usaha menyediakan perkhidmatan yang terbaik kepada penyelidik, sesuai dengan misi utama Jabatan. Berfungsi sebagai 'cermin' kepada Jabatan, seksyen ini bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan yang optimum melalui kelancaran proses pendaftaran penyelidik, memberi khidmat nasihat kepada pengguna arkib, menguruskan permintaan bahan arkib, dan menyediakan kemudahan penyalinan bahan-bahan arkib. Seksyen ini turut bertanggungjawab memastikan keselamatan bahan arkib yang sedang dirujuk oleh penyelidik terjamin.

Seksyen Pameran dan Arkib Pendidikan bertanggungjawab memasyarakatkan arkib kepada orang ramai. Justeru, melalui aktiviti-aktiviti pameran yang dijalankan, masyarakat khususnya generasi muda dan para pelajar digalakkan meneroka bahan-bahan yang tersimpan di Arkib Negara Malaysia sebagai bahan rujukan dalam penyelidikan mereka.

Seksyen ini juga menyediakan perkhidmatan pinjaman bahan-bahan pameran kepada Jabatan dan Institusi Kerajaan. Perkongsian ini membuka lebih banyak peluang dan ruang untuk menyebarkan maklumat sejarah dan mendekatkan arkib kepada masyarakat. Pelaksanaan Program Arkib Pendidikan di peringkat sekolah dan Institusi Pengajian Tinggi pula berjaya mendedahkan golongan pelajar kepada maklumat sahih daripada sumber primer yang terdapat di Arkib Negara Malaysia.

Seksyen Perhubungan Awam dan Promosi bertanggungjawab mempromosikan perkhidmatan dan kemudahan Arkib Negara Malaysia kepada orang ramai. Ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran, kefahaman dan sokongan rakyat terhadap peranan dan tanggungjawab Arkib Negara Malaysia terutamanya dalam menguruskan rekod awam dan pemeliharaan bahan-bahan serta Khazanah Warisan Sejarah Negara. Selain itu, seksyen ini juga bertanggungjawab mengurus dan mengendalikan lawatan orang awam ke Arkib Negara Malaysia, mengurus, mengendali aduan awam/pertanyaan dan kehendak pelanggan. Di samping memberi perkhidmatan sokongan untuk memastikan kelancaran aktiviti-aktiviti rasmi Arkib Negara Malaysia/ Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan, seksyen ini juga bertanggungjawab merancang serta melaksanakan pelan tindakan pengurusan acara berhubung publisiti, promosi dan kempen.

The facilities and research services provided by this department is entrusted to the Reference and Access Section.

The Reference and Access Section acts in accordance with policies and regulations that have been set by the National Archives of Malaysia in an effort to provide better services to researchers, conforming to the primary mission of the Department. Functioning as a 'mirror' to the Department, this section is responsible for providing optimum services through the smooth registration process for researchers, providing advisory services to archives users, manage the requests for archival materials, and provide copying facilities for archival materials. This section is also responsible for ensuring the safety of archival materials that are being referred by secured researchers.

The Exhibition and Educational Archives Section is responsible for communalising archives to the public. Hence, through the exhibition activities, the public in particular the young generations and students are encouraged to explore materials kept at the National Archives of Malaysia as reference materials in their researches.

This section also provides lending services for exhibition materials to Departments and government Institutions. The partnership opens up more opportunities and space for disseminating the historical information and bringing archives closer to the community. Implementation of Educational Archives Programmes at school level and Higher Educational Institutions have successfully exposed this group of students to authentic information from primary sources available at the National Archives of Malaysia.

The Public Relations and Promotion Section is responsible for promoting the services and facilities of the National Archives of Malaysia to the public. This aimed at improving awareness, understanding and public support for the role of the National Archives of Malaysia, especially in managing public records and preservation of materials and national historical heritage treasures. In addition, this section is also responsible for managing and organising public visits to the National Archives of Malaysia, managing, attending to public complaints, inquiries and customer needs. In addition to providing support services to ensure a smooth official activities of the National Archives of Malaysia and the Ministry of Information, Communication and Culture, this section is also responsible for planning and implementing event management action plans in relation to publicity, promotions and campaigns.

PENCAPAIAN AKTIVITI TAHUNAN

Penyimpanan dan Penggunaan Bahan Arkib

Sepanjang tahun 2011, Seksyen Perkhidmatan Repositori telah menguruskan penerimaan fail sebanyak 281.55 meter panjang dan 2,902 unit terbitan rasmi. Seksyen ini juga menerima 424 unit rekod kartografi dan seni bina, 2,499 rekod dalam bentuk mikrofilem, 5,231 unit bahan Arkib Persendirian serta 1,275 naskhah surat khabar dan majalah untuk simpanan kekal di Arkib Negara.

Seksyen ini juga bertanggungjawab bagi mengeluarkan bahan untuk rujukan penyelidik dan pinjaman jabatan. Sebanyak 54,091 bahan telah dikeluarkan untuk rujukan penyelidik dan 188 buah fail telah dikeluarkan untuk pinjaman jabatan. Bagi tujuan pemuliharaan pula sebanyak 69,172 bahan yang berada dalam simpanan telah dihantar ke Seksyen Pemeliharaan dan Reprografi.

Ringkasan Penerimaan Rekod 2011

Summary of Records Acceptance 2011

Deskripsi / <i>Description</i>	Meter/Panjang/Unit / <i>Metres/Length/Units</i>
REKOD-REKOD PERSEKUTUAN / <i>Federal Records</i>	219
REKOD-REKOD NEGERI / <i>States Records</i>	27.45
REKOD-REKOD BADAN BERKANUN / <i>Statutory Bodies Records</i>	35.10
TERBITAN RASMI / <i>Official Publication</i>	2,902
REKOD KARTOGRAFI DAN SENIBINA / <i>Cartography and Architectural Records</i>	424
MIKROFILEM / <i>Microfilms</i>	2,499
SURAT KHABAR DAN MAJALAH / <i>Newspaper and Magazines</i>	1,275
ARKIB PERSENDIRIAN / <i>Private Archives</i>	5,231

Kemudahan dan Perkhidmatan Penyelidikan

Sejumlah 3,948 pendaftaran penyelidik baru dicatatkan Arkib Negara di Ibu Pejabat bagi tahun 2011 dan sebanyak 8,592 kehadiran penyelidik di Dewan Penyelidikan telah direkodkan sepanjang tahun manakala jumlah bahan arkib yang dirujuk ialah sebanyak 53,697 unit.

Sepanjang tahun 2011, Seksyen Rujukan dan Akses telah bergiat aktif di dalam Projek Pengelasan Semula Rekod Terperingkat bagi Kumpulan Rekod Sebelum Tahun 1972. Hasilnya, sebanyak 1,594 unit rekod berjaya disemak dan dinilai. Walau bagaimanapun, hanya 1412 unit rekod yang dipersetujui untuk

ANNUAL ACTIVITIES ACHIEVEMENTS

Storage and Use of Archival Materials

During 2011, the Repository Services Section have been managing accession of files for a total of 281.55 metres length and 2,902 units of official publications. This section has also received 424 units of cartography and architectural records, 2,499 records in the form of microfilm, 5,231 units of Private Archives as well as 1,275 editions of newspaper and magazines for permanent storage at the National Archives.

This section is also responsible for issuing materials for researchers reference and loan to departments. A total of 54,091 materials have been issued for researchers reference and 188 files have been issued on loan to departments. For conservation purposes a total of 69,172 materials in storage have been sent to the Preservation and Reprography Section.

Facilities and Research Services

A total of 3,948 new researchers registration was recorded at the headquarters of the National Archives for the year 2011 and a total of 8,592 attendances by researchers at the Research Hall has been recorded throughout the year while the total number of archival materials being referred to was 53,697 units.

Throughout the year 2011, the Reference and Access Section has been actively involved in the Declassification of Classified Records Project for records groups before the year 1972. As a result, a total of 1,594 units of records were successfully reviewed. However,

dikelaskan semula dan dibuka kepada penyelidik. Antara kumpulan rekod yang diturun taraf adalah daripada kumpulan rekod Pejabat Penasihat British Negeri Pahang (1888-1955), Pejabat Penasihat British Kelantan (1917-1939), Pejabat Penasihat British Terengganu (1935-1936), Jabatan Perdana Menteri – Siri Rekod Pejabat Penasihat British Kelantan (1946-1949), Pejabat Setiausaha Negeri Sembilan – (1950-1956) dan Jabatan Pertanian Malaysia – Bahagian Perikanan (1946-1966). Banyak maklumat menarik ditemui antaranya berkaitan corak pentadbiran British selepas Perang Dunia ke-2 di Tanah Melayu seperti pemulihan taraf hidup penduduk, keselamatan, agihan makanan dan pelaksanaan undang-undang berkenaan pentadbiran awal British di Pahang, Kelantan dan Terengganu serta maklumat-maklumat lain termasuk peristiwa darurat di Negeri Sembilan, pembangunan negeri, penubuhan tentera laut, industri perlombongan emas, pembangunan masyarakat, keluarga Di-Raja, imigran dan orang asli.

Seksyen ini juga telah melaksanakan program bersama penyelidik dan memberi fokus kepada pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Pelajar diberi panduan dan penerangan mengenai peraturan, konsep dan kaedah penyelidikan di Arkib Negara. Program ini memberi tumpuan kepada pelajar IPT kerana mereka merupakan golongan yang berpotensi menjadi pengkaji/ pengguna bahan arkib dalam kajian mereka. Hasil kajian soal selidik mendapati rata-rata peserta program menunjukkan peningkatan pemahaman mengenai kaedah dan konsep penyelidikan di Arkib Negara.

Sepanjang tahun 2011 seksyen ini telah menerima sebanyak 235 orang pelawat daripada 19 buah jabatan/institusi sama ada dari dalam dan luar Negara.

Program Memasyarakatkan Bahan Arkib

Sepanjang tahun 2011 sebanyak 25 pameran telah dilaksanakan yang meliputi 9 pameran yang menggunakan bahan baru dan 16 pameran yang menggunakan poster sedia ada. Seksyen ini juga terlibat dengan urusan peminjaman poster pameran kepada 32 buah agensi luar dan arkib cawangan negeri yang berminat. Jumlah kehadiran pelawat ke pameran yang diadakan sepanjang tahun 2011 ialah 51,925 orang. Bagi Program Arkib Pendidikan pula, sebanyak 14 program telah dilangsungkan yang melibatkan sebanyak 11 buah sekolah, 2 buah Institut Perguruan dan sebuah institut pengajian tinggi di seluruh negara. Program ini diketengahkan kepada 10,639 orang pelawat.

only 1,412 units of records were approved to be declassified and open to researchers. Among the groups of records that were declassified were from the group of records of the British Advisory Office States of Pahang (1888-1955), Office of the British Advisory of Kelantan (1917-1939), Office of the British Advisory Terengganu (1935-1936), Prime Ministers Department – Office of the British Advisory of Kelantan Records Series (1946-1949), State Secretariat Office Negeri Sembilan – (1950-1956) and Department of Agriculture Malaysia – Fisheries Division (1946-1966). Many interesting information were found among others related to the patterns of British administration after World War-2 in Malaya such as the recovery of the standard of living, security, food distribution and implementation of the laws, in relation to the British early administration in Pahang, Kelantan and Terengganu as well as other information including events of emergency in Negeri Sembilan, state developments, the establishment of the navy, gold mining industries, community developments, Royal families, immigrants and the indigenous people.

This section has also implemented the programme with researchers and focusing on students from the Higher Education Institutions (IPT). Students were given guidance and explanation of regulations, procedures and research methods at the National Archives. This programme focused on the students of higher education institutions because they were the potential researchers/users of archival materials in their research. Survey results found that on average the programme's participants showed an increased understanding of research methods and concepts at the National Archives.

Throughout 2011 this section has received a total of 235 visitors from 19 departments and institutions either from within or outside the country.

Communalising Archive Materials Programme

During the year 2011 a total of 25 exhibitions have been implemented which included 9 exhibitions using new materials and 16 exhibitions using the available posters. This section was also involved in the lending of exhibitions posters to 32 outside agencies and interested state branches archives. The numbers of visitors to exhibitions held throughout the year 2011 was 51,925. For the Educational Archives Programme, a total of 14 programmes were held which involved a total of 11 schools, 2 Teachers' Institute and a institute of higher education throughout the nation. This programme was highlighted to 10,639 visitors.



1. Sultan Pahang, KDYMM Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah mendengar penerangan daripada Ketua Seksyen Pameran dan Arkib Pendidikan, ANM, Pn. Hajah Saemah Mokhtar mengenai pameran 'Berdatang Sembah' sempena Perasmian Bangunan Arkib Negara Malaysia Cawangan Pahang pada 23 Jun 2011.
The Sultan of Pahang, HRH Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah listening to explanation from the Head of Section Exhibition and Education Archives, ANM, Pn. Hajah Saemah Mokhtar about the displayed document at the exhibition 'Berdatang Sembah' in conjunction with the Opening of the Pahang Branch Building of the National Archives of Malaysia on June 23rd, 2011. Also present, the Minister of KPKK, YB Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim.
2. Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak tertarik dengan pameran Jihad Ekonomi Bumiputera sempena Konvensyen Memperkasa Model Baru Ekonomi yang diadakan dari 19 hingga 20 Ogos 2011 di Dewan Agong Tuanku Canselor, UiTM Shah Alam.
Prime Minister of Malaysia, YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak was fascinated by the exhibition 'Jihad Ekonomi Bumiputera' in conjunction with the Convention on Strengthening the New Model Economy which was held from August 19th to 20th, 2011 at the Dewan Agong Tuanku Canselor, UiTM Shah Alam.



1. Beberapa pelajar sekolah kususuk membaca poster mengenai Tunku Abdul Rahman di pameran Tunku Erti Seribu Wajah dan Koleksi Khas Tunku sempena Program Mengenang Tokoh Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj yang diadakan dari 8 hingga 11 Februari 2011 di Sekolah Sultan Alam Shah, Presint 1, Putrajaya.
Several school students reading the posters about Tunku Abdul Rahman at the exhibition 'Tunku Erti Seribu Wajah' and 'Koleksi Khas Tunku' in conjunction with Remembering the Statesmen Programme Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj which was held from February 8th to 11th, 2011 at the Sultan Alam Shah School, Precint 1, Putrajaya.
2. Orang ramai melawat pameran Arkib Negara Malaysia sempena Program Kembara Memorial 1 Malaysia di Memorial Pengisytiharaan Kemerdekaan, Melaka yang diadakan dari 7 Disember hingga 8 Disember 2011
Visitors to the exhibition of the National Archives of Malaysia in conjunction with the 1Malaysia Memorial Expedition at the Declaration of Independence Memorial, Malacca which was held on December 7th and 8th, 2011.



1. Pameran Tun Dr. Mahathir :
Bapa Permodenan sempena
Majlis Makan Malam Meraikan
Ulang Tahun Kelahiran ke
-86 YABhg. Tun Dr. Mahathir
Mohamad di Dewan Merdeka
PWTC, Kuala Lumpur pada 20
Disember 2011

*Exhibition on Tun Dr. Mahathir
: 'Bapa Permodenan' in
conjunction with Anniversary
Dinner celebrating YABhg.
Tun Dr Mahathir Mohamad
86th Birthday at the Merdeka
Hall PWTC, Kuala Lumpur on
December 20th, 2011.*



2. Pameran Dari Rakyat Kepada
Rakyat Sempena Pertandingan
Hari Inovasi 2011 Peringkat
KPKK dari 22 hingga 24
November 2011 di Muzium
Negara.

*Exhibition on 'From the People
to the People' in conjunction with
Ministry's level (KPKK) Innovation
Day Competition 2011 from
November 22nd to 24th, 2011
at the National Museum.*

Perhubungan Awam dan Promosi

Sepanjang tahun 2011, Seksyen Perhubungan Awam dan Promosi telah menguruskan sebanyak 1 aduan awam dan 248 pertanyaan/maklumbalas yang diterima. Seksyen ini juga telah menerima dan menguruskan sebanyak 63 lawatan yang melibatkan seramai 2,381 orang pelawat. Sebanyak 27 lawatan adalah daripada agensi kerajaan dan swasta, 24 lawatan daripada Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta, 5 lawatan daripada sekolah menengah dan rendah serta 1 lawatan daripada badan bukan kerajaan.

Public Relations and Promotions

During the year 2011, the Public Relations and Promotions Section has managed one public complaint and 248 inquiries/ feedback received. This section has also received and managed 63 visits involving 2,381 visitors. A total of 27 visits were from government and private agencies, 24 visits from the Public and Private Institutes of Higher Education, 5 visits from the primary and secondary schools as well as one visit from non-governmental organization.

BAHAGIAN PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN DOKUMENTASI

RESEARCH AND
DOCUMENTATION
MANAGEMENT DIVISION



BAHAGIAN PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN DOKUMENTASI

RESEARCH AND DOCUMENTATION MANAGEMENT DIVISION

PROFIL

Bahagian Pengurusan Penyelidikan dan Dokumentasi (BPPD) memainkan peranan penting dalam merealisasikan visi Arkib Negara untuk menjadi Pusat Arkib dan Penyelidikan Negara yang unggul dengan memastikan rekod dan maklumat berkaitan persempadanan hak kedaulatan, isu semasa dan pengesahan fakta sejarah negara tersedia untuk dimaju dan dirujuk oleh pihak berkaitan. Di samping itu, BPPD bertanggungjawab dalam merancang dan menguruskan program penerbitan dan percetakan jabatan, mengendalikan edaran dan jualan terbitan serta menjalankan penyelidikan mengenai peristiwa-peristiwa bersejarah, tempat-tempat bersejarah dan tokoh-tokoh sejarah di samping mengumpulkan maklumat dan bahan-bahan yang berkaitan mengenainya untuk disebarkan kepada orang ramai.

Fungsi dan aktiviti tersebut dilaksanakan melalui tiga seksyen iaitu Seksyen Penyelidikan Khas Negara, Seksyen Dokumentasi dan Seksyen Penerbitan dan Percetakan.

Seksyen Penyelidikan Khas Negara bertanggungjawab menjalankan kerja-kerja penyelidikan khas dan pengesahan fakta yang membabitkan hal-hal persempadanan, hak dan kedaulatan serta isu-isu semasa negara. Terdapat beberapa isu persempadanan yang memerlukan perhatian dan usaha yang lebih awal untuk mendapatkan bahan-bahan bukti selain penyelidikan dan kajian yang lebih mendalam. Usaha-usaha pengesanan ini dilakukan di dalam dan di luar negara di samping menghadiri bengkel yang berkaitan bagi melengkap dan memantapkan lagi pengetahuan dan kemahiran pegawai-pegawai dalam menjalankan kajian dan penyelidikan.

Seksyen Dokumentasi bertanggungjawab dalam melaksanakan program dan aktiviti pendokumentasian dan penyebaran maklumat sejarah negara kepada umum. Program dan aktiviti pendokumentasian yang dijalankan oleh seksyen ini bertujuan untuk menambah sumber rujukan serta mengisi jurang-jurang maklumat dalam rentetan sejarah tanah air yang tidak terdapat di dalam sumber-sumber rasmi atau sumber sedia

PROFILE

The Research and Documentation Division (BPPD) plays an important role in realizing the vision of the National Archives to be the premier National Archives and Research Centre by ensuring that records and information pertaining to boundaries sovereignty rights, current issues and verification of national historical facts are ever ready for submission and referred to by the relevant parties. In addition, BPPD is responsible in planning and managing publication and printing programmes for the Department, handles distribution and sales of publications and conduct research on historical events, historical places and prominent historical figures as well as gather information and materials related to them to be disseminated to the public.

The functions and activities mentioned were implemented through three sections namely the National Special Research Section, Documentation Section and Publication and Printing Section.

The National Special Research Section is responsible for carrying out specific research work and verification of facts involving matters related to boundaries, rights and sovereignty as well as current issues of the nation. There were some boundaries issues that required early attention and effort to obtain evidence materials apart from more in-depth researches and studies. This tracking efforts were done at home and outside the country besides attending relevant workshops in an effort to complement and enhanced the knowledge and skills of officers in conducting studies and researches.

The Documentation Section is responsible for implementing programmes and activities, documentation and dissemination of historical information of the nation to the public. Programmes and Documentation activities undertaken by this section is intended to add reference sources and fill information gaps in the sequence of the history of the nation not available in any other official sources or existing resources in the National Archives. In addition, through the activities and programmes, this section can also diversify the sources of the historical reference facts of the

ada dalam simpanan Arkib Negara. Selain daripada itu melalui aktiviti dan program, Seksyen ini juga dapat mempelbagaikan lagi sumber rujukan fakta sejarah negara. Pendokumentasian maklumat yang dijalankan oleh seksyen ini dilaksanakan menerusi sesi Pengkisahan Sejarah/Bicara Sejarah dan Sejarah Lisan iaitu aktiviti asas kepada Seksyen Dokumentasi. Sementara penyebaran maklumat mengenai bahan arkib dan sejarah negara pula disebarkan kepada umum melalui aktiviti Wacana Warisan, penulisan mengenai bahan arkib di akhbar, majalah, TV, radio dan melalui portal Arkib Negara. Seksyen Dokumentasi juga bertanggungjawab dalam menghasilkan dan menguruskan program Hari Ini Dalam Sejarah untuk siaran di stesen TV dan Radio RTM dan secara atas talian di portal Arkib Negara.

Seksyen Penerbitan dan Percetakan bertanggungjawab merancang dan menguruskan program penerbitan dan percetakan Jabatan serta mengendalikan edaran dan jualan terbitan. Seksyen Penerbitan dan Percetakan terdiri daripada Unit Penerbitan dan Percetakan serta Unit Edaran, Jualan dan Khidmat Sokongan.

PENCAPAIAN AKTIVITI TAHUNAN

Penyelidikan Khas

Bagi tahun 2011, Seksyen Penyelidikan Khas Negara telah membuat kajian dan penyelidikan berkaitan isu-isu persepadaanan, hak dan kedaulatan negara di tiga buah negara iaitu di United Kingdom, Australia dan India. Penyelidikan dalam negeri ditumpu di Sabah dan Johor selain menyambung projek penyalinan digital rekod di Jabatan Muzium Negeri Sarawak.

Kajian juga dibuat mengenai beberapa isu semasa dan peristiwa bersejarah negara seperti Keganasan Komunis dan Mat Indera. Sebahagian artikel pendek ini dimuatkan dalam segmen Imbasan Fakta, portal jabatan dengan memapar dan mengetengahkan bahan-bahan arkib berkaitan untuk menarik minat orang ramai berkunjung ke Arkib Negara dan menggunakan sumber bahan primer ini dalam kajian mereka.

Seksyen ini juga turut menghasilkan dua buah buku kecil iaitu 'Tun Razak : Dalam Ingatan' dan 'Mat Kilau : Pahlawan Pahang'. Selain itu, Seksyen ini juga bertanggungjawab membantu dalam penerbitan buku mengenai Tambak Johor bertajuk *The Causeway* sebuah penerbitan usahasama antara Arkib Negara Malaysia dan *National Archives of Singapore*. Buku yang memuatkan sebahagian besar gambar daripada koleksi Arkib Negara Malaysia ini dilancarkan pada 19 November 2011

nation. Documentation of information carried out by this section was implemented through the Historical Narration/ Historical Discourse and the Oral History which are the fundamental activities of the Documentation Section. While the dissemination of information about archival materials and history of the nation are disseminated to the public through Heritage Discourse, writing about archival materials in newspaper, magazines, TV, radio and through the portal of the National Archives. The Documentation Section is also responsible for producing and managing Today in History Programme for broadcast on TV and Radio stations of RTM and the on-line portal of the National Archives.

The Publications and Printing Section is responsible for planning and managing departmental publications and printing programmes as well as handling the distribution and sales of the publications. The Publications and Printing Section is made up of Publications and Printing Unit and the Distribution Unit, Sales and Support Services.

ANNUAL ACTIVITIES ACHIEVEMENTS

Special Research

For the year 2011, the National Special Research Section has done studies and researches related to boundary issues, rights and sovereignty of the nation on three nations namely the United Kingdom, Australia and India. Internal research was focused in Sabah and Johore besides continuing the digital copying of records project at the Sarawak State Museum.

Studies have also been done on a few current issues and national historical events such as 'Communists Ferocities' and 'Mat Indera'. A number of these short articles were uploaded in Scanning Facts segment, portal of the department to showcase and highlighting related archival materials to attract the public interest to visit the National Archives and utilising this primary resource materials in their researches.

This section also has produced two booklets namely 'Tun Razak: In Memory' and 'Mat Kilau : Pahang Warrior'. In addition, this section is also responsible assisting in the publications of books pertaining to the Johore causeway titled 'The Causeway' a joint publication between the National Archives of Malaysia and the National Archives of Singapore. This book contains most of the photographs from the collection of the National Archives of Malaysia was launched on November 19th, 2011 by the Minister



Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia, YB Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim dan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kesenian Singapura, Dr. Yaacob Ibrahim menunjukkan buku 'The Causeway' sempena pelancaran buku tersebut di Angkasapuri, Kuala Lumpur pada 19 November 2011. Turut sama isteri YB Dato' Seri Utama, Datin Seri Utama Masnah Rais (dua dari kanan) dan Ketua Setiausaha KPKK, YBhg. Dato' Sri Kamaruddin Siaraf.

Minister of Information, Communication and Culture Malaysia, YB Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim and Minister for Information, Communication and Culture Singapore, Dr. Yaacob Ibrahim showing 'The Causeway' in conjunction with the book's launching at Angkasapuri, Kuala Lumpur on November 19th, 2011. Also in the photograph, wife of YB Dato' Seri Utama, Datin Seri Utama Masnah Rais (second from right) and Secretary General KPKK, YBhg. Dato' Sri Kamaruddin Siaraf.

oleh YB Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim di Angkasapuri, Kuala Lumpur. Di samping itu, Seksyen ini turut terlibat dalam penerbitan buku 'Melayu Muslim Dalam Sejarah GeorgeTown'.

Pada tahun ini juga, Seksyen ini telah mengadakan dua sesi Majlis Polemik Sejarah Malaysia yang mendapat sambutan yang menggalakkan baik dari para ilmunan, penuntut institusi pengajian tinggi dan ahli-ahli Persatuan Sejarah Malaysia serta juga ahli-ahli Lembaga Penasihat. Kedua-dua sesi majlis ini bertemakan 'Petempatan dan Kerajaan Awal Malaysia Sebelum 1400M'. Sesi yang diadakan pada 19 April 2011 bertumpu kepada beberapa petempatan dan kerajaan awal yang wujud di Semenanjung Tanah Melayu dengan tiga kertas kerja dibentangkan oleh Dr. Mohd. Mokhtar Saidin (USM), Prof. Emeritus Dato' Dr. Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman (UKM) dan Dr. Mohd. Supian Sabtu (UM).

Manakala sesi yang diadakan pada 10 November 2011 bertumpu kepada petempatan dan kerajaan awal yang wujud di Sabah dan Sarawak dengan tiga kertas kerja dibentangkan oleh Prof. Dr. Stephen Chia Ming Soon (USM), Prof. Madya Datu Sanib Said (UNIMAS) dan Prof. Dr. Bilcher Bala (UMS).

of Information, Communication and Culture, YB Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim in Angkasapuri, Kuala Lumpur. In addition, this section is also involved in publishing the book 'Malay Muslim in the History of Georgetown'.

In 2011, this Section also has held two Polemic sessions on Malaysian History which were well received by scholars, students of the higher education institutes and members of the Historical Society of Malaysia as well as the members of the Advisory Board. Both sessions were themed 'Settlements and Early Government of Malaysia Before AD 1400'. The sessions were held on April 19th, 2011 focused on a number of settlements and early government that existed in the Malay Peninsular with three papers presented by Dr. Mohd. Mokhtar Saidin (USM), Prof. Emeritus Dato' Dr. Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman (UKM) dan Dr. Mohd. Supian Sabtu (UM).

Meanwhile, the session held on November 10th, 2011 was focused on the settlement and early government that existed in Sabah and Sarawak, with three papers presented by Prof. Dr. Stephen Chia Ming Soon (USM), Prof. Madya Datu Sanib Said (UNIMAS) and Prof. Dr. Bilcher Bala (UMS).

Penguatan Sejarah

Pada tahun 2011, Seksyen Dokumentasi telah mengadakan 3 aktiviti pendokumentasian melalui program Bicara Tokoh dan Pengkisahan Sejarah iaitu Bicara Tokoh Tun Abdul Razak dengan tema “Tun Dalam Ingatan” di Universiti Teknologi Mara (UiTM), Kampus Jengka, Pahang pada 8 Julai 2011. Tokoh yang terlibat ialah YBhg. Tan Sri Arshad Ayob dan YBhg. Tan Sri Zainuddin Maidin dengan dipengerusikan oleh YBhg. Dato Yaakub Isa. Program kedua ialah Bicara Bahasa dengan tema “Kurik Kundi Merah Saga” sempena Bulan Bahasa Kebangsaan diadakan pada 20 Oktober 2011 di Arkib Negara bersama tokoh-tokoh Prof. Madya Dato’ Paduka Rosli Saluddin dari Universiti Pendidikan Sultan Idris dan Encik Roslan Madun seorang penggiat seni dan budaya. Majlis dikendalikan oleh Prof. Madya Dr. Abu Hassan Hasbullah dari Universiti Malaya sebagai moderator. Pada 1 November 2011, bertempat di Arkib Negara pula Majlis Pengkisahan Sejarah Perfileman telah diadakan dengan tokoh-tokoh YBhg. Datuk Yusof Haslam, Encik Ahmad Ibrahim (Matt London) dan Encik Muhammad Hashim dengan pengerusinya Encik Ku Seman Ku Hussein dari Utusan Malaysia.

Reinforcement of History

In the year 2011, the Documentation Section have conducted 3 documentation activities through the programme of Discourse on Prominent Figure and Historical Narration namely Discourse on Statesman Tun Abdul Razak with a theme “Tun Dalam Ingatan” at the Universiti Teknologi Mara (UiTM), Kampus Jengka, Pahang on July 8th, 2011. The Prominent person involved were YBhg. Tan Sri Arshad Ayob and YBhg. Tan Sri Zainuddin Maidin and was chaired by YBhg. Dato Yaakub Isa. The second programme was Talking Language with the theme “Kurik Kundi Merah Saga” in conjunction with National Language Month held on October 20th, 2011 at the National Archives together with personalities namely Prof. Madya Dato’ Paduka Rosli Saluddin from Universiti Pendidikan Sultan Idris and Mr. Roslan Madun an avid arts and culture player. The ceremony was conducted by Associated Prof. Dr. Abu Hassan Hasbullah from Universiti Malaya was the moderator. On November 1st, 2011, Film Historical Narration Ceremony was held at the National Archives Malaysia with personalities such as YBhg. Datuk Yusof Haslam, Mr. Ahmad Ibrahim (Matt London) and Mr. Muhammad Hashim and was chaired by Mr. Ku Seman Ku Hussein from Utusan Malaysia.



Barisan Tokoh Pengkisah dan Pengerusi Majlis Pengkisahan Sejarah Perfileman Malaysia sempena Sambutan Hari Warisan Audiovisual Sedunia 2011 di Arkib Negara Malaysia pada 1 November 2011. Dari kiri, Encik Muhammad Hashim, Encik Ahmad Ibrahim (Matt London), YBhg. Datuk Yusof Haslam dan Encik Ku Seman Ku Hussein (pengerusi).

The row of Eminent Narrators and Chairman of the Malaysian Film History Narration Ceremony in conjunction with World Audiovisual Heritage 2011 Celebration at the National Archives of Malaysia on November 1st, 2011. From left, Encik Muhammad Hashim, Encik Ahmad Ibrahim (Matt London), YBhg. Datuk Yusof Haslam and Encik Ku Seman Ku Hussein (Chairman).

Bagi projek Sejarah Lisan sebanyak 26 jam rakaman Sejarah Lisan telah dijalankan melibatkan 11 tokoh iaitu DCP (B) Dato' Mohd Anuar Mohd Zain (bekas anggota 69 Komando), SAC Dato' Muhammad Fuad Abu Zarim (bekas anggota 69 Komando), DCP Datuk Wira Muhammad Sabtu Othman (bekas anggota 69 Komando), ACP Junaid Zakaria (bekas anggota 69 Komando) dan Laksamana (B) Tan Sri Dato' Seri Ahmad Ramli Mohd Nor (bekas Laksamana TLDM). Antara lain ialah Laksamana (B) Tan Sri Abdul Wahab bin Haji Nawī (bekas Laksamana TLDM), Datuk Dr Soh Chai Hock (bekas KP Jabatan Bomba), Tuan Haji Mohamad Yusop Hamzah (bekas TKP Jabatan Bomba), Encik M. Chelliah (bekas Pegawai Kanan Jabatan Bomba), Tan Sri Sanusi Junid (bekas Menteri Kabinet) dan Dato' Haji Abdul Malik Jangkat (Tokoh Politik Sabah).

Sebanyak tiga jilid buku berjudul "Warisan Darah Perwira: Sang Saka Biru" telah berjaya disiapkan sepenuhnya. Buku ini mengandungi 40 transkrip rakaman wawancara Sejarah Lisan di bawah Projek Sejarah Lisan 69 Komando yang dijalankan secara kerjasama dengan Institut Integriti Malaysia (IIM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) sejak 2008-2011. Buku ini telah dilancarkan dengan rasminya oleh YB Menteri Dalam Negeri, Dato' Hishamuddin Husein pada 25 Mac 2011 sempena Hari Polis di Pusat Latihan Polis (PULAPOL), Jalan Semarak, Kuala Lumpur.

Program di media massa tempatan yang melibatkan penulisan artikel mengenai bahan-bahan arkib telah disiarkan di Utusan Melayu sebanyak 7 artikel, Majalah Dewan Pelajar sebanyak

For the Oral History Programme a total of 26 hours of Oral History recordings was conducted involving 11 personalities namely DCP (B) Dato' Mohd Anuar Mohd Zain (former member 69 Commando), SAC Dato' Muhammad Fuad Abu Zarim (former member 69 Commando), DCP Datuk Wira Muhammad Sabtu Othman (former member 69 Commando), ACP Junaid Zakaria (former member 69 Commando) and Admiral (Rtd) Tan Sri Dato' Seri Ahmad Ramli Mohd Nor (former RMN Admiral). Others were Admiral (Rtd) Tan Sri Abdul Wahab bin Haji Nawī (former RMN Admiral), Datuk Dr Soh Chai Hock (former DG Fire and Rescue Department), Tuan Haji Mohamad Yusop Hamzah (former Deputy DG Fire and Rescue Department), Mr. M. Chelliah (former senior officer Fire and Rescue Department), Tan Sri Sanusi Junid (former cabinet minister) and Dato' Haji Abdul Malik Jangkat (Sabah Political Personality).

A total of three volumes of book titled "Warisan Darah Perwira: Sang Saka Biru" have been successfully completed. This book contains 40 transcripts on recording of Oral History interview under the Oral History Project of 69 Commando carried out in collaboration with the Malaysian Institute of Integrity (IIM) and the Royal Malaysia Police (RMP) since 2008-2011. The book was officially launched by the Minister of Home Affairs, YB Dato' Hishamuddin Husein on March 25th, 2011 in conjunction with Police Day at the Police Training Centre (PULAPOL) Jalan Semarak, Kuala Lumpur. The programmes in local media that involved writing articles on archival materials have been published in Utusan Melayu a total of 7 articles, 12 articles in 'Dewan Pelajar' magazine and 12 articles in 'Dewan Siswa' magazine. Meanwhile the writing on the Web Portals involved a variety of topics in the following areas



Wawancara Sejarah Lisan bersama YBhg. Datuk Dr. Soh Chai Hock, bekas Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat (kanan) oleh Pegawai Arkib, En. Farizal Bidin (tengah) bertempat di Pusat Pendokumentasian dan Pemeliharaan Audiovisual, Arkib Negara Malaysia pada 15 September 2011. Turut sama Penolong Ketua Pengarah Bahagian Latihan Jabatan Bomba & Penyelamat, Tuan Haji Zurkarnain Mohd Kassim. *Oral History Interview with YBhg. Datuk Dr. Soh Chai Hock, former Director General of Fire and Rescue Department (right) by archivist, En. Farizal Bidin (centre) which was held at the Documentation and Audiovisual Preservation Centre, National Archives of Malaysia on September 15th, 2011. Also present was Assistant Director General Training Division, the Fire and Rescue Department, Tuan Haji Zurkarnain Mohd Kassim.*

12 artikel dan Majalah Dewan Siswa sebanyak 12 artikel. Sementara penulisan di Web Portal pula melibatkan pelbagai tajuk di ruangan-ruangan berikut "Kenali Tokoh" (32 artikel), "Permata Pusaka" (12 artikel), "Jendela Sejarah" (7 artikel) dan "Tahukah Anda" (120 tajuk). Seksyen Dokumentasi juga terlibat dengan penulisan skrip untuk program sempena Bulan Kemerdekaan di Stesen Radio Klasik Nasional RTM. Sebanyak 63 skrip untuk siaran bertajuk "Sambutan Kemerdekaan 1958-2010" dan sebanyak 10 skrip untuk siaran bertajuk "Mengenang Tokoh". Seksyen Dokumentasi turut menyediakan sebanyak 53 skrip program sempena dengan Sambutan 'Bulan Kemerdekaan' dan sebanyak 10 skrip dalam segmen 'Mengenang Tokoh' dalam Program Sempena Bulan Kemerdekaan yang disiarkan di Radio Klasik Nasional RTM.

Bagi program pendokumentasian 2011, Seksyen Dokumentasi telah membuat sebanyak 6 kali rakaman dan menghasilkan 977 keping gambar dan rakaman video selama 2 jam 30 minit bagi projek pembinaan Istana Negara yang baru di Jalan Duta.

Sebanyak 365 skrip Hari Ini Dalam Sejarah (HIDS) telah di siarkan di TV1 dan TV2, RTM. Program HIDS turut juga di siarkan di 32 buah stesen radio termasuk di Klasik Nasional, Traxx FM, Minnal FM, Ai FM, Asyik FM dan di bahagian siaran luar negara iaitu 'Suara Malaysia'. Program ini juga turut dimuatkan secara online di Portal Arkib Negara Malaysia.

Terbitan Jabatan

Sepanjang tahun 2011, Arkib Negara Malaysia telah berjaya menerbitkan 11 buah buku dan buletin iaitu:

1. Puspawangsa Berita Arkib Negara Malaysia Bil.4/2010
2. Puspawangsa Berita Arkib Negara Malaysia Bil.1/2011
3. Puspawangsa Berita Arkib Negara Malaysia Bil.2/2011
4. Puspawangsa Berita Arkib Negara Malaysia Bil.3/2011
5. *The Causeway*
6. Tun Razak Dalam Ingatan
7. Panduan Sumber-Sumber Sejarah Negeri Pahang
8. *Prince Among Men: Recollections and Reflections on Tunku Abdul Rahman Putra*
9. Laporan Tahunan 2010
10. Jurnal Biografi Malaysia Bil.4/2011
11. Umpama Sebuah Bahtera Kajian Naskhah Melayu Sejarah Kesultanan Negeri Perak
12. Mat Kilau: Pahlawan Pahang

Seksyen Penerbitan dan Percetakan telah mengedarkan sejumlah 63,224 naskhah/unit bahan terbitan Jabatan ke sekolah-sekolah, pusat pengajian tinggi, agensi kerajaan, perpustakaan negeri, individu dan sebagainya. Sebanyak 867 bilangan buku telah berjaya dijual dengan kutipan sebanyak RM 21,908.55 melalui jualan yang diadakan di pejabat, Pesta Buku Antarabangsa, program-program Arkib Negara dan jabatan/agensi luar.

on "Know the Personages" (32 articles), "Precious Heritage" (12 articles), "Window to History" (7 articles) and "Did You Know" (120 titles). The Documentation Section also involved with script writing for programmes in conjunction with Independence Month at the Klasik Nasional radio station RTM. A total of 63 scripts for broadcasting titled "Independence Celebrations 1958-2010" and a total of 10 scripts for broadcasting titled "Reminiscence of Statesman". The Documentation Section also provided a total of 53 scripts in conjunction with 'Independence Month' and a total of 10 scripts in the segment 'Reminiscence of Statesman' in the programme in conjunction with the Independence Month broadcasted over Klasik Nasional RTM radio.

For the 2011 documentation programme, the Documentation Section completed a total of 6 recordings and produced 977 photographs and video recordings for 2 hours and 30 minutes for the construction project for the new National Palace at Jalan Duta.

A total of 365 scripts Today In History (HIDS) were broadcasted by TV1 and TV2, RTM. Today in History Programme were also broadcasted by 32 radio stations including Klasik Nasional, Traxx FM, Minnal FM and Ai FM, Asyik FM and by the overseas broadcasting division namely 'Voice of Malaysia'. This programme was also posted online at the National Archives of Malaysia Portal.

Departmental Publications

Throughout 2011, the National Archives of Malaysia has successfully published 11 books and bulletins:


1. Puspawangsa, National Archives of Malaysia News No.4/2010
2. Puspawangsa, National Archives of Malaysia News No.1/2011
3. Puspawangsa, National Archives of Malaysia News No.2/2011
4. Puspawangsa, National Archives of Malaysia News No.3/2011
5. *The Causeway*
6. *Tun Razak In Memory*
7. *Guide on Sources for Historical Materials of Pahang*
8. *Prince Among Men: Recollection and Reflections on Tunku Abdul Rahman Putra*
9. *Annual Report 2010*
10. *Journal of Biography Malaysia No.4/2011*
11. 'Umpama Sebuah Bahtera' Research on Malay Literature Historical Sultanate of the State of Perak
12. *Mat Kilau: Hero of Pahang*

The Publication and Printing Section has distributed a total of 63,224 copies/units of publication material of the Department to schools, higher education centres, government agencies, state libraries, individuals and others. A total of 867 books has been sold with a collection totalling RM 21,908.55 through the sale at offices, International Book Fare, National Archives programmes and department/external agencies.



BAHAGIAN ARKIB NEGARAWAN

STATESMEN
ARCHIVES DIVISION



BAHAGIAN ARKIB NEGARAWAN

STATESMEN ARCHIVES DIVISION

PROFIL

Bahagian Arkib Negarawan bertanggungjawab bagi memastikan peranan dan sumbangan tokoh negarawan dihargai serta mendapat pengiktirafan Negara. Selain itu, bahagian ini turut berperanan dalam memastikan koleksi dan bahan khazanah warisan tokoh negarawan kekal terpelihara sebagai bahan bukti kepimpinan dan pencapaian tokoh Negara. Di samping itu, bahagian ini juga turut memainkan peranan dalam menjadikan Arkib Negarawan sebagai pusat pembelajaran dan penyelidikan sejarah Negara.

Bahagian Arkib Negarawan terdiri daripada dua seksyen iaitu Seksyen Perancangan dan Pemuliharaan serta Seksyen Pengurusan Arkib Negarawan. Seksyen Perancangan dan Pemuliharaan bertanggungjawab untuk mengesan, memperoleh dan memelihara koleksi bahan Arkib Negarawan bagi memastikan ianya sentiasa berada dalam keadaan baik dan boleh diakses apabila diperlukan oleh penyelidik. Seksyen ini juga berperanan untuk menyediakan kemudahan rujukan dan penyelidikan yang cekap dan sistematik. Seksyen ini mempunyai lima unit bagi melaksanakan fungsi dan aktiviti yang dirancang iaitu Unit Perolehan, Unit Pemuliharaan/Pemeliharaan, Unit Pendokumentasian, Unit Panducari dan Khidmat Rujukan serta Unit Kajian dan Penulisan.

Seksyen Pengurusan Arkib Negarawan pula bertanggungjawab merancang, mengurus, melaksana dan memantau aktiviti-aktiviti pengembangan dan promosi bagi memasyarakatkan Arkib Negarawan yang ditempatkan di seluruh Negara. Objektif Seksyen Pengurusan Arkib Negarawan ialah memperkemas dan memperagakan maklumat-maklumat mengenai sejarah ketokohan negarawan dan menjadikan Arkib Negarawan sebagai pusat sumber dan pembelajaran yang berdaya saing. Ia bagi memastikan Arkib Negarawan bukan sahaja memainkan peranan sebagai tempat pameran koleksi milik tokoh negarawan tetapi juga sebagai pusat perolehan dan pemeliharaan bahan serta pusat sumber. Terdapat lapan buah Memorial, Galeria dan Pustaka yang dikendalikan oleh seksyen ini iaitu Memorial Tunku Abdul Rahman Putra, Memorial Tun Abdul Razak, Memorial Tun Hussein Onn, Galeria Sri Perdana, Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan, Memorial Tun Ghaffar Baba, Pustaka Perkhidmatan Awam dan Pustaka Peringatan P. Ramlee.

PROFILE

The Statesmen Archives Division is responsible in ensuring the roles and contributions of the statesmen were valued as well as getting the recognition of the Nation. In addition, this division plays a role in ensuring the collection and heritage treasures material of the statesmen permanently preserved as material evidence on the leadership and achievements of the Statesmen. Meanwhile, this division also plays a role in making the Statesmen Archives as a learning and historical research centre for the Nation.

The Statesmen Archives Division comprises of two sections namely the Planning and Conservation Section and the Statesmen Archives Management Section. The Planning and Conservation Section is responsible for tracking, acquiring and preserving the collection of materials of the Statesmen Archives to ensure that these are always in good condition and can be accessed when required by the researchers. This section also has a role in providing reference and research facilities which are efficient and systematic. This section has five units for implementing the planned functions and activities namely the Acquisition Unit, the Conservation/Preservation Unit, the Documentation Unit, the Finding-Aids Unit and References Service Unit as well as the Research and Writing Unit.

The Statesmen Archives Management Section is responsible for planning, managing, implementing and monitoring expansion and promotion activities in order to communalise the Statesmen Archives found throughout the Nation. The objectives of the Statesmen Archives Management Section are to streamline and showcase information related to the history of the statesmanships of eminent person and making the Statesmen Archives as a competitive centre for resources and learning. This is to ensure that the Statesmen Archives not only playing the role as a showcase centre for collection belonging to the statesmen but also as a centre for acquisition and preservation of materials and resource centre. There are eight Memorials, Galleries and Libraries handled by this section namely Tunku Abdul Rahman Putra Memorial, Tun Abdul Razak Memorial, Tun Hussein Onn Memorial, Sri Perdana Gallery, Declaration of Independence Memorial, Tun Ghaffar Baba Memorial, Civil Service Library and P. Ramlee Memorial Library.

Mesyuarat Kabinet pada 23 Februari 2011 telah meluluskan penubuhan Memorial Negarawan yang menempatkan koleksi memorabilia milik Tun Dr. Ismail, Tun Tan Cheng Lock, Tun V.T. Sambanthan, Tun Jugah, Tun Datu Mustapha dan Tun Fuad Stephens di Kuala Lumpur. Bahagian Arkib Negarawan menjangkakan memorial ini akan dibuka kepada orang ramai seawal tahun 2014.

PENCAPAIAN AKTIVITI-AKTIVITI TAHUNAN

Arkib Negarawan sebagai Tempat Kunjungan Orang Ramai

Bahagian Arkib Negarawan adalah bertanggungjawab bagi memastikan bahan mengenai tokoh negarawan dan koleksinya kekal terpelihara dengan baik dan dipamerkan di memorial, galeria dan pustaka yang berkaitan untuk tatapan pengunjung yang datang melawat. Pada tahun 2011, seramai 781,914 orang pelawat yang terdiri daripada pelawat dalam dan luar negara telah mengunjungi memorial, galeria dan pustaka yang terletak di bawah pengurusan Bahagian Arkib Negarawan.

Arkib Negarawan sebagai Pusat Sumber Penyelidikan

Bahagian Arkib Negarawan juga menyediakan kemudahan penyelidikan untuk para penyelidik yang membuat penyelidikan khusus mengenai tokoh-tokoh negara iaitu di Perpustakaan Memorial Tunku Abdul Rahman Putra, Memorial Tun Abdul Razak dan Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan. Kebanyakan penyelidik terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah, Institusi Pengajian Tinggi Awam/Swasta, pegawai kerajaan, NGO dan orang persendirian. Sepanjang Tahun 2011 seramai 297 orang penyelidik telah mengunjungi pusat sumber Arkib Negarawan dan sebanyak 2,768 bahan telah dirujuk oleh penyelidik untuk menjalankan penyelidikan.

Perolehan Bahan Arkib dan Artifak

Pada tahun 2011, Bahagian Arkib Negarawan telah berjaya memperoleh sebanyak 10,107 bahan arkib dan 1,480 artifak. Antara bahan arkib/artifak yang diperolehi adalah daripada simpanan/sumbangan saudara-mara dan kenalan Tun Jugah, Tunku Abdul Rahman Putra, Tun V.T. Sambanthan dan Tun Abdullah Ahmad Badawi.

The Cabinet meeting on February 23rd, 2011 has approved the establishment of Statesman Memorial which displayed the collections of memorabilia belonging to the late Tun Dr. Ismail, Tun Tan Cheng Lock, Tun V.T. Sambanthan, Tun Jugah, Tun Datu Mustapha and Tun Fuad Stephens in Kuala Lumpur. The Statesman Archives Division expects this memorial to be opened to the public by early 2014.

ANNUAL ACTIVITIES ACHIEVEMENTS

Statesmen Archives as the place for Public Visits

The Statesmen Archives Division is responsible for ensuring that materials and collections related to the statesmen figures remains well maintained and displayed at the memorials, galleries and libraries which are related for viewing by visitors who come to visit. In the year 2011, a total of 781,914 visitors made up of local and foreign visitors have visited the memorials, galleries and libraries which are under the management of the Statesmen Archives Division.

Statesmen Archives as Research Resource Centre

The Statesmen Archives Division also provides research facilities for researchers pursuing specific research related to the nation's leading figures in the libraries of Tunku Abdul Rahman Putra Memorial, Tun Abdul Razak Memorial and Declaration of Independence Memorial. Most of the researchers were made up of school students, the Public/Private Higher Education Institutions, government officials, NGO and individuals. During the year 2011 a total of 297 researchers visited the Statesmen Archives resource centre and a total of 2,768 materials were referred to by researchers to conduct their research.

Acquisition of Archival Materials and Artifacts

In 2011, the Statesmen Archives Division has successfully acquired a total of 10,107 archival materials and 1,480 artifacts. Among the archival materials/artifacts acquired were from storage/contributions of relatives and acquaintances of Tun Jugah, Tunku Abdul Rahman Putra, Tun V.T. Sambanthan and Tun Abdullah Ahmad Badawi.

Pemuliharaan dan Pemeliharaan Bahan Artifak Negarawan

Kerja-kerja pemeliharaan bahan artifak diteruskan seperti berikut:

- i. Jumlah pemuliharaan bahan artifak sebanyak 25
- ii. Jumlah pemeliharaan bahan artifak sebanyak 753
- iii. Jumlah inventori bahan artifak sebanyak 604

Program Pendokumentasian

Sejarah Lisan

Beberapa siri rakaman sejarah lisan telah diadakan iaitu berkaitan dengan Tun V.T. Sambanthan yang melibatkan Dato' S. Subramaniam dan Tan Sri K. Kumaran. Sesi rakaman lisan yang berkaitan Tun Temenggong Jugah diadakan dengan kerjasama En. Sidi Munan. Sejarah Lisan Tun Datu Mustapha berjaya diadakan dengan kerjasama Pn. Hajah Khatijah Datu Harun, Pn. Dayang Maimunah Tun Datu Mustapha, Pn. Faridah, Pn. Asmah dan Pn. Hajah Zulfah Tun Datu Mustapha.

Pengkisahan Sejarah

Sebanyak tiga Program Pengkisahan Sejarah/Bicara Tokoh telah diadakan sepanjang Tahun 2011. Pengkisahan sejarah mengenai Tun Ghaffar Baba (19 Mei 2011), Tun Abdul Razak (7 Julai hingga 9 Julai 2011) dan Tun Jugah (4 Oktober 2011). Ia diadakan sempena Program Mengenang Tokoh Negarawan 2011.

Pendigitan Bahan Arkib

Bahagian Arkib Negarawan juga menjalankan aktiviti pendigitan berkaitan tokoh negarawan bagi memudahkan penyimpanan dan rujukan bahan-bahan tersebut. Bagi pendigitan bahan, meliputi imejan keratan akhbar dan bahan lain seperti gambar untuk dimasukkan ke dalam COMPASS. Jumlah pengimejan yang dilakukan pada tahun 2011 ialah sebanyak 8,368 bahan.

Penulisan Berkaitan dengan Tokoh Negarawan

Sepanjang tahun 2011 sebanyak 35 rencana berkaitan tokoh-tokoh negarawan telah disiarkan yang berkaitan dengan Tunku Abdul Rahman Putra, Tun Abdul Razak, Tun V.T. Sambanthan, Tun Jugah dan juga beberapa tokoh yang lain. Rencana ini telah disiarkan di dalam beberapa akhbar termasuk akhbar Tamil dan akhbar di Sarawak.

Conservation and Preservation of Statesmen Artifacts

The preservation work on artifacts proceeded as follows:

- i. Total conservation of artifacts 25
- ii. Total preservation of artifacts 753
- iii. Total inventory of artifacts 604

Documentation Programme

Oral History

A series of oral history recordings were held in connection with Tun V.T. Sambanthan involving Dato' S. Subramaniam and Tan Sri K. Kumaran. The oral recording related to Tun Temenggong Jugah was held in collaboration with Mr. Sidi Munan. The oral history of Tun Datu Mustapha was successfully held in collaboration with Mdm. Hajah Khatijah Datu Harun, Mdm. Dayang Maimunah Tun Datu Mustapha, Mdm. Faridah, Mdm. Asmah and Mdm. Hajah Zulfah Tun Datu Mustapha.

Historical Narration

A total of three Historical Narration/Discourse on Prominent Figure Programmes were held throughout the year 2011. The historical narration about Tun Ghaffar Baba (May 19th, 2011), Tun Abdul Razak (July 7th to 9th, 2011) and Tun Jugah (October 4th, 2011). These were held in conjunction with Reminiscence the Statesmen Programmes 2011.

Digitising Archival Materials

The Statesmen Archives Division has also conducted digitising activities related to statesmen figures in order to facilitate easy storage and reference of the materials. For the digitisation of materials, involving newspaper imagery and other materials such as photographs to be inserted into COMPASS. Total imaging that were performed in the year 2011 was 8,368 materials.

Writings Related to the Statesmen

Throughout 2011 a total of 35 articles related to prominent statesmen have been published which were related to Tunku Abdul Rahman Putra, Tun Abdul Razak, Tun V.T. Sambanthan, Tun Jugah and also a few other prominent figures. These articles were published in a number of newspapers including Tamil newspaper and newspapers in Sarawak.

PROGRAM SEPANJANG TAHUN 2011

Program Mengenang Tokoh Negarawan: Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj

Program Mengenang Tokoh Negarawan: Tunku Abdul Rahman Putra telah diadakan di Sekolah Sultan Alam Shah, Putrajaya dari 8 hingga 11 Februari 2011. Program ini telah dirasmikan oleh Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia, YBhg. Dr. Hajah Samsiah Muhamad. Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar sekolah tentang peranan dan sumbangan yang telah dicorakkan oleh 'Bapa Kemerdekaan' ini. Pelajar-pelajar juga turut berkesempatan melihat dengan lebih dekat lagi Pameran Koleksi Khas Tunku yang mempamerkan koleksi artifak kepunyaan Tunku yang tersimpan di dalam peti besi yang digunakan semasa menduduki jawatan Perdana Menteri Malaysia. Program bukan sahaja dihadiri oleh pelajar Sekolah Sultan Alam Shah tetapi pelajar sekolah-sekolah di seluruh Putrajaya.

PROGRAMMES OF THE YEAR 2011

Reminiscence of Statesman Programme: Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj

Reminiscence of Statesman Programme: Tunku Abdul Rahman Putra was held at the Sultan Alam Shah School, Putrajaya from February 8th to 11th, 2011. This programme was officially launched by the Director General the National Archives of Malaysia, YBhg. Dr. Hajah Samsiah Muhamad. This programme aimed at providing exposure to school students about the roles and contributions that has been shaped by the 'Bapa Kemerdekaan'. Students also have the opportunities to view up close the Tunku Special Collections Exhibition showcasing the collections of artifacts belonging to Tunku that were stored in a safe used while holding the post of Prime Minister of Malaysia. The programme was not only attended by the Sultan Alam Shah School students but students of schools across Putrajaya.



Para pelajar melihat karikatur mengenai Tunku Abdul Rahman Putra di pameran sempena Program Mengenang Tokoh Negarawan Tunku Abdul Rahman Putra – 'Tunku Dalam Ingatan' di Sekolah Sultan Alam Shah, Putrajaya pada 8 Februari 2011.

Students looking at the caricature of Tunku Abdul Rahman Putra at the exhibits in conjunction with Reminiscence of Eminent Statesmen Programme Tunku Abdul Rahman Putra – 'Tunku Dalam Ingatan' at the Sultan Alam Shah School, Putrajaya on February 8th, 2011.

Program Mengenang Tokoh Negarawan: Almarhum Tun Abdul Ghaffar Baba

Program Mengenang Tokoh Negarawan Tun Abdul Ghaffar Baba dengan kerjasama Kerajaan Negeri Melaka dan Memorial Tun Abdul Ghaffar Baba, berlangsung pada 19 Mei 2011 di Auditorium Seri Negeri, Ayer Keroh Melaka. Majlis Bual Bicara Tokoh Negarawan yang bertemakan "Tun Abdul Ghaffar Baba Pemimpin Berjiwa Rakyat" ini telah dihadiri seramai 600 orang peserta dari pelbagai agensi kerajaan, sekolah, Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta, pertubuhan dan badan bukan kerajaan. Majlis ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Wira Hj. Othman bin Muhamad, Speaker Dewan Undangan Negeri Melaka dan YBrs. Pn. Hjh Daresah Hj. Ismail, Timbalan Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia. Majlis Bual Bicara yang berlangsung selama satu jam ini telah dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Hj Aziz bin Ujang, Pengurus Besar Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP) dan Panel Pembicaranya ialah Profesor Emeritus Tan Sri Dato` Dr. Khoo Kay Kim, Universiti Malaya dan YBhg. Dr. Alias bin Mohamed iaitu bekas Setiausaha Akhbar Allahyarham Tun Abdul Ghaffar Baba. Aktiviti lain yang turut diadakan sempena Majlis Bual Bicara ini termasuklah pameran Tun Ghaffar Baba dan kuiz di Radio FM Melaka.

Program Mengenang Tokoh Negarawan: Tun Razak Dalam Ingatan

Program Mengenang Tokoh Negarawan Allahyarham Tun Abdul Razak: Tun Razak Dalam Ingatan telah diadakan di UiTM Bandar Tun Razak, Jengka, Pahang Darul Makmur pada 7 Julai hingga 9 Julai 2011. Program ini dirasmikan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia. Program ini diadakan dengan kerjasama Universiti Teknologi Mara, Bandar Tun Razak, Jengka, Pahang dan agensi-agensi di bawah Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan. Program ini melibatkan seramai 7,000 orang peserta di semua peringkat lapisan masyarakat dan tumpuan diberikan kepada pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi, sekolah menengah dan sekolah rendah kerana mereka merupakan pelapis kepimpinan negara di masa hadapan. Pelbagai aktiviti telah diadakan sempena program ini seperti pameran mengenai Tun Abdul Razak, Majlis Bicara Tokoh, Majlis Bacaan Yasin dan Tahlil, Pertandingan Pantun, Pidato, Sajak, Bola Sepak, Gen Y, Forum Perdana, Moh Santai Hujung Minggu dan persembahan lapangan.

Reminiscence of Statesman Programme: Almarhum Tun Abdul Ghafar Baba

Reminiscence of Statesman Programme: Tun Abdul Ghafar Baba with collaboration from the Malacca State Government and Tun Abdul Ghafar Baba Memorial, was held on May 19th, 2011 at the Seri Negeri Auditorium, Ayer Keroh, Malacca. The Discourse on Prominent Statesman Ceremony on the theme "Tun Abdul Ghafar Baba Pemimpin Berjiwa Rakyat" was attended by 600 participants from various government agencies, schools, Public and Private Higher Education Institutions, organisations and non-governmental organisations. The ceremony was officiated by the YBhg. Datuk Wira Hj. Othman bin Muhamad, the Speaker of the Malacca State Assembly and YBrs. Mdm Hjh Daresah Hj. Ismail, Deputy Director General National Archives of Malaysia. The Discourse on Prominent Figure Ceremony lasted for one hour and was chaired by YBhg. Datuk Hj Aziz bin Ujang, General Manager of the Institute of Historical Research and Patriotism Malaysia (IKSEP) and the Panel Speakers were Professor Emeritus Tan Sri Dato` Dr. Khoo Kay Kim, Universiti of Malaya and YBhg. Dr. Alias bin Mohamed former Press Secretary to the late Tun Abdul Ghafar Baba. Other activities were also held in conjunction with the Discourse on Prominent Figure which include Tun Ghafar Baba exhibitions and quizzes on Malacca FM Radio.

Reminiscence of Statesman Programme: Tun Razak in Memory

Reminiscence the Statesman Programme the late Tun Abdul Razak: Tun Razak In Memory was held at UiTM Bandar Tun Razak, Jengka, Pahang Darul Makmur on July 7th to 9th, 2011. This programme was officially launched by YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Prime Minister of Malaysia. The programme was held in collaboration with Universiti Teknologi Mara, Bandar Tun Razak, Jengka, Pahang and agencies under the Ministry of Information, Communication and Culture. The Programme involved a total of 7,000 participants at all levels of community and emphasis was directed towards students of higher education institutions, secondary schools and primary schools as they form the future succession to the leaderships of the country. Various activities were held in conjunction with this programme such as exhibitions related to Tun Abdul Razak, Discourse on Prominent Figure, Yasin Recitation and Tahlil ceremony, Pantun Competition, Oration, Poetry, Football, Gen Y, Premier Forum, Lets Relax at Weekends and field performances.



Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak melawat pameran 'Tun Haji Abdul Razak' diiringi oleh Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan, YB Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim dan Ketua Pengarah ANM, YBhg Dr Hajah Samsiah Muhamad. Pameran diadakan sempena Program Mengenang Tokoh Negarawan Allahyarham Tun Abdul Razak: Tun Razak Dalam Ingatan di UiTM Bandar Tun Razak, Jengka, Pahang Darul Makmur pada 7 Julai hingga 9 Julai 2011.

Prime Minister of Malaysia, YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak visiting the exhibition 'Tun Haji Abdul Razak' accompanied by Minister of Information, Communication and Culture, YB Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim and Director General of National Archives, YBhg Dr Hajah Samsiah Muhamad. The exhibition was held in conjunction with Reminiscence of Eminent Statesmen Programme the late Tun Abdul Razak: 'Tun Razak Dalam Ingatan' at UiTM Bandar Tun Razak, Jengka, Pahang Darul Makmur on July 7th to 9th, 2011.



1. Bacaan Yasin dan Tahlil yang diadakan sempena Program Mengenang Tokoh Negarawan Allahyarham Tun Abdul Razak: Tun Razak Dalam Ingatan di UiTM Bandar Tun Razak, Jengka, Pahang Darul Makmur pada 7 Julai hingga 9 Julai 2011.

Yasin recitation and Tahlil held in conjunction with Reminiscence of Eminent Statesmen Programme the late Tun Abdul Razak: 'Tun Razak Dalam Ingatan' at UiTM Bandar Tun Razak, Jengka, Pahang Darul Makmur on July 7th to 9th, 2011.

2. Dua orang pelajar sekolah menunjukkan lukisan Allahyarham Tun Abdul Razak yang telah diwarnakan dalam peraduan mewarna yang diadakan bersempena dengan Program Mengenang Tokoh Negarawan Allahyarham Tun Abdul Razak: Tun Razak Dalam Ingatan di UiTM Bandar Tun Razak, Jengka, Pahang Darul Makmur pada 7 Julai hingga 9 Julai 2011.

Two school students showing off their drawings of the late Tun Abdul Razak which has been painted in the colouring competition held in conjunction with Reminiscence of Eminent Statesmen Programme the late Tun Abdul Razak: 'Tun Razak Dalam Ingatan' at UiTM Bandar Tun Razak, Jengka, Pahang Darul Makmur on July 7th to 9th, 2011.

Program Mengenang Tokoh Negarawan: Tun Datuk Patinggi Tan Sri Temenggong Jugah anak Barieng

Sempena sambutan Hari Malaysia pada tahun ini, Arkib Negara Malaysia dengan kerjasama Pustaka Negeri Sarawak dan Yayasan Tun Jugah telah mengadakan Program Mengenang Tokoh Negarawan: Tun Datuk Patinggi Tan Sri Temenggong Jugah anak Barieng, bertempat di Pustaka Negeri Sarawak, Kuching pada 4 Oktober 2011. Majlis Perasmian disempurnakan oleh YAB Pehin Sri Haji Abdul Taib bin Mahmud, Ketua Menteri Sarawak. Program ini telah dihadiri lebih 600 orang yang terdiri daripada beberapa pemimpin tertinggi negeri, ahli keluarga mendiang dan pelbagai lapisan masyarakat. Turut diadakan Pameran Tun Jugah yang bertemakan 'Tun Jugah Dalam Kenangan', pameran oleh agensi Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan dan Malam Pentarama. Majlis Bicara Tokoh telah diadakan bersama dengan dua orang pembicara yang tidak asing lagi kepada masyarakat di Sarawak, iaitu YBhg. Tan Sri Leonard Linggi Tun Jugah dan YBhg. Dato' Sri Dominic Andrew Dago @ Dagok Randan.

Reminiscence of Statesman Programme: Tun Datuk Patinggi Tan Sri Temenggong Jugah anak Barieng

In conjunction with the Malaysia Day Celebration for this year, the National Archives of Malaysia in collaboration with the Sarawak State Library and Tun Jugah Foundations conducted Reminiscence of Statesman Programme: Tun Datuk Patinggi Tan Sri Temenggong Jugah anak Barieng, held at the Sarawak State Library, Kuching on October 4th, 2011. The Opening Ceremony was graced by the YAB Pehin Sri Haji Abdul Taib bin Mahmud, Chief Minister of Sarawak. This programme was attended by more than 600 people comprising of several top state leaders, members of the deceased's family and all level of community. An Exhibition on Tun Jugah was also held with a theme 'Tun Jugah In Memory', exhibitions by the Ministry of Information, Communication and Culture agencies and Pentarama Night. The Discourse on Prominent Figure was held together with two speakers who is no stranger to the communities in Sarawak, namely YBhg. Tan Sri Leonard Linggi Tun Jugah and YBhg. Dato' Sri Dominic Andrew Dago @ Dagok Randan.

Ketua Menteri Sarawak, YAB Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud sedang memotong riben sebagai simbolik perasmian Pameran 'Tun Jugah Dalam Kenangan' bersempena Program Mengenang Tokoh Negarawan: Tun Jugah pada 4 Oktober 2011 di Pustaka Negeri Sarawak, Kuching. Turut kelihatan dari kiri Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Pengembangan) ANM, YBrs. Puan Hajah Daresah Haji Ismail, YB Dato' Sri James Jemut Masing, Puan Sri Ragad Kurdi Taib dan YB Tan Sri Leonard Linggi Tun Jugah.

Chief Minister of Sarawak, YAB Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud cutting the ribbon symbolising the official opening of the Exhibition 'Tun Jugah Dalam Kenangan' in conjunction with Reminiscence of Eminent Statesmen Programme: Tun Jugah on October 4th, 2011 at the Sarawak State Library, Kuching. Also seen from left Deputy Director General (Research and Advocacy) of National Archives of Malaysia, YBrs. Puan Hajah Daresah Haji Ismail, YB Dato' Sri James Jemut Masing, Puan Sri Ragad Kurdi Taib and YB Tan Sri Leonard Linggi Tun Jugah.



Pameran Tun Datuk Patinggi Tan Sri Temenggong Jugah anak Barieng

Pameran Tun Jugah diadakan di tiga tempat terpilih untuk memudahkan orang ramai mengunjunginya iaitu di ruang legar Pustaka Negeri Sarawak (4 Oktober hingga 9 Oktober 2011), di Pejabat Kerajaan Persekutuan Negeri Sarawak di Bangunan Sultan Iskandar (10 Oktober hingga 14 Oktober 2011) dan di Yayasan Tun Jugah (17 Oktober hingga 28 Oktober 2011).

Pameran Koleksi Khas Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra di Sekolah Alam Shah, Putrajaya

Pameran Koleksi Khas Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra diadakan di Sekolah Sultan Alam Shah, Putrajaya pada 8 Februari hingga 11 Februari 2011. Tujuan utama pameran ini diadakan adalah untuk mendekatkan lagi generasi muda pada hari ini, khususnya pelajar dengan tokoh negarawan yang telah banyak menyumbang jasa kepada negara. Selain itu, ia memberi peluang kepada mereka untuk melihat dengan lebih dekat koleksi berharga milik Tunku Abdul Rahman yang masih lagi tersimpan dengan baik sehingga kini.

Pameran Koleksi Khas Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra di Memorial Tunku Abdul Rahman Putra

Pameran Koleksi Khas ini diadakan bersempena dengan Program Pencarian Harta Karun bersama pelajar Kolej Pusat Teknologi dan Pengurusan Lanjutan (PTPL). Pameran ini diadakan pada 12 Mei 2011, bertujuan untuk membolehkan pelajar berkongsi maklumat tokoh negarawan ulung negara. Perkongsian maklumat mengenai koleksi berharga ini juga bertujuan untuk memberi gambaran mengenai ketokohan pemimpin utama negara ini terutama daripada aspek integriti yang boleh dijadikan teladan kepada mereka.

Pameran Koleksi Khas Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra di Melaka

Pameran Koleksi Khas YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj juga telah diadakan di Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan, Melaka pada 8 Disember 2011 sehingga 31 Disember 2011. Ia diadakan sebagai salah satu pengisian sambutan Hari Arkib Negara ke-54 dan untuk memperingati kembalinya Allahyarham YTM Tunku Abdul Rahman Putra ke

Tun Datuk Patinggi Tan Sri Temenggong Jugah anak Barieng Exhibitions

Tun Jugah Exhibitions was held at three selected sites for the purpose of enabling the public to visit namely at the foyer of Sarawak State Library (October 4th to 9th, 2011), the Federal Government Offices Sarawak State at the Sultan Iskandar Building (October 10th to 14th, 2011) and at the Tun Jugah Foundation (October 17th to 28th, 2011).

Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Special Collections Exhibition at SSAS, Putrajaya

The late Tunku Abdul Rahman Putra Special Collections Exhibition was held at the Sultan Alam Shah School, Putrajaya on February 8th to 11th, 2011. The main purpose of this exhibition was to bring closer the younger generation of today and in particular students, to this eminent statesman who has contributed vast services to the nation. In addition, it gave them the opportunity to look closely the valuable collections owned by Tunku Abdul Rahman which are very well kept up to the present.

Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Special Collections Exhibition at Tunku Abdul Rahman Putra Memorial

The Special Collection Exhibitions was held in conjunction with the Treasure Hunt Programme together with students of Technology Centre and Advance Management College (PTPL). The exhibition was held on May 12th, 2011, with the aim of enabling students to share information on eminent statesmen figures of the nation. Information sharing involving this valuable collection also aims to provide an image of the leadership of the eminent figures especially in the aspects of integrity which can be emulated by the students.

Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Special Collections Exhibition at Malacca

The YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj Special Collection Exhibition has also been held at the Declaration of Independence Memorial, Malacca on December 8th to 31st, 2011. This was done to fill the celebrations of the 54th National Archives Day and to commemorate anniversary of the passing away of the late YTM Tunku Abdul Rahman Putra on December 6th, 1990. This exhibition has given opportunities for the public to see the collections of valuable possessions of a great statesman as well



Speaker DUN Melaka, YB Datuk Wira Hj Othman bin Muhammad melihat pameran Koleksi Khas Tunku Abdul Rahman Putra diiringi Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Pengembangan) Arkib Negara Malaysia, Pn. Hj. Daresah Hj. Ismail dan Pengarah Bahagian Arkib Negarawan, En. Ihsan Haji Hasan.

Speaker of Malacca State Assembly (DUN), YB Datuk Wira Hj Othman bin Muhammad looking at the Exhibition on Special Collection of Tunku Abdul Rahman Putra accompanied by the Deputy Director General (Research and Advocacy) National Archives of Malaysia, Pn. Hj. Daresah Hj. Ismail and Director of the Statesmen Archives Division, En. Ihsan Haji Hasan.

rahmahtullah pada 6 Disember 1990. Pameran ini memberi peluang kepada orang ramai untuk sama-sama melihat koleksi berharga milik seorang negarawan ulung Negara di samping dapat mengenali dengan lebih dekat seorang pemimpin yang banyak berjasa kepada negara. Majlis perasmian pameran ini telah disempurnakan oleh Speaker Dewan Undangan Negeri Melaka YB Datuk Wira Haji Othman bin Muhamad.

as to get to know closely a leader who has vastly contributed to the nation. The opening ceremony for the exhibition was officiated by the Malacca State Assembly Speaker YB Datuk Wira Haji Othman bin Muhamad.

Program *Treasure Hunt* bersama Pelajar Kolej Pusat Teknologi dan Pengurusan Lanjutan (PTPL) Sentral dan Ampang serta *Management and Science University (MSU)*

Program ini diadakan di Memorial Tunku Abdul Rahman Putra pada 4 Mei dan 12 Mei 2011 dengan penyertaan 160 pelajar kolej tersebut. Program ini telah dirasmikan oleh Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia, YBhg. Dr. Hajah Samsiah Muhamad. Turut hadir bagi memeriahkan lagi program ini YBhg. Prof. Dr. Asbi bin Ali, Naib Presiden Perhubungan Antarabangsa dan Penyelidikan MSU dan Kumpulan Kolej PTPL. Aktiviti permainan rakyat dan kuiz berkaitan pameran Memorial Tunku Abdul Rahman Putra juga turut diadakan.

Program Kembara Memorial 1Malaysia - bersama Pusat Latihan Khidmat Negara (PLKN) Temasya Rimba Templer

Program ini diadakan di Galeria Sri Perdana pada 19 Jun 2011 yang melibatkan seramai 96 orang pelatih dan 14 orang jurulatih dari Pusat Latihan Khidmat Negara Temasya Rimba Templer. Aktiviti yang diadakan ialah sesi taklimat mengenai Galeria Sri Perdana dan kuiz Kembara Memorial 1Malaysia - Tun Dr. Mahathir Mohamad. Pelatih telah dipecahkan kepada 5 kumpulan yang mengandungi antara 10 hingga 15 orang setiap kumpulan. Setiap kumpulan di berikan satu soalan kuiz yang perlu dijawab dalam masa satu jam secara berkumpulan berkaitan pameran di Galeria Sri Perdana.

Program Kembara Memorial 1Malaysia - bersama Sekolah Agama Menengah Tinggi Tengku Ampuan Rahimah dan Rumah Anak-Anak Yatim

Program Kembara Memorial 1Malaysia ini diadakan pada 23 Julai 2011 di Galeria Sri Perdana. Program ini berkonsepkan lawatan dan pertandingan mengenai gagasan 1Malaysia dan pembinaan Negara Bangsa. Para peserta diminta menjawab kuiz dan bercerita mengenai sumbangan dan peranan tokoh Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam pembangunan Negara. Seramai 200 orang pelajar yang terlibat iaitu 80 orang pelajar dari Sekolah Agama Menengah Tinggi Tengku Ampuan Rahimah, Banting, 80 orang pelajar dari Kompleks Anak Yatim Darul Kifayah, 20 orang pelajar dari Pertubuhan Pendidikan Anak Yatim Selangor (Rumah Bakti) dan 20 orang pelajar dari Persatuan Kebajikan Teratak Shifa. Sempena program ini, Arkib Negara Malaysia juga telah menyampaikan sumbangan kepada rumah anak yatim di samping hadiah kepada pemenang-pemenang yang berjaya memenangi pertandingan yang diadakan.

Treasure Hunt Programme with Technology Centre dan Advance Management College (PTPL) Sentral and Ampang as well as Management and Science University (MSU) Students

This programme was held at the Tunku Abdul Rahman Putra Memorial on May 4th and May 12th, 2011 with participations by 160 students of those colleges. The programme was officiated by the Director General the National Archives of Malaysia, YBhg. Dr. Hajah Samsiah Muhamad. Also present to enliven the programme was YBhg. Prof. Dr. Asbi bin Ali, Vice President International Relations and Research MSU and the PTPL College Group. Community games activities and quizzes related to the exhibition at the Tunku Abdul Rahman Putra Memorial were also held.

1Malaysia Memorial Expedition Programme - with National Service Training Centre (PLKN) Temasya Rimba Templer

This programme was held at the Sri Perdana Galleria on June 19th, 2011 involving a total of 96 trainees and 14 trainers from the National Service Training Centre Temasya Rimba Templer. The activities held were briefing session on Sri Perdana Galleria and 1Malaysia Memorial Expedition quizzes - Tun Dr. Mahathir Mohamad. The trainees were divided into 5 groups consisting of between 10 to 15 people in each group. Each group was given a quiz question to be answered in one hour as a group related to the exhibitions at the Sri Perdana Gallery.

1Malaysia Memorial Expedition Programme - with Higher Secondary Religious School Tengku Ampuan Rahimah and Orphanage Homes

The 1Malaysia Memorial Expedition Programme was held on July 23rd, 2011 at the Sri Perdana Gallery. The programme concept was visits and competitions related to the ideas of 1Malaysia and Nation Building. The participants were required to answer quizzes and tell a story about the contributions and roles of statesman Tun Dr. Mahathir Mohamad in nation building. A total of 200 students were involved and 80 students from the Higher Secondary Religious School Tengku Ampuan Rahimah, Banting, 80 students from Darul Kifayah Orphanage Complex, 20 students from Organisation of Education for Orphans Selangor (Rumah Bakti) and 20 students from Teratak Shifa Welfare Association. In conjunction with this programme the National Archives of Malaysia has also presented a donation to the orphanage as well as prizes to the winners of the competition held.

Kembara Memorial I Malaysia – bersama Sekolah Agama Menengah Tinggi Tengku Ampuan Rahimah, Sungai Manggis, Banting

Seramai 80 orang pelajar dan 8 orang guru telah menyertai program ini yang diadakan di Pustaka Peringatan P. Ramlee pada 1 November 2011. Antara aktiviti yang diadakan ialah taklimat ringkas mengenai Pustaka Peringatan P. Ramlee dan juga kuiz kepada pelajar berdasarkan kepada bahan-bahan yang di pameran.

Program Kembara Memorial I Malaysia – bersama Sekolah Menengah Wilayah Persekutuan

Program ini telah melibatkan empat buah memorial iaitu Memorial Tunku Abdul Rahman Putra, Memorial Tun Abdul Razak, Memorial Tun Hussein Onn dan Galeria Sri Perdana dengan usahasama Pusat Kokurikulum Kuala Lumpur, Jabatan Pelajaran Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Program ini diadakan bertujuan untuk memberi kesedaran mengenai sejarah negara supaya pelajar-pelajar lebih menghargai dan menjiwai perjuangan tokoh-tokoh Negarawan untuk mencapai keamanan, kestabilan, perpaduan rakyat dan negara. Aktiviti kembara memorial dilaksanakan pada 11 November 2011. Semua pelajar sekolah menengah seramai 200 orang perlu mengunjungi keempat-empat memorial tersebut. Setiap memorial menyediakan 20 soalan subjektif berkaitan pameran masing-masing dan satu jenis permainan rakyat. Acara kemuncak program ini ialah ceramah kemerdekaan dan penyampaian hadiah kepada pemenang-pemenang pertandingan kuiz. Hadiah disampaikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Pengembangan) Arkib Negara Malaysia, YBrs Puan Hajah Daresah binti Hj. Ismail, di Auditorium Memorial Tunku Abdul Rahman Putra pada 12 November 2011.

I Malaysia Memorial Expedition – with Higher Secondary Religious School Tengku Ampuan Rahimah, Sungai Manggis, Banting

A total of 80 students and 8 teachers has participated in this programme which was held at the P. Ramlee Memorial Library on November 1st, 2011. Among the activities were short briefing related to P. Ramlee Memorial Library and also quizzes to the students based on the materials exhibited.

I Malaysia Memorial Expedition Programme - with Federal Territory Secondary School

This programme involved four memorials namely Tunku Abdul Rahman Putra Memorial, Tun Abdul Razak Memorial, Tun Hussein Onn Memorial dan Sri Perdana Gallery in collaboration with the Kuala Lumpur Co-curriculum Centre, State Education Department the Federal Territory of Kuala Lumpur. The programme was aimed at instilling awareness relating to the history of the nation so that students will better appreciate and embraces the struggles by the eminent statesmen in order to achieve peace, stability, unity in the community and nation. The Memorial Adventure was conducted on November 11th, 2011, where all 200 students of the secondary school were required to visit the four memorials. Each memorial would provide 20 subjective questions related to their exhibitions and one type of community games. The highlight of the programme was the talk on independence and presentation of prizes to the winners of the quiz competition. Prizes were presented by the Deputy Director General (Research and Advocacy) the National Archives of Malaysia, YBrs Mdm Hajah Daresah binti Hj. Ismail, in the Auditorium Tunku Abdul Rahman Putra Memorial on November 12th, 2011.



Timbalan Ketua Pengarah ANM, YBrs. Pn. Hajah Daresah Haji Ismail dan Ketua Penolong Pengarah Hal Ehwal Murid, Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan Encik Mohd Amir bin Abdul Ghani bersama peserta Program Kembara Memorial I Malaysia Integrasi Murid Sekolah Menengah Wilayah Persekutuan selepas majlis penutup dan penyampaian hadiah yang diadakan di Memorial Tunku Abdul Rahman Putra pada 11 November 2011.

Deputy Director General (Research and Advocacy) of National Archives of Malaysia, YBrs. Pn. Hajah Daresah Haji Ismail and Senior Assistant Director Pupils Affairs, Department of Education Federal Territory Encik Mohd Amir bin Abdul Ghani together with participants of the I Malaysia Memorial Expedition Programme Intergration of Secondary School Children Federal Territory after the closing ceremony and prize presentation which was held at the Tunku Abdul Rahman Putra Memorial on November 11th, 2011.

Program Kembara Memorial I Malaysia - bersama Orang Kelainan Upaya (OKU)

Program ini diadakan dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur pada 17 November 2011. Ia bertujuan untuk meningkatkan keyakinan diri OKU dalam menempuh cabaran di alaf baru dengan melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan di samping dapat menghayati sejarah perjuangan tokoh Negarawan. Beberapa aktiviti diadakan seperti sukaneka, kuiz pameran Memorial Tun Abdul Razak, pertandingan melukis dan mewarna. Seramai 300 orang OKU telah mengambil bahagian dalam program ini yang dirasmikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Pengembangan) Arkib Negara Malaysia, YBrs Puan Hajah Daresah binti Haji Ismail.

I Malaysia Memorial Expedition Programme - with Handicapped People (OKU)

This programme was held in collaboration with the Social Welfare Department of the Federal Territory Kuala Lumpur on November 17th, 2011. The programme aims to elevate self-confidence of the disabled persons to face challenges in the new millennium by getting involved in community activities as well as being able to internalise history on the struggle of statesmen figure. Several activities were organised such as telematch, exhibition quizzes on Tun Abdul Razak Memorial, drawing and colouring competitions. A total of 300 handicapped people had taken part in this programme officiated by the Deputy Director General (Research and Advocacy) the National Archives of Malaysia, YBrs Mdm Hajah Daresah binti Hj. Ismail.



1. Para peserta OKU menyertai aktiviti sukaneka 'Pandu Arah' di perkarangan Memorial Tun Abdul Razak. Aktiviti diadakan sempena Program Kembara Memorial I Malaysia Bersama Orang Kurang Upaya (OKU) pada 17 November 2011.
People With Disabilities (OKU) participants taking part in telematch activities 'Finding Aids' at the foyer of Tun Abdul Razak Memorial. The activities were held in conjunction with the I Malaysia Expedition Programme together with OKU on November 17th, 2011.
2. Para peserta terdiri daripada pelajar sekolah sedang melihat bahan arkib melalui COMPASS sempena Program Kembara Memorial I Malaysia Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan di Memorial Tun Hussien Onn pada 16 November 2011.
Participants comprising of school students looking at the archival materials by way of COMPASS in conjunction with the I Malaysia Memorial Expedition Programme Pupils Intergration Plan for Unity at the Tun Hussien Onn Memorial on November 16th, 2011.

Program Kembara Memorial I Malaysia Rancangan Intergrasi Murid Untuk Perpaduan di Memorial Tunku Abdul Rahman Putra

Program Kembara Memorial I Malaysia ini merupakan program usahasama Memorial Tunku Abdul Rahman Putra dengan Jabatan Pelajaran Bangsar-Pudu serta Jabatan Perpaduan dan Intergrasi Nasional. Program ini diadakan pada 16 November 2011 di Memorial Tunku Abdul Rahman Putra dan Memorial Tun Hussein Onn. Seramai 200 orang pelajar dari Sekolah Rendah sekitar Bangsar dan Pudu yang terdiri dari pelbagai bangsa telah mengikuti program ini.

Program Kenali Tokoh – Tun Abdul Ghaffar Baba

Program “Kenali Tokoh” dengan kerjasama Jabatan Penerangan, Jasin, Melaka dan Pusat Latihan Khidmat Nasihat (PLKN) Kem Legenda, Asahan berlangsung pada 19 November 2011 di Memorial Tun Abdul Ghaffar Baba, Melaka. Program berbentuk ceramah ini telah dihadiri oleh seramai 231 orang Pelatih termasuk Jurulatih PLKN.

Program sama turut diadakan pada 24 Disember 2011 melibatkan seramai 125 orang peserta yang terdiri daripada Ahli Jawatankuasa dan ahli GPMS Negeri Melaka Cawangan Kolej Yayasan Melaka. Selain itu lawatan di ruangan pameran juga telah diadakan dan beberapa acara permainan turut diadakan di kawasan luar Memorial.

Program Anak Merdeka: Patriotisma Ke Arah Pembentukan I Malaysia Yang Perkasa

Program Patriotisma Ke Arah Pembentukan I Malaysia Yang Perkasa ini merupakan program usahasama Memorial Tunku Abdul Rahman Putra dengan Persatuan Warisan Anak Merdeka, Medic dan PROGRESSIVE MASTERY. Program sehari itu diadakan pada 19 Jun 2011, di Memorial Tunku Abdul Rahman Putra. Aktiviti-aktiviti yang diadakan termasuk ceramah, bengkel dan lawatan ke Memorial Tunku Abdul Rahman Putra. Peserta program terdiri daripada pelatih-pelatih kejururawatan (sekitar Lembah Kelang) serta Ahli Persatuan Warisan Anak Merdeka. Program diadakan bertujuan menyemai semangat patriotism dalam diri peserta generasi muda. Turut hadir ialah Datuk Dr Mohamed Alwi, Presiden, Persatuan Anak Merdeka.

I Malaysia Memorial Expedition Programme - Students Integration Plan for Unity at the Tunku Abdul Rahman Putra Memorial

This I Malaysia Memorial Expedition Programme was a collaboration of Tunku Abdul Rahman Putra Memorial with the Education Department Bangsar-Pudu as well as the Department of National Unity and Integration. The programme was held on November 16th, 2011 at the Tunku Abdul Rahman Putra Memorial and Tun Hussein Onn Memorial. A total of 200 students of the Primary School from around Bangsar and Pudu comprising of various races participated in this programme.

Know the Personages Programme – Tun Abdul Ghaffar Baba

The Programme “Kenali Tokoh” in collaboration with Information Department, Jasin, Melaka and the National Service Training Centre (PLKN) Legenda Camp, Asahan has taken place on November 19th, 2011 at Tun Abdul Ghaffar Baba Memorial, Melaka. The programme was in the form of talk and was attended by a total of 231 Trainees and Trainers of PLKN.

Same programme was held on Disember 24th, 2011 involving a total of 125 participants comprising of Committee Members and members of GPMS State of Malacca, from the Malacca Foundation College Branch. In addition visit to the exhibition areas was also conducted and several games were held at an area outside the Memorial.

Children of Independence Programme: Patriotism Towards Formation of the Mighty I Malaysia

The Patriotism Towards Formation of the Mighty I Malaysia Programme was a collaboration programme of the Tunku Abdul Rahman Putra Memorial with the Persatuan Warisan Anak Merdeka, Medic and PROGRESSIVE MASTERY. The one day programme was held on June 19th, 2011, at the Tunku Abdul Rahman Putra Memorial. Activities inclusive of talks, workshop and visit to Tunku Abdul Rahman Putra Memorial were held. Participants to the programme were trainee nurses (from around the Klang Valley) as well as members of the Persatuan Warisan Anak Merdeka. The programme aims to inculcate the spirit of patriotism into the younger generation. Also present was Datuk Dr Mohamed Alwi, President, Persatuan Warisan Anak Merdeka.

Lawatan Duta Jepun dan isteri ke Pustaka Peringatan P. Ramlee

Arkib Negara Malaysia telah menerima lawatan daripada Duta Besar Jepun iaitu H.E. Masashiko Horie dan isteri, Madam Yoko ke Pustaka Peringatan P. Ramlee pada 18 Januari 2011. H.E. Masashiko Horie dan isteri begitu meminati lakonan dan nyanyian Allahyarham Tan Sri P. Ramlee sehingga sanggup meluangkan masa mengunjungi Pustaka Peringatan P. Ramlee untuk melihat lebih dekat pameran dan bahan yang dipamerkan. Pasangan suami isteri ini juga telah menyanyikan lagu P. Ramlee iaitu Getaran Jiwa dengan baik semasa lawatan tersebut.

Lawatan Pelajar Universiti Malaysia Kelantan (UMK)

Rombongan pelajar dari Universiti Malaysia Kelantan yang diketuai oleh YBhg. Dato' Dr. Adi Taha telah melawat Memorial Tun Hussein Onn pada 11 Februari 2011. Rombongan ini yang terdiri daripada 49 orang pelajar telah diberi taklimat mengenai Memorial Tun Hussein Onn dan juga lawatan berpandu ke pameran Memorial Tun Hussein Onn. Di akhir lawatan pelajar-pelajar telah diberi pendedahan mengenai tokoh negarawan Tun Hussein Onn serta peranan dan sumbangan yang telah dimainkan olehnya sebagai Perdana Menteri Malaysia yang ketiga.

Lawatan Pelajar UiTM Merbok Kedah

Seramai 40 orang mahasiswa semester tiga Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran, Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi, UiTM Merbok, Kedah berkunjung ke Memorial Tun Hussein Onn pada 11 Mac 2012. Rombongan ini diketuai oleh pensyarahnya iaitu Encik Mujibu bin Muiz. Kebanyakan pelajar amat berminat mengenai tokoh "Bapa Perpaduan" ini yang menjadi Perdana Menteri Malaysia ketiga dari 1976 – 1981.

Lawatan Peserta Kursus, Pusat Perubatan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur

Pada 23 Jun 2011 seramai 65 orang peserta Kursus Induksi Umum Kumpulan 1 dari Jabatan Latihan, Pusat Perubatan Universiti Malaya telah membuat lawatan ke Memorial Tun Hussein Onn. Lawatan yang diketuai oleh Encik Mohd Hafeez bin Zulkifli ini bertujuan untuk mendedahkan peserta supaya lebih mengenali tokoh negarawan, Tun Hussein Onn, Perdana Menteri Malaysia ketiga.

Visit by the Ambassador of Japan and Wife to P. Ramlee Memorial Library

The National Archives of Malaysia had received a visit from the Ambassador of Japan H.E. Masashiko Horie and wife, Madam Yoko to P. Ramlee Memorial Library on January 18th, 2011. H.E. Masashiko Horie and wife immensely interested in the acting and singing of the late Tan Sri P. Ramlee so much so he was willing to spend some time visiting the P. Ramlee Memorial Library for a closer look at the exhibitions and displayed materials. The couple also sang very well P. Ramlee's 'Getaran Jiwa' during the visit.

Visit by Students University Malaysia Kelantan (UMK)

The group of students from Universiti Malaysia Kelantan headed by YBhg. Dato' Dr. Adi Taha visited the Tun Hussein Onn Memorial on February 11th, 2011. The group consisted of 49 students were given a briefing on the Tun Hussein Onn Memorial and a guided tour to the exhibitions at Tun Hussein Onn Memorial. At the end of the visit the students were given exposure related to the statesman figure Tun Hussein Onn as well as his roles and contributions as the third Prime Minister of Malaysia.

Visit by Students MARA University of Technology (UiTM) Merbok Kedah

A total of 40 undergraduates in third semester Bachelor of Administration, Faculty of Administrative Science and Policy Studies, UiTM Merbok, Kedah had travelled to Tun Hussein Onn Memorial on March 11th, 2011. The group was led by their lecturer, Mr. Mujibu bin Muiz. Most students were very interested about this "Father of Unity" statesman who was the third Prime Minister of Malaysia from 1976 to 1981.

Visit by Course Attendee, University of Malaya Medical Centre, Kuala Lumpur

On June 23rd, 2011 a total of 65 participants for General Induction Course Group 1 from Training Department, University of Malaya Medical Centre visited the Tun Hussein Onn Memorial. The visit was led by Mr. Mohd Hafeez bin Zulkifli with the aim of exposing participants to know better the statesman figure, Tun Hussein Onn, the third Prime Minister of Malaysia.

Lawatan Pelajar Kelab Setia Jabatan Penerangan Negeri Johor

Seramai 100 orang pelajar dari Kelab Setia Jabatan Penerangan Negeri Johor bersama 20 orang pegawai pengiring telah mengadakan lawatan ke Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan pada 26 Jun 2011. Tujuan lawatan ini adalah untuk mendedahkan para pelajar kepada sejarah kemerdekaan selain mengenali dengan lebih dekat lagi tokoh-tokoh kemerdekaan negara ini. Pihak Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan telah mengaturkan beberapa program termasuk ceramah kemerdekaan, tayangan video kemerdekaan dan lawatan berpandu.

Lawatan Pelatih Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan

Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan telah menerima kunjungan seramai 86 orang pelatih beserta 33 orang guru dari Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan Bangi, Kajang, Selangor pada 21 Julai 2011. Selain untuk menyemarakkan lagi sambutan ulang tahun kemerdekaan ke-54, program ini juga bertujuan untuk memberi pendedahan, pengetahuan dan pengalaman kepada pelatih selain sebagai medium terapi bagi menangani stres dalam kalangan pelatih di samping dapat mengeratkan lagi hubungan kekeluargaan di kalangan warga kerja dan pelajar. Antara aktiviti yang telah dijalankan adalah lawatan berpandu, ceramah kemerdekaan, tayangan video kemerdekaan dan kuiz kemerdekaan.

Lawatan Pelajar Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Johor, Kampus Segamat

Seramai 78 orang pelajar dari UiTM cawangan Johor bersama 2 orang pegawai pengiring telah mengadakan lawatan ke Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan Melaka pada 28 Julai 2011. Tujuan lawatan ini adalah untuk memenuhi keperluan subjek ko-kurikulum HPD 132 - pemikiran pemimpin Negara. Subjek ini telah diperkenalkan untuk mendedahkan para pelajar kepada peranan dan sumbangan para pemimpin negara. Bagi memenuhi keperluan ini, pihak Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan telah mengaturkan beberapa program seperti ceramah kemerdekaan, tayangan video kemerdekaan, lawatan berpandu dan sesi soal jawab yang bertujuan untuk bertukar-tukar pandangan terhadap tokoh-tokoh negarawan.

Visit by Students of the Kelab Setia Jabatan Penerangan State of Johore

A total of 100 students from the Kelab Setia Jabatan Penerangan State of Johore together with 20 accompanying officers conducted a visit to the Declaration of Independence Memorial on June 26th, 2011. The aim of the visit was to expose students to the history of independence besides knowing closely the eminent figures of independence of this nation. The staff of Declaration of Independence Memorial had organised several programmes including talks on independence, video screening on independence and guided visits.

Visit by Trainees of Industrial Training and Recovery Centre

The Declaration of Independence Memorial received a visit of 86 trainees together with 33 teachers from the Industrial Training and Recovery Centre Bangi, Kajang, Selangor on July 21st, 2011. Apart from further boosting the celebration of the 54th anniversary of independence, this programme also aims to provide exposures, knowledge and experience to trainees besides being a therapy medium for handling stress among trainees as well as bringing closer the family bonds among the employees and trainees. Among the activities conducted were guided visit, talks on independence, video screening on independence and quizzes on independence.

Visit by Students MARA University of Technology (UiTM) Johore Branch, Segamat Campus

A total of 78 students of UiTM Johore Branch together with 2 accompanying officers conducted a visit to the Declaration of Independence Memorial Malacca on July 28th, 2011. The aim of this visit was to fulfill the requirement of co-curriculum subject HPD 132 – the National Leaders Thoughts. This subject has been introduced to expose students to the roles and contributions of national leaders. In order to fulfill this, the staff of the Declaration of Independence Memorial had arranged several programmes such as talks on independence, video screening on independence, guided visits and question and answer sessions intended for exchanging views on eminent statesmen.

Lawatan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Infant Jesus Convent Melaka

Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan telah menerima lawatan seramai 240 orang pelajar tingkatan 1 bersama 5 orang guru pengiring dari Sekolah Menengah Kebangsaan Infant Jesus Convent, Melaka pada 25 Ogos 2011. Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang lawatan ini adalah taklimat sejarah bangunan memorial, taklimat berkaitan sejarah kemerdekaan negara dan lawatan berpandu di ruang pameran. Selain daripada aktiviti yang dijalankan di bangunan ini, pihak Memorial Pengisytiharan juga turut menaikkan pameran Perjuangan Perdana ke arah Kemerdekaan di Sekolah Menengah Kebangsaan Infant Jesus Convent ini. Pameran telah diadakan selama 5 hari pada 25 hingga 29 Ogos 2011, bertujuan untuk menyebarkan maklumat berkaitan kemerdekaan negara kepada pelajar. Tayangan video kemerdekaan juga turut ditayangkan di ruang perpustakaan.

Lawatan Pegawai-Pegawai Asean Conference On Civil Service Matters (ACCSM)

Bersempena dengan persidangan Pegawai-Pegawai Kanan Asean Conference on Civil Service Matters (ACCSM) yang diadakan di Melaka, satu lawatan khas telah diadakan ke Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan pada 19 Oktober 2011 yang lalu. Rombongan seramai 40 orang ini turut disertai oleh Tan Sri Abu Bakar bin Haji Abdullah Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia. Antara tujuan lawatan ini adalah untuk memberi peluang kepada para peserta persidangan untuk mengetahui dengan jelas berkaitan dengan sejarah kemerdekaan Malaysia.

Lawatan Pegawai Arkib Negeri Sabah ke Memorial Tun Hussein Onn

Seramai 7 orang Pegawai Arkib Negeri Sabah telah melawat Memorial Tun Hussein Onn pada 22 Disember 2011. Lawatan ini bertujuan untuk mendapatkan gambaran lebih jelas mengenai fungsi dan peranan memorial terutamanya Memorial Tun Hussein Onn. Rombongan lawatan ini diketuai oleh Pn. Yong Vui Lin, Pembantu Tadbir Kanan.

Lawatan Pegawai Kanan Perkhidmatan Awam Negara Brunei

Seramai 30 orang Pegawai Kanan Perkhidmatan Awam Negara Brunei telah menyertai lawatan ini ke Pustaka Peringatan P. Ramlee pada 2 Disember 2011. Lawatan ini adalah anjuran Ahli Jawatankuasa Tertinggi Puspanita Kebangsaan. Yang di Pertua PUSPANITA, YBhg. Puan Sri Dato' Wan Noorlina Wan Hussein mengetuai lawatan ini bersama delegasi dari Brunei.

Visit by Students Convent Infant Jesus National Type Secondary School Malacca

The Declaration of Independence Memorial received visit by 240 students of Form 1 together with 5 accompanying teachers from the Convent Infant Jesus National Type Secondary School Malacca on August 25th, 2011. Among the activities conducted during the visit were historical talks on the memorial building, briefing related to the independence history of the nation and guided tour of the exhibition areas. In addition to activities conducted at the building, the Independence Memorial staff also put up exhibitions Prime Struggles Towards Independence at the Convent Infant Jesus National Type Secondary School. The exhibitions was held over 5 days on August 25th to 29th, 2011, with the aim of disseminating information related to the nation independence to students. Video screening on independence was also shown at the foyer of the library.

Visit by Officers of the Asean Conference On Civil Service Matters (ACCSM)

In conjunction with the conference of the Senior Officers of the Asean Conference on Civil Service Matters (ACCSM) which was held in Malacca, a special visit was conducted to the Declaration of Independence Memorial on October 19th, 2011. The group comprising of 40 was also accompanied by Tan Sri Abu Bakar bin Haji Abdullah Director General of Public Services Department of Malaysia. Among the aims of this visit was to provide opportunities to conference participants to have clearer knowledge of the history of independence of Malaysia

State of Sabah Archivists Visit to Tun Hussein Onn Memorial

A total of 7 Archivists from the State of Sabah visited the Tun Hussein Onn Memorial on December 22nd, 2011. This visit aimed at obtaining a clearer picture regarding the functions and roles of the memorial in particular the Tun Hussein Onn Memorial. The group was headed by Mdm. Yong Vui Lin, Senior Administrative Assistant.

Visit by Senior Officers of Civil Service of Brunei

A total of 30 Senior Officers of the Civil Service of Brunei had joined the visit to the P. Ramlee Memorial Library on December 2nd, 2011. This visit was organised by the National Puspanita Members of the Supreme Committee. Yang di Pertua of PUSPANITA, YBhg. Puan Sri Dato' Wan Noorlina Wan Hussein headed this visit accompanied by delegations from Brunei.

Majlis Bual Bicara Sempena 55 Tahun Tarikh Pengisytiharan Kemerdekaan Tanah Melayu

Program yang diadakan setiap tahun ini adalah salah satu pengisian yang telah dijalankan oleh Arkib Negara melalui Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan untuk memberi ruang dan peluang kepada pelajar-pelajar sekitar negeri Melaka untuk menghayati dan seterusnya mengingati salah satu peristiwa penting dalam perjuangan kemerdekaan Malaysia. Majlis yang dirasmikan oleh YBrs. Pn Hajah Daresah Haji Ismail, Timbalan Ketua Pengarah Arkib Negara (Penyelidikan dan Pengembangan) pada 22 Februari 2011, turut melibatkan seramai 90 orang pelajar. Tokoh penceramah pada program ini adalah Tn Hj Mokhtar Yassin, seorang tokoh sejarah dan budaya Negeri Melaka.

Discussion Ceremony in Conjunction with 55 Years, Date of Declaration of Independence of Malaya

This programme is held annually and is one of the fulfillment conducted by the National Archives through the Declaration of Independence Memorial to provide avenues and opportunities for students around Malacca to internalize and subsequently remember one of the vital event in the struggle of Independence for Malaysia. The programme involved a total of 90 students and was officiated by YBrs. Mdm Hajah Daresah Haji Ismail, Deputy Director General, the National Archives (Research and Advocacy) on February 22nd, 2011. The eminent speaker for the programme was Tn Hj Mokhtar Yassin, an eminent figure on history and culture of Malacca.



YBrs. Tn Hj Mokhtar Yassin sedang berbicara mengenai kemerdekaan di Majlis Bual Bicara Sempena Memperingati 55 Tahun Pengisytiharan Kemerdekaan di Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan pada 22 Februari 2011. Turut sama ialah Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Pengembangan) ANM, Pn. Hajah Daresah Haji Ismail dan Ketua Seksyen Perancangan dan Pemuliharaan, En. Ihsan Haji Hassan.

YBrs. Tn Hj Mokhtar Yassin talking on independence at the Discourse Ceremony in conjunction with Commemorating 55 years Declaration of Independence at the Declaration of Independence Memorial on February 22nd, 2011. Also present were Deputy Director General (Research and Advocacy) ANM, Pn. Hajah Daresah Haji Ismail and Head of Planning and Conservation Section, En. Ihsan Haji Hassan.

Majlis Bacaan Yasin dan Tahlil Seniman P.Ramlee di Pustaka Peringatan P.Ramlee

Persatuan Peminat P.Ramlee (PERWALEE) dengan kerjasama Arkib Negara telah mengadakan Majlis bacaan Yasin dan Tahlil Seniman di Pustaka Peringatan P.Ramlee pada 31 Mei 2011. Antara tetamu yang hadir ialah En Jaafar Abas, Presiden Persatuan Peminat P.Ramlee (PERWALEE), artis-artis vateran dan peminat-peminat P.Ramlee. Turut hadir ialah Encik Azemi Abdul Aziz, Timbalan Ketua Pengarah, Arkib Negara Malaysia dan Encik Ihsan Haji Hassan, Pengarah Bahagian Arkib Negarawan. Seramai 200 orang telah menghadiri majlis ini.

PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN

Memorial Negarawan dan Memorial Tun Abdul Ghafar Baba

Mesyuarat kabinet pada 23 Februari 2011 telah meluluskan penubuhan Memorial Negarawan di bekas Bangunan Majlis Undangan Persekutuan yang terletak di Jalan Sultan Salahuddin, Kuala Lumpur dan penubuhan Memorial Tun Ghaffar Baba di Peringgit, Melaka. Memorial Negarawan bakal menempatkan koleksi memorabilia milik Tun Dr. Ismail, Tun Tan Cheng Lock, Tun V.T. Sambanthan, Tun Jugah, Tun Datu Mustapha dan Tun Fuad Stephens. Setakat ini, kerja-kerja peringkat awalan sudahpun dimulakan. Bagi pihak Arkib Negara, kerja-kerja melakukan penyelidikan untuk pengisian pameran sedang giat dilakukan. Ini termasuklah membuat jalinan cerita untuk pameran, cadangan artifak atau gambar, konsep pameran dan lain-lain yang berkaitan. Di samping itu, pada 10 November 2011 satu sesi 'Brainstorming' telah diadakan dengan melibatkan ahli akademik dan juga wakil media bagi membincangkan mengenai cadangan pengisian pameran untuk setiap tokoh. Selain itu, usaha untuk mendapatkan bahan berkaitan dengan tokoh-tokoh negarawan yang terlibat masih lagi giat dilaksanakan. Memorial ini dijangka dibuka kepada orang ramai seawal tahun 2014.

Baikpulih di Bangunan Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan, Memorial Tun Abdul Razak dan Memorial Tun Hussein

Sepanjang tahun 2011, beberapa kerja baik pulih telah dilakukan di beberapa buah Memorial iaitu Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan, Melaka, Memorial Tun Abdul Razak dan Memorial Tun Hussein Onn.

P.Ramlee's Yasin Recitation and Tahlil Ceremony at the P.Ramlee Memorial Library

The Fans of P.Ramlee Association (PERWALEE) in collaboration with the National Archives had conducted 'Yasin recitation and Tahlil for Artist' event at the P. Ramlee Memorial Library on May 31st, 2011. Among the guests attended were Mr. Jaafar Abas, President Fans of P.Ramlee Association (PERWALEE), veteran artists and P.Ramlee's fans. Also present was Mr. Azemi Abdul Aziz, Deputy Director General, the National Archives of Malaysia and Mr. Ihsan Haji Hassan, Director Statesmen Archives Division. A total of 200 people attended this event.

DEVELOPMENT PROJECTS

Statesmen Memorial and Tun Abdul Ghafar Baba Memorial

The cabinet meeting on February 23rd, 2011 has approved the establishment of the Statesmen Memorial at the former Federal Legislative Council Building located at Jalan Sultan Salahuddin, Kuala Lumpur and the establishment of Tun Ghafar Baba Memorial at Peringgit, Malacca. The Statesmen Memorial will be housing the memorabilia collections belonging to Tun Dr. Ismail, Tun Tan Cheng Lock, Tun V.T. Sambanthan, Tun Jugah, Tun Datu Mustapha and Tun Fuad Stephens. Currently, works on the initial stages have been started. On the part of the National Archives, works on carrying out researches for contents of the exhibition have been actively conducted. This involved making the story line for the exhibitions, artifacts or photographs proposals, display concepts and others which were related. In addition, on November 10th, 2011 a 'Brainstorming' session was held involving academicians and also the media representatives to discuss on the proposals for filling the exhibitions of each eminent figure. Apart from that, efforts to acquire materials related to the eminent statesmen who are involved are still being actively pursued. This Memorial is expected to be opened to the public in early 2014.

Refurbishment on Declaration of Independence Memorial Building, Tun Abdul Razak Memorial and Tun Hussein Memorial

Throughout 2011, several repair works were performed at several Memorials namely the Declaration of Independence Memorial, Malacca, Tun Abdul Razak Memorial and Tun Hussein Onn Memorial.

Kerja-kerja pembaikan di Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan termasuklah mengecat semula bangunan dan membaikpulih kerosakan awam. Kerja-kerja ini dilakukan bermula pada 14 November 2011 sehingga 6 Disember 2011 yang melibatkan mengecat luar bangunan, jeriji penutup besi bawah, pintu pagar besi hadapan, sisi dan belakang, tiang bendera, tingkap di sekeliling bangunan dan kubah. Selain itu, ia juga melibatkan kerja-kerja membaiki kerosakan dinding dan lantai di ruang pameran Bilik Tayangan tingkat atas, membaikpulih dan mengganti sistem takungan air dan 'gutter' yang telah rosak serta kerja-kerja lain yang berkaitan. Kerja-kerja baikpulih juga turut melibatkan baikpulih kerosakan penghawa dingin serta kerja-kerja membaiki dan membekal serta memasang Sistem Audio Visual dan CCTV.

Di Memorial Tun Razak, kerja-kerja baik pulih melibatkan kerja-kerja memperbaiki bumbung dan kerosakan awam. Antara kerja-kerja yang dilakukan ialah mengecat luar bangunan, mencuci bumbung dan gutter, membaikpulih wakaf, membaikpulih dan memasang sistem penghawa dingin yang baru. Sementara kerja-kerja membaikpulih sistem audio visual melibatkan penggantian LCD Projector yang baru, pemasangan DVD, amplifier, speaker dan lain-lain yang berkaitan.

Kerja-kerja pembaikan di Memorial Tun Hussein Onn pula lebih kepada membaikpulih kerosakan awam seperti penggantian bumbung yang bocor dan saluran air. Selain itu, kerja-kerja membaiki sistem kumbahan juga turut dilakukan. Peruntukan untuk kerja-kerja baikpulih dan naiktaraf memorial ini dibiayai keseluruhannya oleh Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan.

PROJEK USAHASAMA

Kerjasama dengan Universiti Utara Malaysia (UUM)

Jabatan Arkib Negara Malaysia (mewakili Kerajaan Malaysia) menerusi Bahagian Arkib Negarawan sedang berusaha untuk mengadakan suatu kerjasama mengenai penyelidikan, pendokumentasian dan penerbitan ilmiah berhubung dengan tokoh-tokoh negarawan di negara ini dengan pihak Universiti Utara Malaysia. Objektif utama kerjasama ini adalah untuk menggalakkan penyelidikan, pendokumentasian dan penerbitan bahan-bahan ilmiah mengenai tokoh-tokoh negarawan di negara ini. Kerjasama ini amat penting agar aktiviti-aktiviti tersebut dapat dilaksanakan dengan lebih baik untuk menghasilkan suatu produk yang boleh memberikan faedah kepada negara. Draf Memorandum Persefahaman (MoU) kini dalam peringkat akhir kelulusan oleh UUM, dan sekiranya dipersetujui, tarikh menandatangani perjanjian antara kedua-dua pihak boleh ditetapkan.

Repair works at the Declaration of Independence Memorial included repainting the building and repairs to general damages. These work were carried out starting on November 14th, 2011 to December 6th, 2011 involved painting of building's exterior, under the steel gratings, metal front gates, side and rear, flag poles, windows all around the building and the dome. Additionally, this also involved repairs to walls and floors of the exhibition areas Screening Room at the upper floor, refurbishments and replacing the water reservoir system and rain gutters which were damaged and other related works. The repair work also involved repairs to air conditioning damages as well as repair work and supply and install Audio Visual System and CCTV.

At the Tun Razak Memorial, refurbishment works involved repairs to roofs and general damages. Among the jobs carried out were painting of building's exterior, cleaning the roof and gutters, refurbishing the gazebo, repairing and installing new air conditioning system. While the works on refurbishing the audio visual system involved the replacement for new LCD projectors, installing DVD, amplifiers, speakers and other works which were related.

The repair works at the Tun Hussein Onn Memorial were mainly refurbishments to general damages such as replacing leaked roofs and culverts. Additionally, works was also done to repair the sewerage system. The allocation for refurbishments and upgrading works of the memorials was financed entirely by the Ministry of Information, Communication and Culture.

JOINT VENTURE PROJECTS

Joint Venture with Universiti Utara Malaysia (UUM)

Department of National Archives of Malaysia (representing the Malaysian government) through the Statesmen Archives Division is working to establish a cooperation on research, documentation and scholastic publications relating to eminent statesmen in the country with the Universiti Utara Malaysia (UUM). The main objective of this cooperation is to encourage researches, documentations and publications of scholastic materials related to eminent statesmen in this country. This cooperation is of utmost importance in order that the activities can be implemented more aggressively to produce a product that can benefit the nation. The Memorandum of Understanding (MoU) draft is now in the final stages for approval by UUM, and if agreed, the date of signing the agreement between the two sides can be set.



CAWANGAN- CAWANGAN NEGERI

STATE BRANCHES



CAWANGAN-CAWANGAN NEGERI *STATE BRANCHES*

PROFIL

Arkib Negara Malaysia mempunyai 9 cawangan seperti berikut:

1. Cawangan Kedah/Perlis
2. Cawangan Pulau Pinang
3. Cawangan Perak
4. Cawangan Kelantan
5. Cawangan Terengganu
6. Cawangan Pahang
7. Cawangan Johor/Melaka/Negeri Sembilan
8. Cawangan Sarawak
9. Cawangan Sabah

Arkib Negara Malaysia Cawangan Negeri bertanggungjawab menjalankan tugas yang sama seperti yang dijalankan di Ibu Pejabat Kuala Lumpur. Bezanya ialah program/aktiviti yang dilaksanakan oleh Cawangan Negeri adalah dalam skala yang lebih kecil selari dengan peruntukan yang ada dan tenaga kerja yang kecil berbanding dengan Ibu Pejabat.

Secara umumnya, kerja-kerja utama Cawangan Negeri adalah berkaitan dengan pengurusan rekod dan arkib selaras dengan kehendak Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629). Kerja-kerja ini merangkumi aktiviti-aktiviti seperti membuat lawatan ke agensi-agensi kerajaan untuk memberi khidmat nasihat pengurusan rekod/arkib, membuat penilaian rekod, memproses rekod, pemeliharaan rekod/arkib melalui proses pengawetan dan penjilidan serta membantu orang ramai dalam membuat rujukan ke atas bahan dalam simpanan.

Dalam pada itu, Cawangan Negeri juga turut aktif dalam melaksanakan aktiviti pengembangan sebagai tambahan kepada kerja-kerja utamanya.

Aktiviti ini merangkumi mengadakan pameran-pameran bertemakan sejarah sebagai satu langkah menghebah dan memasyarakatkan bahan arkib kepada orang ramai. Program Pendokumentasian juga merupakan satu lagi aktiviti pengembangan penting yang dilaksanakan oleh Cawangan Negeri. Ini termasuk kerja-kerja mengadakan sesi Pengkisahan Sejarah, Bicara Sejarah, wawancara dengan tokoh-tokoh untuk mendapatkan maklumat penting di bawah program Sejarah Lisan dan projek membuat rakaman gambar ke atas

PROFILE

The National Archives of Malaysia has 9 branches as follows:

1. *Kedah/Perlis Branch*
2. *Pulau Pinang Branch*
3. *Perak Branch*
4. *Kelantan Branch*
5. *Terengganu Branch*
6. *Pahang Branch*
7. *Johor/Melaka/Negeri Sembilan Branch*
8. *Sarawak Branch*
9. *Sabah Branch*

The National Archives of Malaysia State Branches are responsible for carrying out the same tasks as those conducted at the Kuala Lumpur Headquarters. The difference is that the programmes/activities implemented by the State Branches are in a smaller scale in line with existing provisions and a small workforce compared with headquarters.

Generally, the main jobs at State Branches are related to records management and archiving in accordance with the requirements of the National Archives Acts 2003 (Act 629). These include activities such as visits to government agencies to provide advisory services on records management/archiving, to evaluate records, processing records, preserving records/archives through the process of curing and binding as well as helping the public in making references to the materials in storage.

Meanwhile, the State Branches are also active in implementing the expansion activities as an addition to their main jobs.

This activity includes conducting exhibitions with historical themes as a means of disseminating and communalising archival materials to the public. The Documentation programme is also another important expansion activity implemented by the State Branches. These include works on conducting Historical Narration sessions, Historical Discourse, interviews with prominent figures to obtain important information under the Oral History programme and photo recordings projects on important events/historic as well as historic places and buildings. The programmes/activities are mostly implemented in collaboration with other agencies.

peristiwa penting/bersejarah serta tempat dan bangunan bersejarah. Program/aktiviti ini kebanyakannya dilaksanakan secara kerjasama dengan agensi-agensi lain.

Cawangan Negeri sering menerima undangan daripada agensi-agensi kerajaan lain untuk mendapatkan bantuan dan kerjasama di dalam kerja pengembangan dan pendokumentasian dari semasa ke semasa. Melalui kerjasama seperti ini, Cawangan Negeri dapat membina jaringan kerjasama dan persahabatan dengan agensi-agensi lain. Dengan cara ini juga, akan dapat membantu dan memudahkan pegawai-pegawai di Cawangan Negeri melaksanakan tugas mereka.

PENCAPAIAN AKTIVITI TAHUNAN

Sepanjang tahun 2011, Cawangan Negeri telah dapat melaksanakan pelbagai program dan aktiviti dengan jayanya.

Khidmat Nasihat Pengurusan Rekod

Taklimat Pengurusan Rekod adalah bertujuan untuk memberi nasihat kepakaran ke arah meningkatkan kesedaran dan kefahaman tentang kepentingan dan cara-cara pengurusan rekod secara betul dan sistematik di kalangan agensi-agensi kerajaan. Sebanyak 8 sesi taklimat pengurusan rekod dan 142 lawatan pengurusan rekod telah diberikan kepada agensi-agensi kerajaan dan pejabat-pejabat cawangan negeri.

Pengumpulan dan Pemeliharaan Warisan

Ulangkaji rekod di jabatan-jabatan kerajaan perlu dijalankan bagi memastikan hanya rekod-rekod yang bernilai sahaja yang disimpan. Tindakan ini bagi memastikan tiada pembaziran masa, kos ruang simpan dan tenaga menguruskan rekod-rekod yang tidak lagi bernilai disamping dapat mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan di jabatan-jabatan kerajaan. Bagi tahun 2011, Cawangan-cawangan negeri telah berjaya memproses/membersih sebanyak 336.23 meter panjang fail (rekod). Jumlah fail (rekod) yang diterima oleh cawangan-cawangan negeri sepanjang 2011 ialah 494.10 meter panjang.

Pemeliharaan bahan-bahan yang rosak dan uzur dilakukan bagi memastikan bahan-bahan tersebut dapat disediakan bagi kegunaan para penyelidik. Pemeliharaan dibuat melalui proses pembaikan, pengawetan dan penjilidan. Sebanyak 1425 bahan telah berjaya dijilid dan 10806 helai bahan telah dibuat pengawetan.

The State Branches often received invitations from other government agencies requesting assistance and cooperation in the advocacy and documentation work from time to time. Through such cooperation, the State Branches can build network of collaborations and friendships with other agencies. In this way too, will be able to assist and facilitate officers at the State Branches to discharge their duties.

ANNUAL ACTIVITIES ACHIEVEMENTS

During the year 2011, the State Branches had been able to implement the various programmes and activities successfully.

Advisory Services on Records Management

Records Management briefing is intended to provide expert advice to increase awareness and understanding of the importance and methods of proper and systematic records management within government agencies. A total of 8 records management briefings and 142 records management visits were provided to government agencies and offices of the state branches.

Collection and Preservation of Heritage

Records reviews at government departments are carried out in order to ensure that only valuable records are stored. The action is done to ensure that there is no wastage of time, storage spaces cost and efforts to manage the records which are no longer valuable whilst being able to enhance the service delivery system at the government departments. In the year 2011, State Branches were successful in processing/cleaning a total of 336.23 metres file length (record). Total files (record) received by the state branches throughout 2011 was 494.10 metre length.

Preservation of materials that were damaged and outdated done to ensure that the materials can be provided for use by researchers. Preservation was done by the processes of repairs, curing and binding. A total of 1,425 materials were successfully bound and 10,806 sheets of materials were cured.



Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia, YBhg. Dr. Hajah Samsiah Muhamad melihat rekod-rekod sebelum dipindahkan dari Arkib Negara Malaysia Cawangan Terengganu ke Arkib Negara Malaysia Cawangan Pahang. Turut sama Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan dan Pengurusan), Encik Azemi Abdul Aziz (kiri), Pengarah Arkib Negara Malaysia Cawangan Terengganu, Haji Mohd Nasir Ismail (dua dari kiri) dan Pengarah Arkib Negara Malaysia Cawangan Pahang, Encik Ahmad Sukri Abdul Kadir.

Director General National Archives of Malaysia, YBhg. Dr. Hajah Samsiah Muhamad looking at the records before being transferred from National Archives of Malaysia Terengganu Branch to National Archives of Malaysia Pahang Branch. Also present Deputy Director General (Planning and Management), Encik Azemi Abdul Aziz (left), Director National Archives of Malaysia Terengganu Branch, Haji Mohd Nasir Ismail (second from left) and Director National Archives of Malaysia Pahang Branch, Encik Ahmad Sukri Abdul Kadir.

Memasyarakatkan Bahan Warisan

Kemudahan penyelidikan turut disediakan di cawangan negeri. Kemudahan ini bagi memastikan bahan warisan yang dikumpul dan dipelihara dapat digunakan oleh para penyelidik yang jauh dari Ibu Pejabat Arkib Negara Malaysia. Usaha menggalakkan penyelidik datang ke Arkib Negara Malaysia dan menggunakan bahan yang ada turut diperhebatkan. Bagi tahun 2011 seramai 3311 orang penyelidik didaftarkan membuat penyelidikan di 9 cawangan negeri yang ada. Sebanyak 195 helai bahan telah dibuat salinan atas permintaan penyelidik. Ini menunjukkan peningkatan kesedaran orang ramai terhadap kepentingan bahan-bahan arkib. Selain itu, sebanyak 3824 orang telah membuat lawatan ke semua cawangan negeri.

Communalising the Heritage Materials

Research facilities were made available at the state branches. The facilities to ensure heritage materials collected and preserved will be utilised by researchers that are away from the Headquarters of the National Archives of Malaysia. The efforts to promote researchers to the National Archives of Malaysia and utilizing the available materials was intensified. For the year 2011 a total of 3,311 researchers were registered to carry out researchers at the 9 existing state branches. A total of 195 sheet of materials were made copies requested by the researchers. This showed increased awareness among the public on the importance of archival materials. In addition, a total of 3,824 have made visits to all state branches.

Pameran juga merupakan salah satu usaha Arkib Negara memasyarakatkan bahan warisan yang ada dalam koleksinya. Usaha ini turut dilaksanakan oleh cawangan-cawangan negeri dari semasa ke semasa. Sepanjang tahun 2011, sebanyak 70 pameran bertemakan sejarah telah berjaya diadakan oleh cawangan-cawangan negeri dengan kerjasama jabatan/agensi lain.

Program pendokumentasian sejarah seperti Pengkisahan Sejarah, Bicara Sejarah dan Sejarah Lisan turut dianjurkan oleh cawangan-cawangan negeri. Sebanyak 8 sesi program pendokumentasian sejarah telah diadakan pada tahun 2011.

Exhibition is also another effort of the National Archives to communalised heritage materials in its collection. This effort was also implemented by state branches from time to time. In the year 2011, a total of 70 exhibitions with historical themes have been successfully conducted by the state branches with collaboration of other departments/agencies.

Historical documentation programme such as Historical Narration, Historical Discourse and Oral History were also organized by the state branches. A total of 8 sessions on historical documentation programmes have been conducted in the year 2011.

Duta Besar Jepun, H.E. Masahiko Horie dan isteri, Madam Yoko bersama Pengarah Arkib Negara Malaysia Cawangan Pulau Pinang, Encik Mohd Nasser Malim, pegawai serta kakitangan Arkib Negara Malaysia Cawangan Pulau Pinang bergambar selepas lawatan Duta Besar Jepun dan isteri ke Rumah Kelahiran Tan Sri P. Ramlee pada 23 Januari 2011.

Ambassador of Japan, H.E. Masahiko Horie and wife, Madam Yoko with Director the National Archives of Malaysia Penang Branch, Encik Mohd Nasser Malim, officers and staff of the National Archives of Malaysia Penang Branch pictured during the visit by the Ambassador of Japan and wife to Tan Sri P. Ramlee Birth House on January 23rd, 2011.



TYT Tang Dipertua Negeri Pulau Pinang, Tun Dr. Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas melawat pameran mengenai Sekolah Kebangsaan Kampong Jawa yang disediakan oleh Arkib Negara Malaysia Cawangan Pulau Pinang selepas mengisytiharkan Sekolah Kebangsaan Kampong Jawa sebagai Sekolah Kebangsaan Tan Sri P. Ramlee pada 13 November 2011. TYT Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, Tun Dr. Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas visiting the exhibitions prepared by the National Archives of Malaysia Penang Branch about Kampong Jawa Primary School after the proclamation of Kampong Jawa Primary School as Tan Sri P. Ramlee Primary School on November 13th, 2011.





PERTUBUHAN IKHTISAS ANTARABANGSA

INTERNATIONAL
PROFESSIONAL
ORGANISATIONS



PERTUBUHAN IKHTISAS ANTARABANGSA

Southeast Asia-Pacific Audio Visual Archives Association (SEAPAVAA)

Arkib Negara Malaysia telah diberi penghormatan menjadi tuan rumah kepada 15th SEAPAVAA Conference and General Assembly yang berlangsung dari 6 hingga 10 Jun 2012. Seramai 120 orang peserta terdiri daripada 55 orang peserta dari luar negara dan 65 peserta dalam negara termasuk pegawai Arkib Negara Malaysia telah menghadiri persidangan ini.

Persidangan yang bertemakan *Audiovisual Archives Management* ini adalah bersempena Hari Arkib yang jatuh pada 9 Jun setiap tahun. Persidangan tersebut telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, YB Senator Datuk Maglin Dennis D'Cruz pada 6 Jun 2012. Persidangan dimulakan dengan ucapan dasar oleh Kurt Deggeller yang bertajuk "*Audiovisual Archives and International Organisations: The Benefits of Networking*".

INTERNATIONAL PROFESSIONAL ORGANISATIONS

Southeast Asia-Pacific Audio Visual Archives Association (SEAPAVAA)

The National Archives of Malaysia has been given the honour as host to the 15th SEAPAVAA Conference and General Assembly which was held from June 6th to 10th, 2011. A total of 120 participants comprising of 55 participants from overseas and 65 participants from within the country including officers from the National Archives of Malaysia attended the conference.

The conference theme Audiovisual Archives Management was in conjunction with Archives Day which falls on June 9th every year. The conference was officiated by the Deputy Minister of Information, Communication and Culture, YB Senator Datuk Maglin Dennis D'Cruz on June 6th, 2011. The conference began with keynote address by Mr. Kurt Deggeller entitled "Audiovisual Archives and International Organisations: The Benefits of Networking".



Bergambar selepas Majlis Perasmian 15th SEAPAVAA Conference and General Assembly. Timbalan Menteri KKK, YB Senator Datuk Maglin Dennis D'Cruz (dua dari kiri) bergambar bersama YBhg. Dr. Hajah Samsiah Muhamad (tiga dari kiri), Presiden SEPAVAA, Tuenjai Sinthuvnik (kiri), Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Pengembangan), Puan Hajah Daresah Haji Ismail (tiga dari kanan) dan pembentang kertas kerja.

Photography session after the Opening Ceremony of the 15th SEAPAVAA Conference and General Assembly. Deputy Minister KKK, YB Senator Datuk Maglin Dennis D'Cruz (second from left) pictured together with YBhg. Dr. Hajah Samsiah Muhamad (third from left), President SEPAVAA, Tuenjai Sinthuvnik (left), Deputy Director General (Research and Advocacy), Puan Hajah Daresah Haji Ismail (third from right) and the paper presenters.

Penganjuran kali ini dikatakan unik kerana buat pertama kalinya Mesyuarat *Coordinating Council on Audiovisual Archives Association (CCAAA)* telah diadakan. Malah, mesyuarat ini merupakan yang julung kalinya diadakan di Asia dan di Malaysia. CCAAA adalah sebuah badan yang mengikat bersama lapan pertubuhan lain untuk membangunkan dasar dan standard pengurusan dan pemeliharaan rekod audiovisual serta mempertingkatkan profesionalisme *Audiovisual Archives* di seluruh dunia. Para peserta turut di bawa melawat negeri Melaka, Filem Negara Malaysia dan Jabatan Penyiaran (RTM) dan menyertai *Archival Gem Screening Night* dan Bengkel Pendigitalan Bahan Audiovisual.

Majlis Arkib Antarabangsa Cawangan Asia Tenggara (SARBICA)

Mesyuarat Lembaga Eksekutif SARBICA ke-18 telah diadakan di Manila pada 17 Oktober 2011. Arkib Negara Filipina selaku tuan rumah mesyuarat pada kali ini juga telah menganjurkan sebuah seminar antarabangsa bertajuk *Bridging The Worlds Through The Management of Electronic Records* yang telah dianjurkan dari 18 hingga 19 Oktober 2011 di Hotel Pan Pacific, Manila.

Mesyuarat Lembaga Eksekutif SARBICA pada kali ini telah dihadiri oleh semua 10 negara anggota, Setiausaha Kehormat dan 12 orang pemerhati. Arkib Negara Malaysia telah diwakili oleh Pn. Hajah Daresah Haji Ismail selaku Timbalan Pengerusi SARBICA, Pn. Yatimah Rimun yang telah tamat tempoh perkhidmatan sebagai Setiausaha Kehormat SARBICA selama empat tahun, Pn. Gowri PS Thangaya selaku Setiausaha Kehormat yang baru dan Cik Rusniza Hamdan sebagai pemerhati di mesyuarat dan pembentang kertas

The organization for this time was unique as it was the first time the Meeting of the Coordinating Council on Audiovisual Archives Association (CCAAA) was held. In fact, the meeting was the first of its kind in Asia and in Malaysia. The CCAAA is a body that tied together eight other organizations to develop policies and standards management and preservation of audio visual records as well as improving professionalism in Audiovisual Archives around the world. The delegates were taken to visit Malacca, the National Film Department of Malaysia and the Broadcasting Department (RTM) and attended the Archival Gem Screening Night and Workshop on Digitisation of Audiovisual Materials.

Southeast Asia Regional Branch of the International Council on Archives (SARBICA)

